

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4

Selasa

28 Ogos 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah
Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
- *YB Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty* (Halaman 27)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Selasa, 28 Ogos 2018
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Dr. Lucas Umbul** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, berikutan daripada rancangan Kerajaan Negeri Sabah untuk mengenakan cukai pelancong bagi warga asing yang melawat Sabah, apakah pendirian kementerian dan jumlah kedatangan pelancong ke Sabah untuk tahun 2017-2018.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Mohamaddin bin Ketapi]: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang dilantik ke Dewan yang mulia ini
[Tepuk]

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, undang-undang berkaitan cukai pelancongan telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan melalui Parlimen untuk dilaksanakan di seluruh Malaysia melalui pewartaan Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*] pada 21 Jun 2017. Ini kemudiannya diikuti dengan penguatkuasaan kutipan cukai pelancongan daripada pelancong asing dengan kadar RM10 sebilik setiap malam bermula Oktober 2017.

Oleh yang demikian, tidak timbul isu kutipan cukai pelancongan oleh setiap negeri dan sebarang pengenaan caj atau fi oleh negeri adalah berasaskan kepada undang-undang atau enakmen negeri. Berdasarkan laporan statistik oleh Lembaga Pelancongan Sabah, pelawat antarabangsa dan domestik yang mengunjungi Sabah pada tahun 2017 adalah seramai 3,684,734 orang. Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2018, seramai 1,891,951 orang pelawat telah mengunjungi Sabah. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu jelas. Sekali lagi pada hari ini saya mengambil peluang untuk mengucapkan syabas

dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dilantik sebagai Jemaah Menteri dalam Kerajaan Persekutuan yang baharu. Tahniah.

Yang Berhormat Menteri, pelancongan merupakan satu industri yang penting dan lumayan bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada ekonomi setempat. Industri pelancongan menyumbang kira-kira RM80 bilion setahun kepada negara. Kita mengambil contoh, seorang pelancong dari negara China menghabiskan kira-kira USD900 di Malaysia tetapi bilangan pelancongan dari China masih rendah berbanding dengan Thailand yang menerima 10 juta pelancong pada tahun lepas dan kita hanya 2.6 juta pelancong China pada tahun 2017.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kekurangan atau mungkin cadangan untuk penambahbaikan kemudahan sektor pelancongan di Sabah, merangkumi daripada aspek promosi, dengan izin, *event management*, hotel-hotel sehinggalah kepada van pelancongan? Apakah bentuk kerjasama yang boleh dijalinkan oleh kerajaan baharu dengan kerajaan negeri bagi meningkatkan pelancongan pelancong asing untuk datang ke negeri Sabah? Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Bagi menjawab soalan tambahan Yang Berhormat Senator, industri pelancongan di antara negara Thailand dan Malaysia, jika kita ambil kedatangan pelancong daripada China ke kedua-dua negara ini, tentu sekali kalau kita lihat memang banyak datang, mungkin ke negara Thailand, tidak boleh kita nafikan. Mungkin sesuatu yang lebih menarik di Thailand, dan mungkin ada kekurangan juga di negara kita ini.

■1010

Walau bagaimanapun, kita daripada semasa ke semasa akan membuat promosi tentang negara kita ini. Bukan sahaja di negara China, malahan di lain-lain negara. Di samping itu, kita akan nanti setakat ini kita akan membuat perundingan mengadakan *direct flight*, penerbangan terus daripada China ke Malaysia, Kota Kinabalu, Langkawi dan Kuala Lumpur dan sebagainya.

Satu daripada usaha kita baru-baru ini iaitu mengadakan *direct flight* daripada Bangkok ke Kota Kinabalu. Dengan cara ini kita berharap pelancong-pelancong yang datang ke Thailand ini akan ke Malaysia juga.

Keduanya, selaku Menteri Pelancongan di kerajaan pusat, memang berhasrat saya akan melawat ke setiap negeri dan berjumpa dengan Menteri-Menteri, Exco-Exco Pelancongan selain daripada Yang Amat Berhormat Ketua-ketua Menteri dan Menteri Besar untuk membincangkan cara kita untuk mempertingkatkan kerjasama supaya kita boleh membawa ramai lagi pelancong ke negeri-negeri di dalam Malaysia ini.

Selain daripada itu, mungkin saya tidak dapat mungkin menjawab secara terperinci seperti Yang Berhormat Datuk tanya sebentar tadi tetapi *insya-Allah* saya akan nanti menjawab secara bertulis dan juga boleh memberi penerangan lebih lanjut kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Pelancongan yang baru. Saya ingin memaklumkan ataupun saya ingin memaklumkan mengenai dengan kedatangan pelancong ke negara kita, mungkin statistik ini statistik lama. Kemasukan pelancong ke negara kita adalah di antara 10 hingga 15 peratus tertinggi di dunia tetapi angka itu yang tertinggi ialah pelancong daripada Singapura dan Thailand dan ada beberapa negara atau pelancong negara lain yang kerap ke negara kita ialah daripada China dan India.

Jadi soalan saya begini, salah satu sektor yang sedang kerajaan dahulu berusaha untuk meningkatkan ialah *health tourism* ataupun pelancongan berasaskan kesihatan. Jadi saya ingin tahu dalam tempoh tahun ini berapa peratuskah kedatangan pelancong untuk tujuan *health tourism* ini ataupun tujuan kesihatan.

Kedua ialah, apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan lagi sektor pelancongan kesihatan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan pokok adalah berkenaan dengan *tourism* dekat negeri Sabah tetapi terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Terima kasih tentang makluman. Saya ambil maklum kerana itu makluman. Tentu sekali memang pelancong yang terbanyak datang daripada China dan India. Setakat ini memang yang tertinggi sekali. Berhubung kait dengan *health tourism*. *Health tourism* ini memang satu bidang yang kita ambil berat. Perancangan kita memang ada setakat ini tetapi Yang Berhormat saya tidak ada perancangan-perancangan ini tidak ada yang terperinci di dalam tangan saya sekarang. Kalau Yang Berhormat boleh menerima, izinkan saya, saya fikir saya sampaikan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya ada menerima rungutan daripada pengusaha-pengusaha hotel yang mengatakan bahawa cukai pelancong ini telah menjejaskan bilangan pengunjung khususnya daripada negara China dan juga mungkin India. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan membantu pengusaha-pengusaha hotel meningkatkan lagi pelancong-pelancong datang ke negara kita. Terima kasih.

Tuan Mohamaddin bin Ketapi: Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan rungutan pengusaha hotel. Memang ada sedikit sebanyak kita menerima rungutan oleh

kerana Airbnb kononnya telah menarik pelancong supaya yang di hotel-hotel mahal ini tidak banyak penginapan daripada orang-orang yang datang daripada pelancong-pelancong. Kita yang sebetulnya, sama ada hotel mahupun Airbnb, semua ini berdaftar, semuanya berdaftar. Kalau Airbnb ini pun berdaftar dan juga inilah menjadi pilihan kepada setengah-setengah pelancong ini, kita tidak ada jalan lain untuk melarang mereka daripada jangan masuk pergi Airbnb.

Kita akan mengambil langkah bukan kita tidak ambil langkah, kita akan mengambil langkah untuk menyelesaikan perkara-perkara, rungutan-rungutan ini. Kalau saya tidak silap tidak lama lagi kunjungan hormat daripada persatuan hotel ini akan berjumpa dengan saya selaku Menteri Pelancongan dan saya akan mahu lebih tahu lagi masalah-masalah ini dan apa cara kita nanti akan selesaikan. Jadi Yang Berhormat kalau kita sudah duduk sama-sama dengan persatuan hotel ini kita sudah dengar apa masalah dan kita sudah dapat jawapan penyelesaian dan sebagainya, *insya-Allah* kita akan nanti beritahu kemudian. Terima kasih.

2. Datuk Jamilah Sulaiman minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kedudukan kes rasuah Datuk Shafie Apdal. Adakah diteruskan pendakwaan atau telah ditutup. Jika ditutup apakah justifikasinya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan ini. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada semua 12 pelantikan yang baharu Ahli Dewan Negara ini.

■1020

Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan oleh SPRM terhadap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal yang merupakan Ketua Menteri Sabah terkini telah dijalankan pada 21 April 2017 dan kertas siasatan telah diedarkan kepada Peguam Kanan Persekutuan SPRM pada 23 Mei tahun ini. Setelah meneliti semua keterangan, Pendakwa Raya memutuskan pada 20 Jun tahun ini bahawa tiada pendakwaan diteruskan kerana bukti yang diperolehi tidak mencukupi bagi tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama-tama saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan terutama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menekankan kerajaan baharu akan berpegang kepada pemerintahan *rule of law*. Memandangkan kes ini melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan

Pusat yang begitu besar iaitu RM1.5 bilion daripada jumlah peruntukan keseluruhan RM13 bilion untuk melaksanakan projek BALB, BELB di Sabah. Mengikut SPRM tidak dilaksanakan tetapi tuntutan telah dibuat dan ada di antara mereka yang terlibat juga sekarang ini memegang jawatan penting, dengan izin, *of people interest*. Maka kes yang begitu berat dan serius ini haruslah diambil tindakan mengikut lunas undang-undang dan bukan hanya, dengan izin, *swept under the carpet*.

Soalan tambahan saya ialah apakah fungsi dan tanggungjawab pihak SPRM dan AG Chambers di mana proses penyiasatan dan pendakwaan adalah berlainan? Apakah SPRM benar-benar sebuah badan bebas atau masih terikat dengan kerajaan yang memerintah kerana biasanya yang disiasat adalah pihak pembangkang? Apakah pendakwaan atau pembatalan percaraan atas arahan pemerintah?

Akhir sekali, apakah usaha kerajaan untuk memastikan mendapatkan kembali jumlah kerugian RM1 bilion dalam kes skandal rasuah ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya telah pun katakan tadi bahawa tiada sebarang pertuduhan yang telah pun disiasat oleh pihak SPRM yang berasas dalam perkara ini. Jadi tohmahan dan juga fitnah yang datang daripada Yang Berhormat Senator ini adalah tidak berasas sama sekali, kononnya yang melibatkan wang tunai RM1.5 bilion ini.

Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa kes yang melibatkan, yang disebutkan tadi pada masa itu telah pun menjawat jawatan sebagai Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan telah pun kononnya disyaki menerima wang sebanyak yang telah pun dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Senator kita.

Sekiranya kita lihat wang tunai yang begitu banyak, tidaklah masuk akal bahawa boleh disimpan di mana-mana. Tidak sama dengan Jabatan Air Negeri di Sabah di mana kita dapat lihat wang tunai yang telah pun dijumpai di kabinet-kabinet ataupun di laci-laci Jabatan Air Negeri tersebut. Akan tetapi kita kena tanya satu soalan, siapa yang jaga Jabatan Air Negeri pada masa itu? Yang Berhormat Senator patutlah tanya kepada Presiden dia, mantan Presiden dia kerana beliau lah merupakan Menteri negeri yang pada masa itu menjaga Jabatan Air Negeri. Kenapa tidak tanya kepada Presidennya, dari mana wang itu datang kerana dia dijaga di bawah Menteri tersebut.

Siasatan mengenai isu KKLW ini telah pun dijalankan di bawah seksyen 17(a) SPRM 2009, dan kes siasatan telah pun dibuka pada 21 April 2017. Seperti yang saya katakan tadi bahawa kertas siasatan telah pun diedarkan untuk kajian SFC dengan syor tuduh terhadap Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal. Akan tetapi pada 28 Jun tahun ini, keputusan

daripada SFC adalah *no further action* (NFA) dan juga kes untuk simpan (KUS) kerana keterangan yang diperoleh tidak mencukupi bagi tindakan pendakwaan terhadap Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie. Mengenai kes-kes yang lain, saya rasa Yang Berhormat ini dia hanya mendengar cerita sahaja. Dia tidak faham kes yang keseluruhannya dan kita dapat lihat bahawa Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal telah pun ditahan oleh SPRM pada 19 Oktober tahun lalu.

Pada malam dan juga siasatan awal telah pun dijalankan melalui temu bual di pejabat SPRM Kota Kinabalu. Pada masa yang sama saya juga difahamkan bahawa SPRM telah pun pergi ke rumah Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie dan juga *check* akaun Yang Berhormat dan tidak ada jumpa duit yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator ini. Jadi ini merupakan satu tohmahan, merupakan satu fitnah dan sekiranya Yang Berhormat berani ulangi tohmahan ini di luar Dewan ini, jangan gunakan Dewan ini untuk melindungi beliau.

Yang Berhormat ini juga tidak faham mengenai *separation of judicial power* di mana siasatan akan dibuat oleh pihak SPRM dan selepas siasatan telah pun diselesaikan, pihak SPRM akan menghantarkan surat siasatan ataupun kertas siasatan kepada pihak Peguam Negara dan Peguam Negara akan memutuskan sama ada terdapat kes ataupun tidak untuk teruskan kepada mahkamah sekiranya ada kes.

Jadi tidak ada *special treatment* di sini dalam kes ini seperti kes-kes yang kita lihat baru-baru ini di mana tidak diberi baju oren memandangkan saya ingat lagi Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie telah pun memakai baju oren tetapi terdapat pula seorang ataupun dua yang ditahan tetapi seorang kenamaan, seorang pemimpin di negara ini tidak diberi pakaian tersebut.

Akan tetapi walau bagaimanapun penting sekali pihak SPRM telah pun mengesahkan bahawa tiada bukti terhadap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal yang merupakan Ketua Menteri terkini di Sabah. Jadi saya harapkan bahawa Yang Berhormat sekiranya bertanya soalan, pastikan bahawa fakta-fakta yang diperoleh ini adalah yang kukuh, bukan sahaja dengar daripada khabar angin, dapatkan maklumat daripada sosial media. Itu semua adalah berita palsu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Mohon soalan tambahan.

Datuk Jamilah Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi sudah minta. Sudah bagi soalan tambahan.

Datuk Jamilah Sulaiman: Ya, cuma saya ingin menyatakan di sini yang bahawa Yang Berhormat Datuk VK Liew adalah seorang pemimpin yang dipilih oleh rakyat dan soalan yang saya ajukan adalah yang berkepentingan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Jamilah Sulaiman: Ya dan janganlah mahu cabar mencabar, mahu bertumbuk, bertumbuk kah di luar Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya, ya saya faham. Yang Berhormat...

Datuk Jamilah Sulaiman: Itu amat tidak berdisiplin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Berhormat boleh bahas. Sekarang masa soalan Jawab Lisan ini satu soalan tambahan sahaja. Silakan, Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri ada menyebut perkataan mengenai *special treatment*. Saya ingin mohon penjelasan apa yang dimaksudkan sebagai *special treatment* di dalam siasatan kerana saya melihat dalam keadaan yang lain, juga kita sebagai pengamal undang-undang kadang-kadang kita kurang faham apabila ada kes yang sangat serius, contohnya katalah kes ugutan terhadap TYT. Tiba-tiba orang yang mahu disiasat, didakwa tetapi boleh membuat kenyataan ataupun tidak bekerjasama dengan penyiasatan.

Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ketika mana di peringkat siasatan tersebut, adakah perkara-perkara tersebut boleh dilakukan kerana sebagai perbandingan Tuan Yang di-Pertua, di negara seberang ada seorang pemimpin tinggi, kebetulan Tuan Yang di-Pertua tetapi bukan Tuan Yang di-Pertua Malaysia lah, negara seberang. Dia masa hendak didakwa dia kata dia di luar negara. Lepas itu bila dia balik, dia kata dia sakit.

■1030

Sekarang ini apa yang berlaku peguam yang mewakili beliau itu, saya tidak hendak sebut nama pemimpin itu- peguam itu pun kena dakwa sebab peguam itu yang menelefon hospital, menyediakan segala urusan yang sebenarnya orang itu tidak sakit pun. Jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, tadi ada bercakap mengenai ada pakai baju oren, tidak pakai baju oren. Jadi bagi saya undang-undang seperti yang dikatakan oleh rakan saya tadi Yang Berhormat Senator, *rule of law must be dipanggil, law is blind*.

Jadi dalam konteks ini mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan kepada Dewan ini apa yang Yang Berhormat Menteri maksudkan. Adakah kes-kes sebegitu ataupun ada kes di negara ini dalam konteks yang sama? Mohon penjelasan.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator kerana telah pun dilantik kelmarin dan hari ini telah pun terlibat dalam soal sesi ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pertamanya bahawa undang-undang adalah saksama dan juga adalah *equal* kepada semua rakyat Malaysia. Tidak ada *special treatment* yang diberi kepada sesiapa pun dan sepatutnya tidak boleh diberi kepada sesiapa pun.

Dalam kes Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Shafie Haji Apdal, pada masa tahanan, beliau tidak ada diberikan apa-apa *special treatment*. Akan tetapi kita dapat lihat bahawa kes ugutan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator ini memang terlibat dengan Ketua Menteri yang lalu iaitu mantan Ketua Menteri Sabah di mana kita ketahui bahawa beliau telah pun membuat ugutan melibatkan Tuan Yang Terutama negeri Sabah dan laporan telah pun dibuat oleh Tuan Yang Terutama Sabah.

Jadi kita dapat lihat bahawa beliau pada masa itu telah pun meninggalkan negara kita ke sebuah tempat yang kita tidak ketahui selepas itu. Kita dimaklumkan melalui peguamnya bahawa beliau dalam keadaan yang tidak sihat dan juga diberikan keutamaan untuk mendapatkan perubatan, *medical* tetapi pada masa ini kita tidak ada pengesahan sama ada perubatan, *medical* itu sama ada sah ataupun tidak kerana pihak kerajaan, doktor belum lagi mengesahkan itu.

Akan tetapi kita dimaklumkan bahawa beliau telah pun kembali ke tanah air pada minggu lalu dan pada masa ini telah pun mendapatkan rawatan di sebuah *medical centre* di Kuala Lumpur. Setakat ini siasatan masih dijalankan dan saya difahamkan bahawa isu mengenai SPRM, pihak SPRM akan terus dengan aktif menyiasat kes-kes yang telah pun diadakan oleh beberapa pengadu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengulangi lagi apa yang saya katakan tadi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah yang katanya saya mahu bertumbuk-tumbuk dengan beliau di luar Dewan ini [*Ketawa*] Ini saya rasa *it's not true*, saya hanya mengatakan bahawa sekiranya beliau mengulang balik apa yang beliau kata dalam Dewan ini akan menunjukkan bahawa beliau tidak takut dengan apa yang beliau telah pun katakan dalam Dewan ini.

Jadi saya rasa bahawa isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Yusmadi ini adalah isu yang penting sekali kerana kita dalam negara ini tidak patut diberikan *special treatment* apabila kita dituduh ataupun disyaki melibatkan sesuatu kes-kes jenayah kerana *the rules of law in this country is very important*, inilah Manifesto Pakatan Harapan untuk memastikan bahawa perundangan di negara kita ini sentiasa dipatuhi oleh setiap rakyat di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri pun kena berterima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jamilah kerana memberi peluang kepada kerajaan untuk menjawab isu yang sensitif... [*Dewan tepuk*]

Datuk Liew Vui Keong: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid, silakan.

3. Dato' Isa bin Ab. Hamid minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pusat asuhan kanak-kanak yang diwujudkan di premis dan jabatan kerajaan bagi ibu bapa yang bekerja serta usaha untuk memperkasakan program tersebut; dan
- (b) apakah usaha kementerian dalam menangani kes penderaan bayi dan kecuaiian di pusat tersebut supaya sentiasa dipantau dan tindakan wajar dapat diambil.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Isa pada 28 Ogos bersekali dengan soalan nombor 18 daripada Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal, dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah untuk soalan nombor 53, dan untuk Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, soalan nombor 23, bersekali kerana soalnya saling berkait.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia operasi dan penubuhan institusi pendidikan awal kanak-kanak khususnya bagi Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan sentiasa berusaha menambah baik perkhidmatan taska di seluruh Malaysia. Semua taska hendaklah berdaftar dan mematuhi Akta TASKA 1984 dan Peraturan-peraturan Taska 2012.

Oleh sebab kita mempunyai ramai Senator baru, saya rasa ada baiknya saya jelaskan bahawa taska adalah untuk kanak-kanak yang berusia 0 hingga empat tahun dan tadika pula adalah untuk kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun. Untuk taska ia adalah di bawah kementerian kita, untuk tadika ia adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan.

Antara syarat kelayakan minimum yang diperlukan oleh pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh taska untuk berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

- (i) merupakan warganegara Malaysia;
- (ii) berumur 18 tahun ke atas; dan
- (iii) telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP)

Semua pengusaha, penyelia dan pengasuh yang bekerja di taska hendaklah menghadiri dan lulus KAP bagi memastikan semua yang terlibat mempunyai pengetahuan tentang perkembangan, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Pengasuh yang menghadiri KAP juga akan menerima latihan dalam melakukan pemeriksaan fizikal terhadap kanak-kanak setiap hari sebaik saja menerima kanak-kanak dari ibu bapa bagi mengenal pasti sekiranya berlaku sebarang bentuk kecederaan fizikal terhadap kanak-kanak.

Buat masa ini lebih kurang 43 buah agensi memberikan latihan ataupun kursus KAP ini. Pengusaha pada masa memohon mesti ada KAP dan sekurang-kurangnya seorang pengasuh dalam taska tersebut mesti telah menjalani Kursus KAP, yang lainnya kami memberi *grace period* satu tahun untuk semua staf menghadiri dan melengkap kursus KAP ini. Kursus KAP ini kosnya RM900 dan memerlukan masa 28 hari dan lima hari untuk praktikal amali.

Tuan Yang di-Pertua, statistik taska di premis dan jabatan kerajaan. Berdasarkan statistik dari JKM sehingga Jun 2018 tahun ini terdapat 4,302 buah taska dengan pecahan taska institusi sebanyak 3,242 buah, taska di tempat kerja sektor awam sebanyak 206 buah, taska di tempat kerja sektor swasta sebanyak 52 buah, taska komuniti sebanyak 39 buah dan taska di rumah sebanyak 763 buah.

Jadi yang perlu berdaftar kalau mereka menjaga lebih daripada empat orang kanak-kanak. Kalau kurang daripada empat kanak-kanak, buat masa ini tiada penyeliaan dilakukan. Kementerian sedang merangka ataupun sedang melihat semula perundangan yang sedia ada untuk kami mengawal selia pengasuh yang menjaga kurang daripada empat orang kanak-kanak.

Kementerian telah mengadakan beberapa inisiatif dan insentif untuk menggalakkan penubuhan taska seperti berikut:

- (i) menggalakkan kementerian ataupun jabatan kerajaan menubuhkan taska di tempat kerja masing-masing bagi kebajikan anggota perkhidmatan awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6, Tahun 1989;
- (ii) pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun diberi kepada pengusaha taska tanpa mengira pemilik ataupun penyewa bangunan;
- (iii) pemberian elaun bangunan industri pada kadar 10 peratus untuk ubah suai dan penyelenggaraan dan pemilikan bangunan untuk taska bagi majikan sektor swasta merujuk kepada perenggan 80, Jadual Akta Cukai Pendapatan 1967;

- (iv) insentif ini hanya terpakai kepada pemilik bangunan yang menjalankan perniagaan taska yang berdaftar dengan JKM;
- (v) mewujudkan *Task Force Ramping Up The ECCE Industry* yang berperanan untuk mengatasi isu-isu taska termasuk isu penubuhan taska di tempat kerja; dan
- (vi) menghasilkan syarat-syarat penubuhan di bangunan bertingkat yang diterbitkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada Julai 2017 bagi penubuhan tadika dan taska di bangunan bertingkat yang membenarkannya beroperasi di bangunan bertingkat tidak melebihi aras lima bangunan tersebut.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah mengawal selia taska berdaftar. Baru-baru ini, negara dikejutkan dengan tragedi kematian bayi di rumah pengasuh yang menarik perhatian ramai kerana dianggap tragik. Kejadian seperti ini berlaku antara lain berpunca daripada pengasuh yang tidak terlatih terutamanya dalam situasi kecemasan yang melibatkan bayi.

Kegagalan pengasuh dan taska untuk berdaftar menyebabkan pemantauan tidak dapat dibuat oleh pihak JKM. Dalam situasi sebegini, kerjasama orang awam untuk melaporkan aktiviti pengasuhan yang mencurigakan adalah penting bagi membolehkan pihak JKM menjalankan pemantauan dan pemeriksaan sebelum sesuatu kejadian buruk terjadi. Pendaftaran pengasuh dan taska merupakan salah satu mekanisme kawalan terhadap keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di bawah jagaan.

Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan taman asuhan yang dikendalikan oleh pengusaha berada di tahap keselamatan yang tinggi, kementerian melalui JKM menjalankan pemantauan ke atas taska. Di antara bentuk pemantauan yang dijalankan ialah seperti berikut. Pertama, menjalankan aktiviti pengesanan taska tidak berdaftar sepanjang masa dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKM. Kami menerima aduan dari semasa ke semasa oleh pengadu ataupun orang awam dan kami akan turun melaksanakan pemeriksaan.

Kedua, menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke taska oleh pegawai diberi kuasa *spot-check*.

Ketiga, mengambil tindakan penguatkuasaan dalam peruntukan Akta TASKA 1984. Bagi taska yang tidak berdaftar, tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah lak, kompaun dan pendakwaan. Manakala bagi taska yang berdaftar, tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil adalah arahan bertulis, tutup sementara, batal pendaftaran, kompaun dan pendakwaan di mahkamah.

Pelaksanaan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di taska yang berdaftar dengan JKM melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bilangan 1 Tahun 2015. Pemasangan CCTV buat masa sekarang adalah wajib bagi semua pengusaha taska. Akhir sekali, menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999, 24 jam yang membolehkan sebarang aduan penderaan bayi dilaporkan pada bila-bila masa.

Usaha untuk menggalakkan pendaftaran taska sedang giat dijalankan. JKM mengumpul notifikasi pengasuh di rumah sejak tahun 2016 bagi individu yang mengasuh kanak-kanak di bawah empat tahun, kurang daripada empat orang di rumah sendiri. JKM membimbing pengasuh dan memberi maklumat tentang KAP dan program, seminar, taklimat berkaitan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang melalui agensi latihan yang telah diiktiraf oleh JKM agar pengasuh dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang tersebut.

JKM juga mengadakan pelbagai program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan ibu bapa tentang kepentingan menghantar anak ke taska yang berdaftar. Contoh program ialah Jom Daftar dan membuka kaunter maklumat pameran dalam program-program yang dianjurkan oleh jabatan dan agensi kerajaan yang lain. Pihak JKM juga mengadakan perjumpaan dengan penyelaras taska negeri dua kali setahun bagi membincangkan status kemajuan pendaftaran taska di tempat kerja dan strategi pendaftaran.

Untuk soalan spesifik yang bertanyakan mengenai kes di Pulau Pinang, berdasarkan rekod JKM bagi tempoh Januari hingga Mei 2018, sebanyak 199 kes abai, dera, cuai yang melibatkan kanak-kanak dalam jagaan pengasuh telah dilaporkan di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini, sebanyak lapan kes berlaku di Pulau Pinang. Langkah-langkah seterusnya, satu jawatankuasa khas diwujudkan untuk meneliti perkara seperti berikut:

- (i) mewujudkan satu piawaian kompetensi untuk diguna pakai oleh pengasuh kanak-kanak yang merangkumi aspek keselamatan, latihan dan kemahiran asas yang diperlukan oleh seorang pengasuh;
- (ii) mengawal selia keperluan untuk mewajibkan pengasuh kanak-kanak mendaftar dengan JKM. Untuk mereka yang menjaga kurang daripada empat orang kanak-kanak;
- (iii) menubuhkan pasukan dalam kalangan pegawai diberi kuasa taska bagi membuat audit dan memberikan khidmat nasihat teknikal kepada semua agensi kerajaan di tempat kerja;
- (iv) membangunkan garis panduan taska tempat kerja;

- (v) mengkaji ruang yang boleh ditambah baik dalam Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Kementerian sedang giat melaksanakan kajian ini; dan
- (vi) mengkaji kos yang terlibat dalam pengurusan pengasuhan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya ingat cukuplah.

Puan Hannah Yeoh: Akan tetapi banyak soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, Yang Berhormat. Yang Berhormat, ini bukan perbincangan. Itu satu.

Kedua, Yang Berhormat memberi dasar Kementerian berkenaan dengan pusat asuhan dan sebagainya, kita tidak ada masa, Yang Berhormat. Ramai Menteri yang hadir.

Puan Hannah Yeoh: Baiklah, baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Saya akan bagi...

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Soalan tambahan yang ringkas.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa jawapan Yang Berhormat Menteri terlalu panjang, lengkap.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana ada banyak soalan yang disatukan. Lain kali Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini kita jangan satukan. *[Ketawa]* Silakan.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Soalan tambahan saya, apakah status kedudukan pengasuh-pengasuh yang masih lagi tidak mempunyai sijil walaupun Kementerian akan memberi ruang? Adakah pengasuh-pengasuh ini akan ditamatkan serta-merta? Seterusnya, adakah pihak Kementerian mewujudkan *task force* pemantauan supaya kes-kes kecuaiian dan penderaan bayi tidak berulang? Sekian, terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Sudah dijawab tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, Yang Berhormat. Ini panjang lebarlah. Sudah bagi dasar kerajaan pun.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Pendek sahaja soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Kementerian Pembangunan Wanita, Dato' Hajah Fahariyah pun ada bangun.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pihak kementerian mewajibkan pemeriksaan mental kepada pengasuh-pengasuh ini kerana hari ini mental punya masalah ini bukan orang pakai dalam keadaan yang kurang, tetapi yang *smart* pun ada masalah dia. Adakah kementerian ada dia punya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri bagi jawapan yang panjang lebar tetapi yang pasal mental itu tidak beritahu... [*Dewan ketawa*] Dia hendak tahu pasal mental.

Puan Hannah Yeoh: Isu kesihatan mental sekarang telah melibatkan lebih kurang 30 peratus daripada penduduk warga Malaysia. Jadi kesihatan mental merupakan satu isu spesifik yang sangat memerlukan perhatian kerajaan. Kementerian ini sekarang sedang menilai dalam garis panduan yang kita hendak lakukan untuk pengasuh yang menjaga kurang daripada empat kanak-kanak. Kami ada berbincang tentang isu kesihatan mental ini tetapi kesihatan mental ini bukan sahaja melibatkan pengasuh tetapi ibu bapa sendiri kerana banyak penderaan dilakukan oleh saudara mara dan ibu bapa sendiri. Terima kasih.

4. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah pihak kerajaan baharu dalam menangani kos sara hidup rakyat khususnya dalam menunaikan janji manifesto pada pilihan raya umum baru-baru ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirabbil alamin. Wassalatu wassalamu ala asyrafilanbiya iwal mursalin. Waala'alihi waashabihi ajmain.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, saya mohon untuk mengambil ruang ini untuk merakamkan tahniah kepada Ahli Dewan Negara yang dilantik semalam khusus kepada rakan-rakan saya, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid; Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad; dan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Rakan-rakan saya daripada Parti Keadilan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba ringkaskan. Namun, saya memilih untuk menggabungkan jawapan ini sebagai maklum balas kepada soalan yang dikemukakan selain daripada Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani, juga ialah Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen, pertanyaan lisan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah dan pertanyaan lisan Yang Berhormat Puan Hajah Rahemah binti Idris kerana ia menyentuh topik yang sama.

Saya juga hendak ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya. Soalannya berkisar kepada satu paksi yang sama iaitu peningkatan kos sara hidup. Soalannya berhajat kepada jawapan apakah inisiatif dan langkah serta tindakan yang diambil oleh kerajaan khususnya kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa langkah pertama yang kita ambil di peringkat dasar ialah Kabinet telah bersetuju untuk menubuhkan Majlis Tindakan Sara Hidup yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh kementerian-kementerian yang dekat dalam menguruskan isu kos sara hidup. Kos sara hidup rakyat ini Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, disumbangkan kebanyakannya oleh enam sektor seperti berikut:

- (i) makanan;
- (ii) perumahan;
- (iii) *bill utilities*;
- (iv) pengangkutan;
- (v) pendidikan; dan,
- (vi) kesihatan.

■1050

Apa pun perbelanjaan kita, ia tidak lari daripada enam perkara ini. Jadi, bercakap tentang topik kos sara hidup ini, dia mesti datang daripada perbelanjaan rakyat yang berkaitan dengan enam perkara.

Untuk itu, tindakan kerajaan adalah Majlis Tindakan Sara Hidup yang bertujuan untuk mengumpul semua maklumat yang tepat daripada semua kementerian dan agensi yang ber-*authority* dan *legitimate* dan dengan data-data itu nantinya, kita akan menyusun strategi, pelan tindakan ke arah membantu melegakan isu peningkatan kos sara hidup ini.

Apa pula tindakan di peringkat kementerian? Kuncinya Tuan Yang di-Pertua adalah kerjasama strategik antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebab menjamin bekalan yang mencukupi itu dalam daerah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Bayangkan dari segi statistik Tuan Yang di-Pertua, tahun 2017, import makanan kita sahaja nilainya RM51 bilion. Kita tidak mampu menghasilkan makanan yang cukup, kita masih bergantung kepada import.

Berapa pula yang kita eksport? Kita eksport RM31 bilion. Itu defisit RM20 bilion. Kita punya beras tidak cukup, bawang tidak cukup. Bawang semua kita beli dari luar, semua. Tidak ada sebiji pun kita tanam dalam negara. Ya. Baik, itu contoh. Jadi, kerjasama strategik Kementerian Pertanian adalah bagi memastikan bekalan mencukupi.

Kedua, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebab kementerian ini memandu dasar dan polisi ekonomi dan kerjasama strategik ini adalah satu yang wajib bagi memastikan bahawa kita menyusun tindakan mengikut saluran dan maklumat yang betul dan sahih.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga dibekalkan dengan beberapa akta termasuklah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Daripada akta ini, akan lahir beberapa peraturan, termasuklah Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan. Antipencatutan maknanya, anti pengambilan untung yang berlebihan. Dengan adanya akta ini, membolehkan bahagian penguat kuasa kementerian mengambil tindakan. Itu yang pertama.

Seterusnya adalah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan. Perayaan utama di negara kita iaitu Hari Raya Puasa, Krismas, Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Keamatan. Musim perayaan ini, rakyat akan berbelanja lebih untuk mendapatkan makanan-makanan keperluan untuk hari besarnya, hari istimewa ini. Oleh kerana itu bila permintaan tinggi, harga akan tinggi. Akan tetapi kerana adanya Skim Kawalan Harga Musim Perayaan, maka harga jualan itu terkawal. Itu langkah yang diambil oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah elemen atau unsur aduan itu penting. Kalau ada misalnya rakyat bila dia pergi pasar basah, dia pergi *supermarket*, dia pergi *hypermarket*, dia pergi kedai runcit dan di mana sahaja dia berbelanja, didapati bahawa ada berlaku penjualan oleh peniaga pada harga yang tinggi dan tidak munasabah, maka kementerian ini membuka ruang untuk saluran aduan.

Ada portal e-Aduan, ada aplikasi telefon pintar, ada talian *hotline* kementerian 1800-886-800, ada e-mel, ada surat atau datang sendiri. Berapa purata aduan setiap bulan? Lebih kurang 1,500. Kecuali waktu kita sifarkan GST pada 1 Jun, itu meningkat sehingga 4,000. Ya, baik. Setiap aduan ini akan diteliti oleh pegawai kementerian dan jika memerlukan tindakan, bahagian penguatkuasa ada Skwad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR) dan *Special Action Squad* (SAS). Itu langkahnya.

Baik, apa lagi langkah yang diambil, inisiatif? Ada Program Penyeragaman Harga. Apa maksud program ini? Program ini hendak pastikan bahawa barangan keperluan utama rakyat macam minyak masak, gas, gula, harga di kawasan pedalaman Sabah, Sarawak atau di Kelantan atau di Terengganu, kawasan pedalaman, pulau dan kawasan-kawasan pedalaman, harga di Ba'kelalan, Sarawak mesti sama dengan harga di PJ. Sedangkan hendak sampai ke lokasi pedalaman itu melibatkan kos pengangkutan. Di sana, ada Program Penyeragaman Harga. Bermaksud, kerajaan membayar kos pengangkutan. Jadi, menurunkan harga makanan keperluan utama ini.

Juga, kita kekalkan pemberian subsidi minyak masak misalnya, terutama yang berbungkus satu kilogram, pekot satu kilogram. Minyak masak yang lima kilogram dan seterusnya, tidak ada subsidi. Minyak masak satu kilogram ada subsidi. Kenapa boleh kita beli dengan harga RM2.50? Ini disebabkan bagi setiap satu kilogram, kerajaan subsidi 60 sen. Itu ikhtiar kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memilih untuk berkongsi maklumat bahawa *hypermarket* yang besar di negara kita, mereka menguasai pasaran peruncitan ini dengan begitu meluas. *Hypermarket* ini ia merupakan premis perniagaan yang set harga, *price setters, they are price setters*, dengan izin. Oleh kerana itu, barangan mereka dijual secara relatifnya lebih murah berbanding kedai-kedai runcit biasa. Kementerian memanggil mereka ini, kemudian *engage* dengan mereka, kemudian meminta kerjasama mereka supaya barangan item pengguna yang lazimnya dibeli oleh rakyat ketika berbelanja di *hypermarket*, murah, kita minta *hypermarkets* besar ini supaya dapat bantu kementerian bila kita buat karnival jualan di bawah. Barang-barang di *hypermarket* yang murah ini, kita bawa ke bawah, ke kawasan pedalaman dan ini kita akan mulakan pada bulan September ini Tuan Yang di-Pertua.

Itu antara langkah dan inisiatif yang diambil oleh kementerian ke arah membantu melegakan isu peningkatan kos sara hidup. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan dan pada kesempatan ini, saya ingin ucapkan tahniah pada pihak kementerian yang telah mengumumkan penurunan harga gula kasar sebanyak 10 sen semalam. Terima kasih. Dari jawapan-jawapan yang diterima, kebanyakan sudah dijawab.

Cuma, saya ingin bangkitkan kembali seperti yang kita sedia maklum, pihak kerajaan yang lalu telah pun mengumumkan di bawah Bajet 2018 di mana peruntukan sebanyak RM3.9 bilion telah disediakan untuk subsidi-subsidi pengangkutan seperti Yang Berhormat Menteri cakap tadi, terutama sekali untuk program-program *Community Drumming*. Ini untuk bahan petrol dan juga diesel ke luar bandar dan juga pekan-pekan kecil khususnya di Sabah dan Sarawak. Juga subsidi-subsidi seperti Yang Berhormat Menteri telah nyatakan tadi dikekalkan dan saya ucapkan terima kasih.

Untuk menambah satu soalan, apakah langkah serta jaminan pihak kementerian agar barangan tidak akan dinaikkan sewenang-wenangnya oleh para peniaga dengan pelaksanaan sistem cukai baru iaitu SST bermula 1 September ini? Sekian, dan terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani. Apakah langkah dan persiapan kementerian untuk menghadapi 1 September yang tinggal beberapa hari sahaja lagi?

Tarikh 1 September yang akan kita tempuh ini adalah setelah kita melalui tiga bulan di mana tidak ada cukai dikenakan. Logiknya ketika tiga bulan itu, harga barangan sepatutnya murah. Apakah itu berlaku?

Ada satu sahaja cara hendak ukur dia, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dengan melihat Indeks Harga Pengguna. Kalau Indeks Harga Pengguna bacaannya turun, maka kita boleh buat andaian bahawa kos sara hidup itu adalah dianggap berada pada keadaan yang baik. Itu sahaja ukuran yang kita ada. Hendak ukur jarak- kilometer. Hendak ukur berat- kilogram. Hendak ukur kos sara hidup, Indeks Harga Pengguna. Siapa yang buat? Jabatan Perangkaan.

Mohon saya berkongsi bagi memberikan gambaran itu ialah pada bulan Mei, ketika itu GST masih ada, Indeks Harga Pengguna keseluruhan ialah bacaannya 1.8.

■1100

Indeks pada bulan Jun, itu ketika sifar GST, itu sudah turun menjadi 0.8. Bagaimana indeks ini diperolehi? Jabatan Perangkaan akan mengadakan satu bakul pengguna, semua perbelanjaan yang berkaitan dengan makanan, minuman, pakaian, perumahan, perkakasan, kesihatan, pengangkutan, komunikasi segala macam mereka ambil. Kemudian, mereka membuat analisis dan memberikan ia sebagai satu panduan kita. Bagaimana dengan Indeks Harga Pengguna Julai? Ia naik 0.9, naik 0.1 mata.

Apabila saya teliti data ini, saya dapati ada dua penyumbang utama iaitu kos pengangkutan naik, begitu juga pendidikan. Sahabat saya Menteri Pendidikan di sebelah, pendidikan sebab bulan Julai ini masyarakat hantar anak-anak mereka belajar ke- sudah mula daftar, jadi perbelanjaan bertambah itu akan memberikan bacaan bertambah. Jadi apabila kita gabungkan 0.9. Kita jangka Indeks Harga Pengguna untuk segmen pendidikan ini bulan Ogos, bulan September, ketika rakyat hantar anak-anak mereka belajar di universiti akan bertambah. Itu petunjuk.

Menjelang 1 September, kita tahu bahawa SST ini ada barangan yang dikenakan kosong SST. Ada yang dikenakan lima peratus. Kebanyakan makanan, harga barangan makanan lima peratus. Ada yang kena 10 peratus, yang kita kenakan cukai ini pada *sources*, pada sumber, pada pengilang. Tidak pada pemborong, tidak pada pengedar, tidak pada peruncit.

Baik, yang pertama Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani mahu bertanya tentang persiapan kementerian. Kementerian telah mengadakan pertemuan dengan pihak pembekal barangan yang memenuhi pasar raya, *hypermarket*, kedai-kedai ini adalah pembekal barang-barang kebersihan diri, barang makanan, barangan tin, pembekal. Jadi kementerian telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak pembekal, memaklumkan

bahawa mereka harus lebih cermat untuk tidak segera atau sewenang-wenangnya menaikkan harga jualan untuk menempatkan barangan mereka di pasar raya, *supermarket* dan sebagainya sebab pembekal ini yang akan menentukannya, yang memilih itu. Itu satu *engagement* yang kita buat.

Kedua, kementerian ini harus faham dengan lebih tepat apakah maksud pelaksanaan SST itu. Untuk itu siri-siri taklimat dengan Jabatan Kastam sebagai agensi yang menguatkuasakan pelaksanaan cukai ini, itu kita buat. Sudah ada tiga, empat siri kita buat. Saya sendiri hadir sebanyak tiga kali untuk mendengar daripada Jabatan Kastam dan mereka beritahu kepada kita misalnya peniaga ataupun daftar perniagaan yang berdaftar ketika kutipan GST dulu, itu jumlahnya lebih 400,000. Akan tetapi untuk kutipan SST itu cuma tinggal 79,000. Maknanya tidak banyak yang dikenakan cukai di peringkat sumber nanti.

Jadi kita harap itu boleh membantu meyakinkan rakyat bahawa aspek pengawalan ini, aspek penguatkuasaan ini akan kita tingkatkan berpandukan kepada maklumat-maklumat sah dan tepat daripada Jabatan Kastam. Sudah tentu untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani, harapan rakyat pada kementerian ini adalah jentera penguat kuasa dia.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada 2,400 atau 2,300 kekuatan anggota penguat kuasa, 2,300. Ini merupakan 60 peratus daripada jumlah staf kementerian keseluruhannya menunjukkan bahawa tumpuan utama kementerian ini, segmen pentingnya adalah penguat kuasa. Kita juga ada pasukan pengawal harga. Kita ada 1,044 orang yang kerjanya daripada Perlis sampai Sabah mesti pergi melawat premis-premis perniagaan dan melaporkan secara harian dan mingguan.

Cili misalnya minggu lepas, naik harga. Cili ada tiga jenis iaitu cili Kulai, cili yang berkilat itu dan cili yang kita import daripada Vietnam. Anehnya cili yang kita import lebih murah daripada yang kita hasilkan dalam negeri, yang FAMA bekalkan. Jadi apa cara kita hendak yakinkan pengguna supaya beli kalau dia kata beli yang tempatan mahal. Jadi kita kata beli yang tempatan mahal tetapi lebih rangup, lebih pedas, itu sahajalah kita hendak sebut. Kalau rakyat pilih dari segi bijak belanja dia akan pilih cili Vietnam.

Jadi pemantau harga ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua saya anjurkan, muat turun dalam telefon aplikasi pintar kita. Kita ada satu senarai harga. Muat turun, kita hendak *start* kereta hendak pergi beli di mana, hendak beli ayam, tulis ayam. Dia akan keluar harga ayam di pasar TTDI berapa, di Chow Kit berapa, di *Tesco* berapa, ini semua dia banding harga dengan setiap item barangan 417 jenis barangan ada dalam aplikasi ini. Kita boleh banding harga, premis mana, pasar mana, kedai mana, harga berapa, item apa dan itu sangat membantu kita untuk mendidik menjadi pengguna yang berhemah.

Itu antara ikhtiar kementerian. Apakah ia mencukupi? Saya kata tidak. Apakah saya berpuas hati? Saya kata tidak. Banyak ruang untuk penambahbaikan. Dari mana ruang penambahbaikan ini kita boleh dapat? Melalui reaksi masyarakat kepada kementerian. *Insyallah* kita akan gubal strategi yang terbaik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana pandai menjawab. Cukuplah itu Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Dia jawab soalan saya sekali gus. So, soalan saya pun original punya soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan original?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Original. Pasal dia jawab sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi yang kos sara hidup kan?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Dia sebut, dia jawab sekali gus. Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Kos sara hidup.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jawab.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tidak ada. Apa yang dia jawab itu satu terlepas sedikit soalan asal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbalik kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah. Secara ringkas ya.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Ya, secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri pun secara ringkas.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Ya, berbalik kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Ini Menteri Pendidikan ada sini.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Okey, berbalik kepada Majlis Tindakan Sara Hidup. Kalau kita tengok Majlis Tindakan Sara Hidup pada pengetahuan saya telah dibentuk oleh kerajaan sebelum ini pada bulan November atau Disember. Akan tetapi sehingga bulan April, Majlis Tindakan Sara Hidup ini tidak dapat bertindak kerana tidak ada *term of references*. So, soalan saya secara ringkas, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu kita akan teruskan dengan majlis itu sama ada *term of references* itu sudah keluar atau belum, satu.

Kedua, berkenaan dengan langkah-langkah kerajaan. Saya cuma hendak fokus yang satu kilo minyak itu. Betul kalau kita niat kepada sasaran tetapi kalau kita pergi *supermarket*, yang satu kilo itu mungkin boleh dibeli oleh restoran-restoran dan sebagainya. Tidak ada mekanisme untuk *stop* dia orang. Kita tidak tahu dia hantar dia punya pekerja, satu demi satu pergi beli. Macam mana kita hendak kawal benda-benda ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ingatkan saya untuk ringkaskan. Majlis Tindakan Sara Hidup, apakah sudah ada *term of references*? Jawapannya sudah. Okey, bila hendak mesyuarat yang pertama? Secara tentatifnya hujung September ini, itu telah pun ada.

Kedua, adalah saya akui Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan tentang kita hajatkan siapa yang patut beli minyak masak satu kilo subsidi ini? Sudah tentu golongan bawahanlah, B40. Akan tetapi kalau sudah diletakkan di rak pasar raya dan sebagainya siapa yang akan mengawal, bahawa mereka itu B40 yang layak menikmati kos subsidi ini. Itu antara perkara yang saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan.

Aspek pemantauan yang lebih kemas daripada pihak kementerian sedaya mungkin dengan kekuatan pasukan 1,044 ini dan juga aspek penguatkuasaan, sepatutnya yang minyak masak paket satu kilo itu tidak boleh sampai ke situ. Jadi kita sedar tentang perkara ini dan langkah yang berkaitan itu akan kita atasi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau ada cadangan macam mana kita boleh elak, boleh bagi tahu pada Menteri, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan.

Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya hendak mengucapkan syabas kepada kerajaan baharu ini kerana *gentleman* dan tidak emosi, masih lagi meneruskan program-program yang baik daripada pemerintahan yang lepas.

Cuma saya melihat kepada Kedai Rakyat 1Malaysia. Ada manfaatnya, ada kebaikannya. Di kampung saya ramai yang pergi beli dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sekarang KR1M sudah tidak ada- Kedai Rakyat 1Malaysia. Apakah kerajaan baharu akan mengadakan 'Kedai Harapan' ataupun yang sewaktu dengannya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri... [*Dewan ketawa*]

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dato' Haji Suhaimi, orang Jerai dan sahabat lama dalam UMNO dahulu, dan sekarang kekal sahabat, *alhamdulillah*.

■1110

Kerajaan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimulakan baik yang kebaikannya sampai kepada rakyat- Majlis Tindakan Sara Hidup Negara contohnya, satu inisiatif yang lepas cuma tidak sempat dilaksanakan macam Yang Berhormat Senator Chandra Mohan sebut. Lalu apabila kita dapati bahawa isu rakyat itu masih berlegar pada isu yang sama, jadi

saya memilih untuk mengangkat semula kepada Jemaah Menteri dan menerangkan dan akhirnya dipersetujui untuk kita laksanakan. Kita *activate* semula, kita aktifkan semula. Itu yang pertama.

Kedua, Kedai Rakyat 1Malaysia. Dia ada dua fasa- betul. Pertama dahulu modelnya itu agak ada beberapa kelemahan. Kerajaan berbelanja besar, Tuan Yang di-Pertua. Besar mana? Lebih RM300 juta waktu itu, dengan melantik satu pasar raya untuk menjadi pasar raya yang mengambil peranan memimpin dan menyelaraskan. Kemudian, polisinya adalah setiap kawasan Parlimen mesti ada satu kedai. Pertimbangannya bukan pertimbangan lokasi dan sebagainya itu sesuai untuk perniagaan. Syaratnya pula itu mesti dibincangkan dengan Ketua Bahagian. Itu sudah menjadi '*gonyeh*' sedikit pada masa itu. Sempatlah buat lebih kurang 180 buah premis. Ya lah, hajatnya setiap Parlimen...

Tuan Yang di-Pertua: Ketua Bahagian, siapa?

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail: Ketua Bahagian lama- kawan-kawan sayalah. Baik... [*Dewan ketawa*] Akibatnya, bila mereka masukkan barangan perniagaan, pembekal ini, syarikat yang mengendalikan itu, dia bekalkanlah. Kerajaan bagi gerankah, pinjaman lebih RM300 juta. Besar itu, duit rakyat ini. Dia masukkan lebih kurang 217 SKU. Saya pun baru faham istilah-istilah ini, Tuan Yang di-Pertua. Rupanya barang-barang yang dijual itu kita tidak panggil barang, kita panggil "SKU", singkatan dia.

Akan tetapi, yang terkandas kedai-kedai KR1M yang gagal berjalan ini adalah kerana yang lakunya cuma 50 daripada 217. Dia masuk tuala 'Selamat Pagi', dia masuk buku cerita yang boleh dibeli dengan harga yang lebih baik di luar. Ringkas ceritanya, gagal, kandas. Saya masih ingat waktu itu saya baca dalam surat khabar, Timbalan Perdana Menteri, antara kedai KR1M di Bagan Datuk adalah di bawah Pejabat Bahagian.

So bila dia turun lepas mesyuarat, dia berhajat satu barang, dia tengok barang yang dibeli di kedai KR1M Bagan Datuk itu lebih mahal. Maka, dialah yang kemudian mengangkat cadangan untuk tangguhkan. Tangguh, *stop*. Kita mula kitab baharu. Kitab baharu itu pun oleh kerajaan yang lepas juga. Dia sempat buat 51 kedai dengan menggunakan dua pula syarikat yang ada keupayaan dan ada kemampuan yang sekarang ini berjalan.

Selepas berlaku perubahan kerajaan, apa perubahan awal yang dibuat oleh operator Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 ini? Mereka turunkan *signboard* KR1M itu. Itu perubahan awal sebab sudah bertukarnya kerajaan, dia pun turunkan *signboard* itu. Kami tidak *obsess*-lah kalau dahulu "KR1M", sekarang ini "Harapan". Kita tidak *obsess* dengan jenama-jenama macam itu.

Niat sebenarnya apa dia? Mengadakan Kedai Rakyat 1Malaysia pada harga yang kompetitif, rendah supaya golongan rakyat biasa bila hendak berbelanja barang keperluan,

ianya cukup serta harganya munasabah dan kedai ini menyediakan kemudahan itu. Itu pertimbangan sebenarnya.

Jadi sekarang ini, Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 ini kekal sekarang sehingga kita jenamakan dengan nama apa-apa punlah selepas ini. Ia masih beroperasi sekarang ini. Cuma, daripada segi keputusan dasarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita akan teruskan tetapi tidak lagi mengekalkan dua *players*. Kita akan buka kepada *players* yang lain dan pemilihan lokasi di mana dia hendak buka akan ditentukan betul-betul mengikut pertimbangan perniagaan. *Players* yang ada keupayaan kewangan, ada pengalaman, kita buka untuk membolehkan. Kalau dahulu satu sahaja, dia *fumble*, lingkup, hangus RM300 juta. Jadi kita belajar daripada situ, kita cuba perbaiki untuk memastikan bahawa tujuan sebenar mengadakan kedai rakyat seperti ini betul-betul boleh membantu rakyat yang memerlukan. Terima kasih.

5. Dato' Zahari bin Sarip minta Menteri Pendidikan menyatakan, statistik kajian dan kebenaran bahawa guru hari ini mengalami *stress* dan kemurungan, dan apakah langkah-langkah kementerian dalam menangani masalah ini.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa]*

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang baru dilantik. Tahniah dan semoga kita dapat bersama-sama mencorakkan sejarah baharu bagi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2017, Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan kajian berkaitan stres dalam kalangan guru yang melibatkan 48,258 responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 4.4 peratus guru mengalami stres tahap sederhana tinggi. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa stres dalam kalangan guru adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya isu keluarga, isu kewangan, isu pentadbiran, bebanan tugas, ataupun tidak dapat penghargaan dan juga ada di antara mereka yang kurang kemahiran dalam menjalankan tugas dan tidak dilatih untuk menangani stres.

Pihak KPM sentiasa prihatin dengan isu stres, kemurungan serta isu-isu emosi lain di kalangan guru. Ini memandangkan peranan guru amat penting di dalam mencorakkan sekolah, mencorakkan anak-anak murid dan generasi ke hadapan. KPM mempunyai kaunselor terlatih yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia yang bertugas di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk membantu guru-guru yang mengalami stres untuk mendapatkan khidmat kaunseling. Akan tetapi, kementerian mengakui bahawa bilangan

kaunselor yang ditempatkan di PPD adalah belum mencukupi setakat ini dan sepatutnya ditingkatkan lagi bagi membantu menangani isu kesihatan mental di kalangan guru.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengemukakan cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menambahkan bilangan kaunselor bagi membantu guru yang menghadapi stres dan masalah kemurungan berdasarkan *ratio* 1:500 seperti mana yang telah ditetapkan untuk murid sekolah dan juga bahagian pendidikan yang lain.

Walau bagaimanapun, pelbagai aktiviti juga turut diadakan untuk tujuan pembangunan, pencegahan dan intervensi bagi membantu guru-guru yang mengalami stres dan kemurungan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Antara aktiviti tersebut adalah seperti Program Pengurusan Konflik, Program Pengurusan Emosi dan Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB). Guru-guru yang telah disahkan oleh pakar perubatan menghadapi masalah kesihatan mental ataupun kemurungan juga akan ditempatkan dalam Jawatan Kumpulan- *Pool*, dengan izin, bagi memudahkan guru-guru ini menerima rawatan yang sewajarnya.

Selain daripada itu, guru besar dan pengetua juga memainkan peranan yang amat penting bagi mengenal pasti guru-guru yang menghadapi masalah stres dan kemurungan. Oleh yang demikian, KPM juga telah menjalankan Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) kepada pemimpin-pemimpin sekolah daripada pengetua, guru besar dan juga kepada guru-guru bagi mengenal pasti guru-guru yang mengalami stres dan kemurungan bagi membolehkan tindakan pencegahan diambil dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, KPM di era Malaysia baharu juga komited untuk menerapkan budaya kegembiraan atau, dengan izin, *happiness*; kasih sayang atau, dengan izin, *love*; dan juga saling hormat-menghormati atau, dengan izin, *mutual respect* melalui program-program, aktiviti-aktiviti dan inisiatif-inisiatif yang diperlukan demi memastikan bilangan guru stres atau murung akan dapat dikurangkan secara signifikan. Matlamat KPM di masa ke hadapan adalah untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajaran akan menjadi aktiviti yang menggembirakan dan bukan lagi membebankan. Terima kasih.

Dato' Zahari bin Sarip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengajukan soalan tambahan, saya juga mengucapkan selamat kembali kepada Yang Berhormat Menteri yang telah selamat mengerjakan haji. Semoga mendapat haji yang mabrur, *insya-Allah*. Amin.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, saya mengajukan soalan ini kerana kita bimbang, rakan-rakan, guru saya di luar sana dan masyarakat di luar sana akan kesan daripada *stress* dan

kemurungan guru ini kita bimbang memberi kesan kepada pelajar. Oleh sebab itu, saya mengajukan soalan ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kejauhan guru dengan pasangan mereka ada yang mengajar di Semenanjung, pasangan mengajar di Sabah dan Sarawak. Ada mengajar di selatan, pasangan di Pantai Timur atau Utara. Adakah ia juga penyumbang kepada permasalahan *stress* dan kemurungan? Jika ya. Adakah program duka lara yang diilhamkan oleh Yang Berhormat Menteri terdahulu akan terus dilaksanakan?

Soalan kedua, adakah tekanan- *stress* ini ataupun kemurungan ini ada bersangkutan paut dengan tekanan daripada masyarakat dan ibu bapa? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri. *Stress* berkenaan dengan perpisahan pasangan.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey. Pertama, pihak Kementerian Pendidikan prihatin terhadap kebajikan para guru dan juga perkara-perkara yang akan menjejaskan kualiti mereka dalam proses mengajar. Oleh yang demikian, kita melihat secara holistik apakah faktor-faktor tersebut. Seperti mana yang telah saya sebutkan sebelum ini, dia mempunyai berbagai faktor yang berbeza. Ada faktor yang unik. Ada faktor yang agak umum dan begitu juga ada separuh faktornya ia bukan *stress* seperti mana yang serius tetapi oleh sebab kurangnya kemahiran untuk menangani masalah.

Jadi, kita tidak menafikan kejauhan di antara guru dan pasangan mereka antara sebab yang menjadikan sesetengah daripada guru mengalami *stress* dan kemurungan dan kita telah mengenal pasti daripada bilangan yang ingin berpindah itu terdapat hampir ataupun hanya 200 lebih sahaja kes yang mana mereka menjadi *stress* kerana tidak dapat berpindah. Ini berdasarkan laporan yang telah dikemukakan dan kebanyakan bagi mereka yang mengalami *stress* ini, mereka akan membuat laporan perubatan. Bila kita lihat kepada laporan perubatan itu, ternyata bilangannya lebih kecil sebab kalau hendak katakan mereka *stress*, semuanya akan kata dia *stress*.

Berbalik kepada tentang beban tugas. Ya, saya tidak menafikan bahawa beban tugas kepada guru merupakan di antara faktor yang menyebabkan guru mengalami *stress*. Oleh sebab itu, bagi kerajaan baharu, bagi KPM di era baharu ini, kita cuba untuk meringankan beban guru dan komited untuk memastikan bahawa guru-guru tidak akan lagi merasakan bahawa proses pengajaran itu sesuatu yang menyusahkan hidup mereka. Kita kenal pasti bahawa bukanlah proses pengajaran yang menjadikan mereka dibebankan tetapi kerja-kerja perkeranian dan juga kerja-kerja untuk rekod yang sepatutnya dilakukan oleh kerani dan bukan oleh mereka.

Oleh yang demikian, KPM di bawah kerajaan baharu amat prihatin dengan apa yang dihadapi ini dan kita di peringkat awal mengkaji cadangan mewujudkan jawatan pembantu guru dari aspek kebolehlaksanaannya dan keupayaannya mengatasi isu beban tugas dan tanggungjawab guru. Ini juga tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan. Jikalau kita lihat, ini juga merupakan sebahagian daripada komitmen dan janji Kerajaan Pakatan Harapan demi memastikan bahawa guru-guru tidak akan terbeban lagi dengan kerja-kerja perkeranian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adakah Kementerian Pendidikan mengambil peduli terhadap *stress* yang dihadapi oleh warga pendidik daripada Institut Pendidikan Guru (IPG). Ini kerana ramai pensyarah ditukar tempat kerja atas alasan penyuraian. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: KPM sentiasa peka kepada masalah guru-guru yang stres bukan hanya di sekolah-sekolah malah di IPG-IPG, di politeknik dan juga sekarang ini oleh sebab Kementerian Pendidikan menggabungkan kementerian dahulunya Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi kita gabungkan sekali. Kita juga prihatin terhadap segala isu yang dihadapi oleh para pensyarah dan juga murid-murid dan juga para siswa dan siswi. Berbalik kepada isu IPG. Ya, kita tidak nafikan ada di antara mereka yang mengalami kerunsingan dan sebagainya tetapi isu *stress* dan murung ini merupakan terma kesihatan dan terma saintifik yang boleh memastikannya hanya pakar-pakar perubatan.

Jikalau, ada di antara pensyarah-pensyarah IPG ataupun guru-guru ataupun kepada pensyarah-pensyarah universiti yang menghadapi masalah *stress* dan kemurungan dan mempunyai bukti daripada pakar-pakar perubatan seperti mana yang telah saya sebutkan dalam jawapan pertama tadi, kita mengambil beberapa langkah rawatan yang sewajarnya. Ada di antara mereka yang diberikan kerehatan dan ada di antara mereka yang diberikan tugas yang lebih ringan. Malah, jikalau perlu untuk dirujuk kepada pihak yang lebih pakar itu akan dilakukan dengan segera dan kita tidak akan berkompromi dalam isu kebajikan para guru, para pensyarah dan juga para pendidik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebelum itu merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dilantik menjadi Menteri. Soalan saya sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Kita sedia maklum bahawa guru-guru ini memang sangat penting mendidik anak bangsa kita dan mungkin salah satu sebab guru-guru ini stres atau pun kemurungan ini disebabkan oleh tempat mereka mengajar itu mereka tidak

seronok ataupun tidak berapa selesa. Mungkin disebabkan oleh faktor seperti Yang Berhormat Senator, rakan-rakan beritahu tadi, oleh faktor berjauhan dengan keluarga ataupun dengan isteri. Ini memberikan kesan kepada pelajar-pelajar.

Khususnya ini saya hendak sentuh berkenaan dengan pelajar-pelajar Orang Asli di kawasan pedalaman seperti di Gua Musang ataupun di Kuala Lipis, di Taman Negara. Kebanyakan guru-guru ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, mungkin disebabkan kemurungan ataupun *stress*, tempoh mereka mengajar itu agak singkat kalau dibandingkan di bandar-bandar. Mereka mengajar hari Isnin dan balik ke kampung, tempat tinggal mereka pada hari Khamis. Jadi, dalam seminggu mereka mengajar mungkin sekitar tiga atau empat hari sahaja dan tempoh pembelajaran itu pun agak singkat.

Jadi, mungkin kah disebabkan faktor kemurungan ataupun saya cadangkan kepada pihak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan?

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak kementerian untuk memberi ruang ataupun peluang kepada guru-guru ini untuk mereka sukarela mengajar di tempat-tempat yang mereka kehendaki untuk mengelakkan kemurungan dan *stress* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri tidak payah jawab itu hanya cadangan sahaja. Yang Berhormat soalan akhir, ya. Oh! Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Jawab Lisan sudah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Di minta Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Silakan Yang Berhormat.

11.29 pg.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah Robbil alamin. Wabihi nasta'inu ala umuriddunya waddin. Wassolaatu wassalaamu 'Ala Rasulil Amin, Sayyidina Muhammad, wa'ala aalihi wa sohbihi ajma'in.*

Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa satu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya,

■1130

“Ampun tuanku,

Patik Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan satu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih ke atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Keempat Belas.”

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan pimpinan Dewan Negara yang telah memberikan satu penghormatan kepada saya untuk saya memulakan ucapan menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

*[Timbalan Yang di-Pertua **Mempengerusikan Mesyuarat**]*

Penggal kali ini adalah sangat istimewa kerana ia adalah sidang pertama selepas kemenangan Pakatan Harapan semasa PRU Ke-14 pada 9 Mei yang lalu.

Buat kali pertama Perdana Menteri Malaysia yang keempat Tun Dr. Mahathir Mohamad mengangkat sumpah menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh. Beliau juga yang Perdana Menteri yang pertama yang bukan daripada Parti perikatan atau Barisan Nasional. Beliau yang kini berusia 92 tahun menjadi ketua kerajaan yang paling tua pada masa ini dan ini adalah satu pencapaian yang luar biasa bagi seorang negarawan Malaysia.

Selain itu, Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Dr Wan Ismail, Presiden Pakatan Harapan merupakan wanita pertama dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Sesungguhnya

pelantikan beliau menjadi suatu inspirasi kepada seluruh wanita Malaysia untuk menceburi dalam bidang politik. Seluruh wanita Malaysia berbangga dengan pelantikan tersebut.

Apa yang menarik perhatian kita pertukaran kerajaan daripada Barisan Nasional kepada Pakatan Harapan itu telah berjalan dengan aman tanpa berlaku sebarang pertumpahan darah. Sesungguhnya Malaysia telah mengalami satu revolusi senyap. Kalau dalam dunia Arab seperti media Al-Jazeera menyatakan... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Satu revolusi yang tenang di Malaysia. *It is a silence revolution*, dengan izin. Ini adalah satu yang amat dibanggakan. Tanda perjalanan demokrasi di negara kita ini amat sihat.

Baginda Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berpesan supaya di dalam sidang Parlimen kali ini Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya perlulah berbahas dengan membawa pemikiran yang dinamik, sentiasa mencari kebenaran dan menegur secara berhemah. Tuanku Agong juga telah mengalu-alukan pemansuhan GST, pemberian bantuan sara hidup ataupun BR1M serta penubuhan Tabung Harapan Negara untuk meringankan beban rakyat serta mengurangkan hutang negara. Baginda juga berpesan supaya agenda pembangunan terus dijalankan dengan memastikan tiada rakyat yang terpinggir serta kekayaan negara diagihkan secara adil dan saksama.

Kerajaan hari ini terbeban dengan hutang berjumlah RM1 trilion menyebabkan beberapa projek mega terpaksa ditangguhkan seperti projek kereta api ECRL ke Pantai Timur. Dalam hal ini kita bersetuju dengan pandangan Profesor Jomo Kwame Sundaram salah seorang tokoh ekonomi dan ahli *Council of Eminent Persons'* (CEP) yang telah mengemukakan pelbagai hujah ilmiah mengapa ECRL tidak wajar diteruskan kerana ia akan menambahkan bebanan ke atas negara dan rakyat. Isunya bukanlah kerana hendak membalas dendam antara satu dengan lain, antara bekas Perdana Menteri yang lalu dengan Perdana Menteri sekarang ataupun pimpinan yang ada pada masa ini terhadap rakyat di Pantai Timur khususnya.

Jadi kerana itulah saya melihat bahawa rasional menangguhkan atau menamatkan projek-projek mega ini ada justifikasinya kerana Allah SWT telah berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 195... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antaranya bermaksud, dan janganlah kamu menjatuhkan diri sendiri ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri.

Ya lah dalam keadaan kita tidak ada duit. Pepatah Arab berkata... *[Menyebut pepatah dalam bahasa Arab]* Orang yang tidak ada apa-apa sehelai sepinggang, dia hendak bagi apa? Dalam keadaan sekarang kita tidak ada duit. Kalau sekiranya kita ada wang *insya-Allah* dimurahkan rezeki sudah pun diberikan jaminan bahawa projek-projek mega ini boleh diteruskan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbahasan saya dengan menyentuh tentang agenda pemerkasaan Dewan Negara. Malaysia adalah salah satu daripada 79 negara di dunia ini yang mengamalkan sistem Dewan dua peringkat. Di peringkat bawah dipanggil Dewan Rakyat, manakala di peringkat atas dipanggil Dewan Negara. Sebagai contoh di negara lain seperti Amerika Syarikat dipanggil "*Senate*", di Jerman dipanggil "*Bundesrat*", di India dipanggil *Rajya Sabha* dan di *United Kingdom* dipanggil *House of Lords*.

Semasa Suruhanjaya Reid menggubal Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1956, mereka mencadangkan supaya Dewan Negara diwujudkan supaya ahli-ahlinya dilantik daripada kalangan negeri dalam Persekutuan. Ini diadakan supaya hak-hak negeri terjamin dan melebihi kepentingannya berbanding parti-parti politik di peringkat Dewan Rakyat.

Menurut Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan, setiap undang-undang perlu melalui Dewan Negara sebelum diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Perkara 45 pula menyebut bahawa 44 Ahli Dewan Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, empat orang dilantik mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Manakala 26 lagi dilantik oleh 13 buah negeri di mana setiap negeri melantik dua orang.

Dalam Perkara 46 pula disebut bahawa Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong perlulah mereka yang mempunyai latar belakang profesional seperti perdagangan, perindustrian, perkhidmatan, kebudayaan atau mewakili minoriti seperti orang asal. Saya mencadangkan perlu juga ditambah selepas ini seperti tokoh-tokoh agama, tokoh-tokoh media, tokoh-tokoh NGO atau apa sahaja tokoh yang wajar dan relevan dari semasa ke semasa untuk dilantik oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Namun begitu, kita dalam Dewan yang mulia ini perlu melakukan satu muhasabah ataupun refleksi diri sendiri. Adakah kita di sini mewakili golongan profesional atau negeri masing-masing atau kita di sini mewakili parti politik semata-mata?

Tujuan Dewan Negara adalah supaya memberi ruang perbahasan menjadi lebih berfakta berbanding di Dewan Rakyat tanpa merendahkan Dewan Rakyat di mana kadangkala terlalu bernuansa politik.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara perlu menjadi mekanisme semak dan imbang, *check and balance* dengan izin sebagai perbandingan *House of Lords* di UK sangat penting dalam proses pembuatan undang-undang. Namun kita di Dewan Negara tidak mempunyai kuasa veto terhadap mana-mana rang undang-undang yang dibentangkan.

Walaupun begitu, saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara daripada Barisan Nasional yang telah sebulat suara bersetuju memansuhkan GST dan memperkenalkan SST baru-baru ini, terima kasih.

Untuk mengangkat martabat Dewan Negara, Dewan yang mulia ini perlu menjadi pelindung kepada Perlembagaan. Di mana dalam Perkara 159, setiap pindaan Perlembagaan perlu mendapat pengesahan Dewan Negara. Ini bertepatan dengan semangat persekutuan di mana setiap negeri berhak mempunyai suara di dalam meminda Perlembagaan.

Ada juga cadangan bahawa mungkin sudah tiba masanya Ahli-ahli Dewan Negara dipilih melalui pilihan raya seperti mana yang berlaku di dalam Dewan Rakyat. Pilihan raya Senator ini telah pun diadakan di negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Australia. Kita melihat Dewan Negara mereka lebih efektif dalam menjadi mekanisme semak dan imbang.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Senator yang dilantik oleh negeri-negeri juga perlu ditambah daripada dua orang kepada tiga ataupun empat orang. Ini supaya mereka yang mewakili negeri melebihi daripada Ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Alternatif daripada pilihan raya kita juga boleh membuat sebuah Jawatankuasa Pelantikan Senator di mana ia diwakili oleh Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Negara yang dipilih di mana Jawatankuasa ini akan menyemak dan menilai supaya Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik akan betul-betul menurut standard yang dikehendaki.

■1140

Di sini saya juga ingin menyentuh mengenai isu tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Negara. Bagi saya tempoh maksimum enam tahun adalah terlalu pendek dan tidak memberi peluang yang luas kepada Ahli-ahli. Oleh itu, kita perlu menambah tempoh perkhidmatan Senator. Saya mencadangkan supaya paling kurang dinaikkan daripada tiga kepada lima tahun untuk penggal pertama dalam satu penggal. Sebagai contoh di Kanada, seorang yang dilantik akan kekal menjadi Senator sehingga umurnya 75 tahun. Barangkali bolehlah kita timbangkan dalam '*uruf*' Malaysia.

Cadangan saya yang terakhir mengenai pemerksaan Dewan Negara adalah mengenai elaun dan keistimewaan. Mengapakah elaun bulanan keraian perayaan bayaran khas Senator tidak sama dengan Ahli Dewan Rakyat walhal tugas dan kepentingan kedua-dua adalah sama? Oleh itu aspek ini juga perlu diambil kira apabila kerajaan mahu meminda Akta Perkhidmatan Parlimen kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang reformasi institusi-institusi Islam. Topik seterusnya yang saya mahu sentuh adalah mengenai institusi Islam. Di bawah kerajaan lama, institusi Islam banyak dikritik kerana di manipulasi oleh ahli-ahli politik. Atas sebab itulah

sekarang Majlis Raja-Raja Melayu menubuhkan jawatankuasa tertinggi untuk mengkaji reformasi Institusi Hal Ehwal Islam yang dipengerusikan oleh Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, bekas Ketua Setiausaha Negara.

Institusi Islam diharapkan tidak dipolitikkan lagi selepas penubuhan jawatankuasa ini baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri. Saya juga menyambut baik prinsip-prinsip yang diumumkan oleh Menteri yang menjaga hal ehwal agama iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa selaku Menteri agama yang menjaga JAKIM bahawa di dalam negara Malaysia yang baharu ini, prinsip-prinsip yang akan dikenakan oleh JAKIM dan jabatan hal ehwal Islam jika dipersetujui adalah untuk merealisasikan Islam *rahmatan lil 'alamin*, Islam yang merahmati seluruh alam.

Selain itu, pemerkasaan *maqasid syariah*, tujuan-tujuan tertinggi dalam syariat. Kemudiannya diikuti dengan satu lagi prinsip yang penting dalam konteks Islam di Malaysia untuk memperkenalkan model Islam Malaysia ataupun *Manhaj Malizi* iaitu meraikan beberapa aspek Islam dalam konteks realiti Malaysia.

Ketiga-tiga prinsip ini bakal memperkasakan umat Islam di Malaysia di samping menjamin kebebasan agama-agama lain. Realiti masyarakat majmuk di Malaysia perlulah dihayati dan dihormati. Kefahaman ini perlulah diperluaskan dalam kalangan rakyat yang kadang-kadang hanya mengenali imej Islam yang sifatnya marah-marah, bukan Islam yang ramah-ramah tetapi Islam yang marah-marah.

Saya mencadangkan supaya khutbah-khutbah Jumaat perlulah bersifat kontemporari dan mendidik. Oleh sebab khutbah ini adalah satu wahana yang amat berkesan kepada seluruh masyarakat kerana ia disampaikan kepada setiap hari Jumaat iaitu setiap minggu maka pengislahan khutbah perlu dilaksanakan oleh JAKIM dan jabatan-jabatan hal ehwal Islam di negeri-negeri agar khutbah-khutbah ini juga dapat menyampaikan maklumat terkini dan memberi penyelesaian kepada permasalahan masyarakat.

Selain itu agensi-agensi media kerajaan seperti RTM, TV Al-Hijrah, dan IKIMfm...

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: *[Menyampuk]*

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: ...Perlu menambahkan program-program dan rancangan-rancangan mengenai sejarah dan ketamadunan supaya rakyat jelata baik Muslim ataupun bukan Muslim dapat memahami sejarah ketamadunan Islam dengan lebih lanjut. Kita perlu sedar bahawa kepercayaan mengenai agama makin terhakis kerana wacana keagamaan disempitkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat di sana ingin mencelah.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Ya. Okey saya bagi laluan.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi tentang dasar ataupun prinsip *rahmatan lil 'alamin*.

Biasanya apabila kita membicarakan soal Islam, saudara-saudara kita yang bukan Islam ataupun *non-Muslim* merasakan itu soal khusus untuk orang Islam. Jadi hal ehwal Islam ini hanya untuk orang Islam sahaja. Padahal Islam itu untuk semua manusia. Al-Quran itu diturunkan sebagai *rahmatan lil 'alamin*. Jadi saya ingat kalau boleh Yang Berhormat Senator terangkan dasar *rahmatan lil 'alamin* itu hanya untuk orang Islam sahaja kah ataupun semua manusia sejagat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, saya ingin memberikan respons kepada persoalan beliau itu untuk kembali kepada kefahaman tentang konsep Islam *rahmatan lil 'alamin* iaitu harus kita fahami seawalnya apabila Allah SWT menyebut Islam itu adalah memberikan rahmat kepada seluruh warga alam, bukan sahaja kepada manusia tetapi kepada dunia haiwan dan juga dunia tumbuh-tumbuhan. Kita hendaklah juga faham bahawa risalah Islam ini seperti mana yang terungkap dalam al-Quran sifatnya adalah untuk seluruh manusia, *khitab lil an-nas*.

Jadi oleh sebab Allah telah menjadikan manusia ini dengan fitrahnya dan tidak memaksa sesiapaupun memasuki agama Islam. Akan tetapi Allah memberikan *rahmah*-Nya supaya orang-orang yang bukan Islam pun juga mendapat *rahmah* daripada Allah SWT. Ini adalah merupakan satu keistimewaan dalam agama Islam di mana agama ini menjamin bahawa semua manusia berhak mendapat kehidupan yang baik, makanan, minuman, perlindungan dan sebagainya.

Jadi kerana itu dasar Islam *rahmatan lil 'alamin* ini bukan untuk memecahbelahkan masyarakat antara Islam dan bukan Islam. Akan tetapi mendapat naungan Allah dengan *rahmah*-Nya. Kita tahu dalam tradisi Islam, Allah menyatakan bahawa Dia memberikan satu sahaja rahmat kepada hamba-hamba makhluk-Nya di dunia ini, satu sahaja, 99 nanti akan diberikan pada hari akhirat nanti. Jadi oleh yang demikian, dasar ini saya rasa adalah satu dasar yang universal yang patut diterima oleh orang bukan Islam tanpa paksaan tetapi ia secara automatik ataupun tidak akan memberikan satu kehidupan yang baik antara warga Islam dan bukan Islam di negara kita ini.

Jadi saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Saya menyatakan sebentar tadi bahawa kepercayaan mengenai agama kemungkinan boleh terhakis kerana wacana-wacana keagamaan disempitkan. Adanya kelompok-kelompok secara individu dan kelompok tertentu

yang telah meninggalkan agama Islam yang menjadi ateis dan dengan berani untuk menyatakan mereka sudah pun meninggalkan agama Islam. Mereka berbangga meninggalkan agama Islam. Satu trend yang sedang berlaku yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Akan tetapi bukan dengan paksaan untuk menekan mereka tetapi mencari jalan bagaimana JAKIM berperanan untuk menangani isu-isu tersebut.

Wacana Islam dalam saluran media ini jangan hanya tertumpu dalam aspek ibadah semata-mata. Sepatutnya dikukuhkan lagi dengan aspek sains, ekonomi, sosial, kesihatan, keselamatan, alam persekitaran dan juga tentang keperluan keharmonian hidup antara agama di Malaysia. Ini juga termasuk isu sensitif seperti LGBT, sebagai satu komuniti yang semakin berkembang di mana hal ini juga perlu ditangani, perlu diambil kira dengan serius. Pelaksanaan hudud dan kefahaman liberal agama yang kini begitu rancak dibahaskan oleh pakar-pakar yang berwibawa daripada dalam dan di luar negara.

Dalam hal ini, saya mengambil satu pandangan daripada seorang ulama Mauritania yang terkenal pada saat ini iaitu Syaikh Muhammad Abdullah Al-Baiyah yang menyatakan bahawa salah satu pelaksanaan *maqasid syariah*, tujuan-tujuan utama syariah yang diabaikan ramai oleh umat Islam adalah untuk memperbaiki imej agama Islam supaya Islam ini tidak menjadi satu agama yang dimangsakan oleh fenomena *Islamophobia* ataupun fenomena ekstremisme agama yang dilakukan oleh sebahagian umat Islam sendiri dan juga perkauman sempit.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada jabatan agama Islam, masjid dan surau perlu disegarkan semula dengan membawa idea-idea baru.

■1150

Pemimpin-pemimpin masjid bukan sekadar pentadbir yang mengurus solat dan melaungkan azan, namun mereka adalah lapisan pertama yang bertanggungjawab mempamerkan imej Islam yang ceria. Justeru, saya mencadangkan supaya masjid dan surau di Malaysia dapat mencontohi model beberapa buah masjid seperti di negara jiran kita Singapura. Bagaimana di Singapura- kita boleh mengambil beberapa contoh masjid-masjid yang terdapat di sana di mana modul-modul yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat secara komprehensif dan ada fokus bagi sesebuah masjid dalam bidang profesionalisme ketamadunan, profesionalisme persekitaran, profesionalisme keilmuan dan sebagainya.

Saya juga ingin menyentuh mengenai sekolah-sekolah agama. Di sinilah peringkat pendidikan yang perlu ditambah baik di mana kerajaan negeri tidak mampu untuk menanggung sekolah-sekolah agama. Mereka sangat memerlukan bantuan dan koordinasi di peringkat pusat. Oleh itu, Yang Berhormat Menteri di JPM perlu berusaha memikirkan apakah

langkah terbaik supaya sekolah-sekolah agama dapat melahirkan pentadbir, guru-guru dan pelajar-pelajar yang berkualiti. Saya percaya bahawa pendidikan agama yang baik adalah asas yang penting untuk pendidikan yang berlanjutan kelak dalam bidang-bidang ilmu sosial, sains dan teknologi.

Guru-guru agama juga perlu dilantik sebagai penjawat awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Hal ini telah tidak berlaku, hingga setakat ini. Ini adalah kerana, di negeri-negeri tersebut juga walaupun kuasa Islam berada di negeri-negeri, tetapi dalam beberapa aspek, rasanya Kerajaan Persekutuan hendaklah campur tangan terutama untuk menjamin satu perkhidmatan keguruan yang baik di peringkat negeri.

Selain itu, kita juga mengucapkan tahniah dan syabas ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya melakukan satu transformasi dalam Lembaga Tabung Haji yang kini dipimpin oleh tokoh-tokoh tempatan yang mempunyai integriti dan kewibawaan perniagaan dan juga dalam bidang profesionalisme masing-masing. Saya juga melihat ahli-ahli lembaga pengarahnya menampakkan kehadiran tokoh-tokoh yang berwibawa, yang berintegriti dalam pelbagai bidang profesionalisme. Diharapkan muka-muka baharu ini, tidak lagi berani melakukan kerosakan sehingga menjejaskan integriti dan nama baik Tabung Haji di mata rakyat. Tabung Haji adalah induk kepada roh peribadatan bagi umat Islam di Malaysia.

Saya ingin bertanya, berapakah jumlah jemaah haji dari Malaysia yang telah menggunakan visa istimewa dan telah pun menunaikan haji pada tahun ini? Sedangkan, kita melihat bahawa di kalangan orang-orang Islam di tanah air yang terpaksa menunggu hingga 45 tahun! Sudahlah dia tua, 45 tahun menunggu untuk menunaikan haji. Barangkali sudah tidak sempat. Ada baru menerima surat yang saya dapat tahu, dua tahun yang lalu, mahu menunggu 43 tahun lagi untuk menunaikan haji.

Jadi, kenapakah umpamanya kita tidak boleh membuat satu dasar menggalakkan orang-orang kaya mengurangkan pemergian menunaikan haji ataupun umrah dan memberi peluang kepada rakyat miskin yang tidak mendapat peluang untuk menunaikan haji. Lagipun seperti mana kata Profesor Yusuf Al-Qardawi, lebih baik wang itu digunakan untuk pembangunan pendidikan, pembangunan ekonomi umat Islam yang masih lemah daripada menunaikan haji di kalangan orang-orang kaya pada setiap tahun ataupun menunaikan umrah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memasuki dalam isu pendidikan nasional. Dalam zaman Kerajaan BN, pensyarah dan pelajar berasa takut untuk bersuara dan menyampaikan idea. Bagi pensyarah, sekiranya mereka sangat kritikal dengan kerajaan, mereka boleh digantung perkhidmatan atau dipindahkan ke tempat lain. Bagi pelajar pula, biasiswa mereka mungkin ditarik balik dan kita mahu dalam Kerajaan PH, kebebasan pensyarah dan pelajar

perlu dijamin. Kita melihat kualiti pensyarah dan pelajar yang semakin menurun kerana sering dikongkong oleh pimpinan universiti yang dikawal oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada waktu itu dan tidak dapat berfikir secara kritikal.

Antara akta-akta yang perlu dimansuhkan adalah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). *Alhamdulillah*, kini dalam proses. Akta ini telah mengekang autonomi universiti. Justeru, kita mahu Naib-naib Canselor dan pimpinan universiti dilantik atas dasar kecemerlangan akademik dan kemahiran pentadbiran mereka, bukan kerana hubungan politik dengan orang-orang tertentu.

Oleh itu saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baharu iaitu Yang Berhormat Menteri Dr. Maszlee bin Malik bahawa mereka yang dilantik kerana hubungan politik, perlulah meletak jawatan dan memberi ruang kepada mereka yang lebih berkelayakan akademik.

Saya juga ingin meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengembalikan semangat Falsafah Pendidikan Negara dan menerapkan penghayatan Rukun Negara untuk tujuan perpaduan rakyat. Kedua-dua prinsip tersebut adalah sangat penting untuk kita kembalikan semula dalam wacana masyarakat. Ia adalah panduan kepada rakyat Malaysia pada waktu lalu untuk membangunkan negara. Maka, ia sepatutnya menjadi panduan kepada kerajaan sekarang untuk apa yang dinamakan Malaysia yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada isu kebebasan bersuara, antara keluhan pensyarah-pensyarah masa kini adalah tentang kenaikan pangkat mereka. Sering kali mereka terpaksa menunggu lama sebelum naik menjadi Profesor Madya ataupun profesor penuh. Kadang-kadang mereka dinafikan daripada naik pangkat kerana tidak disenangi oleh dekan atau Naib Canselor. Perkara-perkara ini perlu diubah dengan menubuhkan jawatankuasa pelantikan yang lebih telus dan kompetitif. Jawatankuasa ini akan menilai prestasi dan pencapaian serta menentukan tangga gaji yang wajar. Dengan ini, pensyarah akan lebih serius dalam menjalankan tugas mereka mendidik mahasiswa.

Kita juga boleh mengambil contoh universiti-universiti hebat di luar negara di mana ahli-ahli akademik mereka sendiri memilih siapa yang layak menjadi Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan Dekan-dekan. Barangkali Tuan Yang di-Pertua, pengalaman kecemerlangan Universiti Malaya dalam era-era 60-an dan juga 70-an serta mungkin 80-an dapat dijadikan sumber inspirasi untuk mengembalikan kecemerlangan universiti terutamanya dalam era kepimpinan Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid.

Dalam konteks gerakan pelajar pula, saya melihat persatuan-persatuan pelajar di universiti perlu diberi lebih peruntukan untuk menjalankan aktiviti mereka. Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar sepatutnya diuruskan oleh pelajar sendiri tanpa campur tangan pihak

berkuasa universiti, khususnya HEP iaitu Hal Ehwal Pelajar. Dengan pengalaman inilah, mereka akan lebih matang berpolitik dan bersedia dengan cabaran dunia luar. Sejarah membuktikan bahawa mereka yang aktif dalam persatuan pelajar lebih mempunyai kelebihan daripada mereka yang tidak aktif.

Kita mengalu-alukan kedinamikan visi Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baharu untuk memartabatkan sistem pendidikan negara dan ia telah mendapat sambutan baik dari seluruh masyarakat. Walau bagaimanapun, kita ingin mencadangkan supaya keanggotaan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang baru-baru ini ditubuhkan dan telah diumumkan oleh Menteri, dapat dikaji semula.

Saya mencadangkan majlis ini dapat ditambahkan keanggotaan untuk memilih tokoh-tokoh pendidikan dalam kalangan ahli-ahli akademik dan pentadbir pendidikan yang berwibawa. Kita berharap, kelompok yang tidak ada pengalaman dalam dunia pendidikan dan pandangan holistik dalam sistem pendidikan nasional untuk turut mendengar pandangan daripada kelompok yang iltizam dengan persoalan pendidikan nasional yang lebih holistik.

Isu pendidikan nasional terlalu banyak, rencam dan rumit, kita akui. Kita tidak menafikan bahawa ada kebaikan-kebaikan yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang lalu dan yang sebelumnya. Walau bagaimanapun, pada hemat kita, Kementerian Pendidikan tidak wajar bergopoh-gapah tanpa mengadakan perundingan dengan pelbagai individu dan kelompok yang peka dengan permasalahan pendidikan di negara ini. Justeru, ada rungutan yang munasabah dari beberapa NGO yang terlibat dalam isu-isu pendidikan memohon supaya keanggotaan majlis perundingan tersebut dikaji semula. Ini adalah kerana terdapat anggota-anggota yang tidak mempunyai perspektif pendidikan yang holistik.

Ini disebabkan kita tahu bahawa dalam isu pendidikan ini Tuan Yang di-Pertua, isu pokoknya- dan Tuan Yang di-Pertua sendiri adalah seorang bekas guru, saya difahamkan tidak lain dan tidak bukan, perkataan 'insan', untuk membina insan, itulah yang menjadi asas dalam agama kita, agama Islam dan juga dalam lain-lain tradisi agama.

■1200

Apa pun corak pendidikan, dulu, sekarang dan mendatang, tidak boleh lari daripada pembinaan karakter insan iaitulah watak manusia, peribadi manusia. Inilah isu yang perlu diberikan perhatian kerana rata-ratanya keluhan ibu bapa sekarang ialah bahawa sistem pendidikan kita gagal membina sahsiah ataupun karakter murid-murid, hatta di sekolah agama sendiri.

Dalam beberapa hal, hatta di beberapa buah sekolah agama sendiri di kalangan murid dan guru, kita gagal membina karakter dan ini ialah merupakan satu rungutan daripada ibu

bapa yang perlu kita berikan perhatian dengan serius. Kes-kes keruntuhan akhlak dan budi pekerti semakin ketara seperti kes-kes kematian kerana membuli, ponteng sekolah, melawan ibu bapa dan guru, menghisap dadah dan rokok, kecenderungan seks bebas dan sebagainya.

Dalam era globalisasi masa kini, keupayaan menguasai bahasa-bahasa asing adalah penting untuk masa depan generasi muda yang lebih kompetitif dengan pasaran antarabangsa. Namun, jangan sekali-kali untuk kita menyirnakkan keupayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu kaum-kaum di Malaysia dan juga bahasa ilmiah, sehingga ia menjadi jati diri untuk mencipta satu rupa bangsa Malaysia yang selama ini gagal direalisasikan semasa pemerintahan Kerajaan BN sejak 61 tahun yang lalu. Kita gagal membina satu rupa bangsa Malaysia walaupun kita telah membuat pelbagai langkah. Di mana silapnya?

Justeru, semua kaum tidak boleh dikecualikan daripada menguasai Bahasa Malaysia dengan fasih secara lisan dan tulisan. Tidak ada pengecualian. Kita tidak mahu mendengar daripada pemimpin, hatta dalam Pakatan Harapan sahaja bahawa Bahasa Malaysia akan digunakan sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran kerajaan. Saya rasa tidak cukup dari segi itu. Kita hendak lebih luas lagi kepenggunaan Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia itu benar-benar satu bahasa yang menjadi jati diri, identiti kepada negara dan bangsa Malaysia. Ini kerana Bahasa Melayu itu mempunyai satu kekuatan yang tersendiri dari segi falsafahnya, dari segi agamanya, dari segi kebudayaan dan sebagainya.

Saya menyebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia mampu menjadi bahasa ilmiah, hatta dalam bidang sains dan teknologi.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, minta...

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Ya Yang Berhormat Dato' Sri, silakan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya yang ini 'Bahasa Malaysia' atau 'Bahasa Melayu'?

Dalam Perlembagaan sebut "*Bahasa Melayu*", tidak sebut 'Bahasa Malaysia' sebab di *Singapore* pun, Bahasa Melayu bahasa rasmi. Malahan lagu kebangsaannya juga lagu Bahasa Melayu. Jadi, minta Yang Berhormat tolong jelaskan sebab tidak ada 'Bahasa Malaysia', dalam Perlembagaan pun tidak sebut. Jadi saya ingat lebih baik kita guna 'Bahasa Melayu' supaya orang boleh faham lebih. Jadi tidak ada 'Bahasa Malaysia'. Terima kasih.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin yang telah mengingatkan saya. Memang betul dalam Perlembagaan tidak ada 'Bahasa Malaysia' yang tertulis di situ tetapi penggunaan 'Bahasa Melayu' ya. Kadangkala kita pun mengalami kelalaian juga dalam keadaan kita hendak mempertahankan Bahasa Melayu kita ini. Kita pun macam tersudut begitu untuk sama-sama kompromi tentang

penggunaan perkataan 'Bahasa Malaysia'. Terima kasih. *Insyallah*, saya tidak akan lupa lagi bahawa 'Bahasa Melayu'.

Tuan Yang di-Pertua...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat, boleh saya mencelah sedikit?

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Ya, silakan Yang Berhormat Tan Sri.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya tertarik dengan jawapan itu Tuan Yang di-Pertua. Boleh atau tidak saya minta Yang Berhormat bawa perkara ini, isu ini, mencadangkan kepada pihak kerajaan, jangan sama sekali menggunakan perkataan 'Bahasa Malaysia'. Gunakan 'Bahasa Melayu' sebab bila kita menggunakan 'Bahasa Malaysia', orang ambil kesempatan. Ini disebabkan Malaysia ini *multiracial*, bukan sahaja bahasa Melayu tetapi bahasa Tamil juga Bahasa Malaysia, bahasa Mandarin juga Bahasa Malaysia, sudah haru biru. Jadi kita *stop once and for all*. Terima kasih.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih atas cadangan-cadangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim tadi. Kita bawa *insyallah* supaya pucuk pimpinan negara mulai kembali menggunakan perkataan "Bahasa Melayu". Terima kasih.

Saya rasa saya selesai di situ sebab saya hendak bawa contoh. Barangkali sedikit sahaja lagi tentang Bahasa Melayu itu menjadi bahasa ilmiah ialah bagaimana pengalaman UKM di peringkat awal penubuhannya pada tahun 70-an bahawa profesor-profesor dari Indonesia yang mengajar termasuk saya walaupun Pengajian Islam, saya mengambil juga subjek-subjek Sains di mana Kimia, Biologi, Geologi diajar di dalam Bahasa Melayu. Lebih kurang dalam 10 tahun di awal penubuhan UKM, begitu lancar sekali penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah. Sekarang sudah menurun, banyak digunakan di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, membanteras rasuah dan peranan SPRM. Keputusan kerajaan meletakkan SPRM di bawah Parlimen adalah satu tindakan tepat. Memang sepatutnya SPRM bebas daripada cengkaman cabang eksekutif dan memberi laporan kepada Parlimen supaya kebebasan SPRM membuat siasatan terjamin. Apa yang berlaku sebelum ini dalam kes 1MDB adalah contoh terbaik di mana apabila SPRM sukar membuat siasatan. Namun dalam zaman kerajaan baharu, SPRM bebas melakukan siasatan tanpa tekanan daripada pihak kerajaan. Malah pihak Kabinet juga telah membuat perjanjian dengan SPRM untuk membanteras rasuah serta tidak menerima apa-apa hadiah kecuali makanan dan buah-buahan.

Pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan perlu menjadi contoh yang baik kepada rakyat, meletakkan kepentingan rakyat dan negara mengatasi kepentingan diri, tidak ego serta

hormat-menghormati antara satu sama lain. Pemimpin Pakatan Harapan hendaklah menjaga diri dengan sang pencipta Allah SWT Al-Khalid supaya hubungan dengan rakyat juga terjadi seperti hubungan *habluminallah wahabluminannas*. “Ikatan dengan Allah dan ikatan dengan manusia”. Rasulullah SAW sendiri menyebut bahawa pemimpin yang baik adalah pemimpin yang sedia menjadi khadam kepada rakyatnya. Rasulullah menggunakan perkataan ‘khadam’ dan itu disebut dalam teksnya sebuah hadis *sayyidul qaumi khadimuhum*, “Ketua bagi sesuatu kaum itu adalah khadam kepada rakyatnya”. Jadi kadang-kadang saya terfikir juga, kekalkan ‘Yang Berhormat’ tetapi kita barangkali jadikan ‘Yang Berhormat’ itu ‘Yang Berkhidmat’ tetapi Yang Berhormat juga... [Ketawa]

Bilangan penguat kuasa SPRM juga perlulah ditambah supaya pemantauan dapat dilakukan secara komprehensif. Ada juga cadangan supaya pesuruhjaya SPRM juga dilantik daripada kalangan NGO supaya memastikan SPRM lebih cepat bertindak dan dapat mengumpul pandangan daripada pelbagai pihak, tentang bagaimana hendak membanteras rasuah dengan lebih efektif. Kerajaan juga perlu menggubal akta seperti akta pembiayaan dana politik supaya ahli-ahli politik tidak menyalahgunakan kuasa yang mereka ada untuk mengumpul kekayaan.

Selain itu, kerajaan juga perlu meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat terutamanya daripada kalangan kakitangan kerajaan sendiri. Ini supaya mereka dapat membuat laporan kepada SPRM, tanpa ada ancaman terhadap diri mereka akan dipecat atau dipenjarakan sekiranya mendedahkan dokumen-dokumen rahsia. Apa yang berlaku pada masa-masa yang lalu adalah contoh di mana akta ini belum cukup dirasakan keberkesannya dalam memberi perlindungan kepada mereka yang membuat laporan dalam isu rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang mendidik akhlak rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia memilih Pakatan Harapan bukan sekadar kerana tawaran dalam manifesto.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Minta penjelasan. Sikit Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Namun ia satu hasrat...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mencelah.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Ya, mencelah.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Sedikit mencelah. Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat pergi ke isu lain, mengenai isu rasuah ini. Rata-rata kita menyebut soal isu rasuah ini dengan menekankan soal perundangan. Memang perundangan merupakan salah satu sayap untuk menyelesaikan masalah rasuah. Akan tetapi soalnya, apakah rasuah ini dapat dibendung dengan hanya menggunakan undang-undang sahaja? Apakah di sana ada lagi dia punya alternatif-alternatif khususnya pendidikan dan sebagainya

supaya manusia ini dapat menjaga dirinya, bukan sekadar mengelak diri dari undang-undang tetapi dia bertanggungjawab terhadap Allah yang menciptanya? Sekian, terima kasih.

■1210

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, respons ringkas saya kepada Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, memang undang-undang saja tidak cukup. Hatta di Negara China pun sekarang menggunakan pendekatan tembak terus, berlaku juga. Di Vietnam tembak, berlaku juga. Saya fikir bahawa yang terbaik tidak lain dan tidak bukan adalah mendidik manusia supaya beriman kepada Allah SWT.

Mempunyai satu semangat ketahanan diri, *self-resilience*, dengan izin, dengan menggunakan keimanan, supaya ada rasa takut kepada Allah SWT bahawa ianya akan mendapat seksaan yang luar biasa pada Allah pada hari kiamat nanti. Rasulullah bersabda... *[Membaca sepotong hadis]* Orang yang bagi rasuah, orang yang menerima rasuah, keduanya dalam neraka. Akan tetapi, itulah isunya ialah hatta keimanan pun orang hari ini tidak yakin sepenuhnya dengan pencipta. Jadi, inilah yang menjadikan masalah rasuah ini berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia telah memilih Pakatan Harapan bukan sekadar kerana tawaran dalam manifesto, namun ianya satu hasrat untuk memulihkan semula maruah rakyat Malaysia yang selama ini terjejas teruk akibat para pemimpinnya yang sudah kehilangan rasa malu. Di sinilah saya ingin memetik satu hadis Rasulullah SAW, yang mengingatkan kita bahawa harga rasa malu tidak ternilai harganya kerana malu itu adalah sebahagian daripada iman... *[Membaca sepotong hadis]*.

Keadaan menjadi parah apabila Rasulullah SAW menegaskan... *[Membaca sepotong hadis]* Kalau sudah tidak ada rasa malu lagi, buat lah apa yang kamu hendak buat sampai kepada tahap yang sedemikian. Jadi ini apabila berlaku, maka sudah pastilah rakyat dan negara akan musnah. Jadi, masalah akhlak dan gejala sosial berlaku daripada atas hingga lah ke bawah, baik yang muda ataupun yang tua ia juga berlaku dalam semua kaum dan agama.

Peningkatan kes-kes jenayah saban tahun berkaitan dengan masalah akhlak yang semakin meruncing. Oleh itu, kerajaan baru perlu memikirkan bagaimana untuk memulihkan semula tradisi dan akhlak ketimuran rakyat Malaysia yang semakin lama semakin hilang kerana pengaruh modenisasi dan juga globalisasi. Kita perlu pembangunan, kita perlu kekayaan yang munasabah, kita perlu kepada elemen-elemen yang positif dalam modenisme dan sebagainya. Akan tetapi, apa maknanya kalau harga diri rakyat itu dengan melalukan perbuatan-perbuatan yang memalukan kepada rakyat dan juga negara Malaysia.

Jadi inilah persoalannya, kerana persoalan akhlak ataupun etnik ini amat penting bagi menjamin sebuah Malaysia baru yang berlainan mudah-mudahan daripada pemerintahan yang lalu. Dalam hal ini, kita mengingatkan semula satu kenyataan daripada Perdana Menteri Malaysia semasa melawat Jepun baru-baru ini, yang menyebut tentang salah satu kelebihan orang-orang Jepun adalah berdisiplin dan ada rasa malu di sisi mereka apabila membuat sesuatu kesalahan. Sifat ini juga memang sudah berakar dalam diri kita, namun ia semakin hari semakin hilang. Kita semakin melupakan ajaran yang telah diajarkan oleh ibu bapa kita yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin berbicara tentang peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang begitu besar fungsinya pada hari ini, ketika kita sedang membina negara dalam bidang ekonomi, dalam bidang industri, sains dan teknologi. Walaupun ada pandangan, ianya tidak sepenting Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Pertahanan dan sebagainya. Namun, pada khidmat saya kementerian ini sangat penting kedudukannya kerana salah satu tanggungjawab kementerian ini adalah untuk mengukuhkan institusi keluarga yang sedang tercabar dengan elemen-elemen negatif yang sedang berlaku dalam masyarakat.

Justeru, semua pihak tidak boleh memperkecilkan fungsi kementerian tersebut. Kita dok kritik dunia barat kerana dunia barat terlalu materialistik. Akan tetapi, kita tidak sedar bahawa dalam dunia barat kita mendapat maklumat daripada *Google* dan sebagainya, bagaimana negara-negara di Scandinavia diberikan perhatian bagaimana kedudukan Kementerian Pembangunan Keluarga yang dipanggil oleh *Ministry of Social Wellbeing*. Itu diberikan perhatian yang besar oleh Kerajaan Sweden, kerana bagi mereka pembinaan institusi keluarga itu adalah satu kewajipan yang besar untuk menjamin bahawa negara mempunyai generasi yang sihat, yang berakhlak mulia, yang berpengetahuan tinggi dan yang berketerampilan.

Negara barat sendiri mementingkan kepada persoalan pembinaan institusi keluarga walaupun kita lihat bagaimana keadaan yang berlaku di Amerika Syarikat hari ini, kecemasan, tembak menembak di kalangan generasi muda di sekolah-sekolah. Akan tetapi, di Scandinavia lain keadaannya, agak lain. Jadi, di sinilah saya rasa peranan Kementerian Wanita itu amat mustahak dalam konteks Malaysia baru.

Soalan saya, apakah perancangan kementerian untuk mengadakan kursus keibubapaan umpamanya secara sukarela, *parenting course*. Kalau kita tanya kepada pakar-pakar psikologi, pakar-pakar penasihat kaunseling, mereka memang sudah pun mencadangkan kepada kerajaan bahawa semua pihak, semua kita ini yang sudah berkeluarga terutamanya di kalangan generasi 30-an dan 40-an mesti mengambil kursus

keibubapaan sebagai langkah untuk menjamin bahawa masa hadapan institusi keluarga akan terjamin dan kita tidak mendengar lagi perkara-perkara yang telah berlaku dalam negara kita. Seperti mana yang telah kita saksikan di dalam media sosial, akhbar, dan sebagainya.

Kita ambil sebagai contoh umpamanya lagi beberapa kes kematian bayi yang telah berlaku tahun ini menunjukkan kita sangat memerlukan taska ataupun pusat penjagaan anak. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu berusaha menambahkan taska-taska. Di samping memastikan pengasuh anak-anak ini mendapat latihan profesional yang sewajarnya. Pengasuh-pengasuh di pusat ini juga perlu mempunyai kualiti, seperti guru di mana mereka dapat mengajar pendidikan awal dengan cara permainan supaya anak-anak ini tidak terbuang masanya.

Kita juga perlu mengurangkan pergantungan dengan pekerja asing di pusat-pusat penjagaan ini dan cuba menarik seramai mungkin anak-anak tempatan menceburi bidang ini. Adalah satu yang malang apabila orang-orang asing juga dilibatkan dalam taska. Satu yang malang saya rasa dalam negara kita, dalam keadaan kita menghadapi simpang-siur permasalahan pekerja-pekerja asing. Kita boleh tempatkan orang-orang asing menjadi penjaga anak-anak kita, cucu-cucu kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah di atas usaha kementerian untuk memastikan pejabat-pejabat kerajaan mempunyai taska tersendiri. Namun, saya hendak bertanya, sejauh manakah persiapan yang sudah dijalankan? Adakah mereka yang dilantik membuka pusat ini daripada kalangan swasta ataupun kerajaan? Selain daripada pejabat kerajaan, adakah ada perencanaan untuk mewajibkan syarikat-syarikat swasta terutamanya kilang-kilang untuk membuka pusat-pusat penjagaan anak di kawasan pejabat-pejabat mereka.

Antara isu yang hangat dibahaskan dalam masyarakat pada masa kini ialah, permasalahan provokasi kelompok LGBT. Justeru, dalam menangani isu ini kita ingin menegaskan bahawa rakyat Malaysia tidak dapat menerima pengamal-pengamal LGBT berleluasa. Ini kerana ianya bertentangan dengan agama dan juga fitrah manusia. Al-Quran menegaskan dalam Surah Al-A'raaf ayat 82 tentang bagaimana peristiwa yang telah berlaku ke atas kaum Nabi Luth.

Kewajipan kita sekarang adalah untuk mengurus mereka supaya mereka dapat diluruskan kembali ke jalan yang benar. Ini penting, meluruskan mereka supaya mereka dapat diluruskan kembali ke jalan yang benar. Bukan membenci mereka, mengherdik mereka dan mengucapkan perkataan seperti "*laknatullah alaihi*", dilaknatkan ke atas mereka. Bukan itu yang diajarkan oleh Islam.

■1220

Jadi, pendekatan yang kita cadangkan ialah pendekatan antara *taqrib* atau menceriakan, dan pendekatan *tahrib* iaitulah menakutkan. Kena ceritakan ayat-ayat Quran yang menakutkan, hadis-hadis yang menakutkan tetapi pada masa yang sama mencari jalan menggunakan pendekatan dakwah, pendekatan pendidikan.

Sewajarnya pendirian tegas Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap JAKIM, iaitu Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa yang menolak LGBT baru-baru ini tetapi menjamin hak-hak mereka dipelihara sebagai rakyat Malaysia dari segi Perlembagaan dan juga terus untuk mendidik mereka supaya kembali ke jalan yang benar adalah satu langkah yang menetapi dengan prinsip Islam.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, kita ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan, adakah terdapat perancangan untuk melantik kaunselor-kaunselor yang berkecuali di dalam komuniti yang bermasalah? Komuniti kita semakin berkembang dan banyak masalah terutamanya di bandar-bandar. Ini adalah kerana kita tidak mahu kerajaan hanya menggunakan cara yang kasar semata-mata seperti meletakkan polis di kawasan-kawasan perumahan yang bermasalah. Kita juga sepatutnya menggunakan cara yang lembut, berhikmah supaya masalah sosial berkurangan dengan cara yang beransur-ansur dan kaunselor-kaunselor ini dapat membantu daripada aspek isu-isu rumah tangga, pendidikan ataupun remaja.

Seterusnya, saya ingin mengingatkan kementerian-kementerian yang berkaitan khususnya ialah tentang peranan Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian Belia dan Sukan juga adalah merupakan salah sebuah kementerian yang tidak wajar dipinggirkan kerana mereka mempunyai peranan yang besar terhadap generasi belia yang merupakan hampir 60 peratus daripada penduduk di negara ini.

Akan tetapi, kita sedang menghadapi dengan pelbagai cabaran yang besar di kalangan belia-belia kita, sama ada di bandar ataupun di pinggir bandar ataupun di luar bandar, di mana kita melihat fenomena amalan dadah, budaya melepak membuang masa, budaya mat rempit dan sebagainya masih merupakan antara kegiatan-kegiatan yang tidak sihat dalam kalangan belia. Pokoknya, apakah jaminan Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan berlakunya suatu perubahan sikap dan daya ketahanan diri ataupun *self-resilience*, dengan izin, dalam era pemerintahan PH ini?

Saya mencadangkan supaya ditubuhkan barangkali unit-unit belia untuk kawasan luar bandar ataupun sekretariat belia di kawasan luar bandar. Ini kerana kita melihat bahawa fungsi Kementerian Belia dan Sukan di luar bandar, saya rasa, semakin hari semakin tidak nampak kewujudan peranan Kementerian Belia dan Sukan di kawasan-kawasan luar bandar.

Jikalau dalam era 70-an, 80-an dan 90-an adanya MAYC, adanya Belia 4B, adanya ABIM, barangkali kita telah dapat melihat kehadiran peranan jabatan-jabatan belia. Akan tetapi sekarang semakin hari semakin tidak muncul lagi peranan daripada jabatan-jabatan belia di kawasan-kawasan luar bandar. Sedangkan luar bandar hari ini menghadapi masalah dadah yang paling berat, bukan di bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh satu lagi aspek Islam iaitulah mengangkat martabat Mahkamah Syariah. Salah satu institusi Islam yang perlu dimartabatkan adalah mahkamah syariah. Polemik terbesar dalam sidang Parlimen yang lepas adalah RUU 355. Oleh itu, kerajaan baharu ini perlu serius dalam memperkasakan mahkamah syariah dengan meminda akta yang sedia ada atau menggubal akta baharu.

Isu mahkamah syariah kebiasaannya bukanlah isu dasar, namun ia adalah isu teknikal. Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah perlu mendapat latihan dan gaji yang sewajarnya. Kita mahu standard profesionalisme mereka meningkat. Banyak kes-kes dapat segera diselesaikan di Mahkamah-mahkamah Syariah. Kita tidak mahu keadilan mereka tidak terbela kerana kes yang bertanggung kerana kekurangan hakim-hakim yang dapat menangani kes ini dengan begitu adil terutama sekali dalam kes-kes nikah kahwin.

Bayangkan umpamanya kita mendapat maklumat daripada Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor yang menyatakan bahawa kes-kes yang berkaitan dengan kanak-kanak umpamanya, diadili oleh seorang hakim mahkamah syariah dengan hanya elaun RM6,000 sebulan. Sedangkan kes di mahkamah sivil, hakimnya mendapat RM40,000 sebulan. Jadi, jarak yang begitu jauh di antara elaun seorang hakim mahkamah syariah dengan hakim mahkamah sivil.

Dalam konteks inilah kita telah membuat kajian yang agak terperinci tentang soal bagaimana hendak memartabatkan mahkamah syariah dan kami daripada Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama- saya mohon maaf menyebut Parti Keadilan Rakyat telah pun mengeluarkan risalah ini... *[Menunjukkan senaskhah buku]* Yang telah diinspirasikan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk menceriaikan tentang persoalan Mahkamah Syariah dan telah dibawa kepada Jawatankuasa JAKIM untuk dibahaskan dalam satu mesyuarat sebelum pilihan raya yang lalu.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan...

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Minta mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Mencelah.

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh soal Mahkamah Syariah. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa umat Islam adalah mempunyai hak untuk hidup dengan undang-

undang Islam dan hak umat Islam ini mestilah diberi supaya mereka itu dapat mengamalkan agama mereka terutama dalam soal Mahkamah Syariah.

Satu kajian yang dibuat oleh Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi tentang kuasa Mahkamah Syariah di mana sekarang ini walaupun kita sebut Mahkamah Syariah tetapi institusi ini tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan undang-undang Islam itu sendiri. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat, bagaimana supaya Mahkamah Syariah ini benar-benar mempunyai kuasa untuk melaksanakan hukum Islam itu sendiri? Bukan hanya nama Mahkamah Syariah tetapi tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakannya. Dengan sendiri dia menafikan hak umat Islam untuk hidup dengan undang-undang Islam. Terima kasih.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Seperti yang saya tahu daripada waktu Almarhum Tan Sri Dato' Prof. Ahmad bin Mohamed Ibrahim, profesor undang-undang yang terkenal di negara kita, undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Dia lah yang memulakan inisiatif untuk menubuhkan jawatankuasa teknikal syariah di negara kita supaya jurang antara mahkamah sivil dengan Mahkamah Syariah dapat dirapatkan di mana Mahkamah Syariah akhirnya mempunyai kuasa yang tersendiri dan menghormati kehendak masyarakat Islam dan yang penting kerana Allah SWT.

Proses itu bagi saya sedang berjalan dan ada jawatankuasa teknikal yang berada di JAKIM yang dipengerusikan oleh Profesor Shamrahayu daripada Universiti Islam Antarabangsa dan hal ini saya rasa bolehlah dirujuk kepada Menteri yang berkenaan apabila dia datang, saya difahamkan esok.

Saya yakin bahawa jawatankuasa ini berfungsi dan bekerja dengan kuat untuk mengembalikan martabat syariah walaupun ada sedikit masalah-masalah yang tertentu yang perlu di-*adjust*-kan kerana waktu kini masyarakat Islam dan juga masyarakat bukan Islam mempunyai pandangan-pandangan yang lebih kritikal kepada persoalan syariah. Jadi, saya yakin proses apa yang dinamakan *gradual process*, dengan izin, ataupun *al-tadarruj* itu sedang berjalan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ustaz Muhammad bin Mustafa tadi bahawa tidak ada maknanya Mahkamah Syariah ini kalau dikongkong oleh orang tertentu atau pun pihak tertentu.

■1230

Sedangkan syariah Islam itu adalah merupakan anugerah daripada Allah SWT. Akan tetapi ingat bahawa pelaksanaannya daripada aspek teknikal khususnya perlembagaan negara dan juga undang-undang negeri adalah dua perkara yang sentiasa menjadikan proses ini berjalan dalam satu tahap yang tidak boleh memenuhi kehendak kita 100 peratus. Terima kasih.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya teruskan tentang isu pembinaan bangsa Malaysia. Saya memetik pandangan seorang pemikir Islam kontemporari dan seorang ilmuwan terkenal iaitu Profesor Dato' Dr. Siddiq Fadzil yang membicarakan tentang pembinaan bangsa Malaysia. Apabila beliau mengulas tentang pembinaan bangsa Malaysia di mana ianya memerlukan kepada formula kepelbagaian dalam bingkai kesatuan. Formula yang pelbagai tetapi tetap berada dalam satu bingkai yang bersatu.

Beliau menyebut bahawa tidak ada bangsa Malaysia ini yang mahu identiti mereka dilebur. Orang Melayu tetap dengan kemelayuannya, tidak boleh dileburkan. Orang Cina pun tidak boleh meleburkan diri mereka. Orang India- ini adalah fitrah manusia... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Antara maksudnya, iaitu Allah SWT telah menjadikan bangsa-bangsa dan kaum-kaum itu tetapi diikat formula kesatuannya... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Untuk mengenalkan di antara satu sama lain. Itu penting, sangat penting dalam konteks Malaysia.... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Akan tetapi ingat bahawa tidak boleh hendak leburkan bangsa-bangsa yang ada di dalam dunia ini yang telah diciptakan oleh Allah SWT.

Oleh itu kepelbagaian ini perlu dilihat secara positif dan melihat kepelbagaian budaya sebagai aset, khazanah bukan satu sumber konflik. Kita berbangga di Malaysia pada saat ini sebuah negara yang ada tiga tamadun besar. Tamadun Melayu Islam, tamadun Cina dan tamadun India. Ada tiga tamadun besar dunia berkumpul di Asia Tenggara dan Malaysia sedang menikmati kewujudan tiga tamadun itu. Jadi keragaman budaya tidak menjadi masalah asalkan diletakkan di dalam bingkai keekaan atau kesatuan. Formula ini adalah selari dengan fitratullah... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Sama sekali kata Allah SWT "*Ian*" Kamu tidak akan mendapati sunah Allah SWT ini dapat dirobah sama sekali.

Merujuk kepada Sahifah Madinah iaitu perlembagaan yang menjadi dokumen pembinaan negara Madinah yang diketuai oleh Rasulullah SAW dan dianggotai oleh rakyat yang berbilang agama, kabilah dan budaya, Rasulullah SAW membentuk dua ummah. Pertama ialah ummah *diniyah* iaitu umat keagamaan di mana ianya bersifat eksklusif dan terbatas untuk umat Islam sahaja. Namun begitu umat kedua pula ialah umat sia-sia iaitu meliputi umat Islam dan umat Yahudi pada masa itu yang ramai tinggal di negara Madinah. Pengiktirafan ini memberi hak kepada orang-orang Yahudi sebagai warga negara Madinah dan status hak dan tanggungjawab mereka sama dengan umat Islam.

Sahifah Madinah ini telah memberi hak kebebasan agama kepada mereka dan dengan semangat yang sama perlembagaan Malaysia juga memberi hak kebebasan untuk mengamalkan agama dan mengekalkan jati diri masing-masing. Saya rasa ini adalah merupakan suatu nikmat bagi negara Malaysia dan seperti mana kata Profesor Ahmad

Ibrahim kita patut mengucapkan terima kasih kepada hakim Abdul Hamid daripada Pakistan, *justice Abdul Hamid from Pakistan* yang telah mencadangkan kepada Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj memasukkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan tetapi memberikan jaminan kebebasan agama kepada lain-lain pemeluk yang bukan beragama Islam.

Dr. Muhammad Imarah tokoh ilmuwan Islam yang terkenal dari Mesir yang bukunya '*Al-Islam Wa Tajuddiah, Islam and Plurality*' menyebut bahawa kewujudan yang kita saksikan pada alam memancarkan hakikat kepelbagaian dalam kesatuan iaitu keesaan pencipta dengan kepelbagaian makhluk ciptaannya. Dengan ini rakyat sepatutnya tidak bimbang dan bersetuju dengan jaminan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohd bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan terus mempertahankan *status quo* mengenai Islam tanpa menimbulkan sebarang keraguan.

Sebelum kerajaan dapat dibentuk kita dengar sebelum JAKIM dapat Menteri yang baru kita dengar bahawa JAKIM akan dihapuskan, kuasa Islam di kalangan Raja-Raja akan dikurangkan dan sebagainya. Akan tetapi alhamdulillah JAKIM kekal seadanya, kuasa Islam di kalangan sultan-sultan kekal seadanya dan institusi-institusi Islam sedang dikaji. Mana yang lebih penting dikekalkan, yang kurang penting kerana ekonomi kita yang tenat pada saat ini mungkin akan dilupuskan untuk sementara.

Antara salah satu keunikan Malaysia adalah kepelbagaian kaum dan agama. Jarang berlaku pergaduhan besar antara kaum. Dengan itu keharmonian ini perlulah dipertahankan. Oleh itu saya mengalu-alukan perancangan untuk merangka sebuah akta baru iaitu Akta Kebencian Agama dan Kaum yang telah disebut oleh menteri agama baru-baru ini. Akta ini dikatakan bukan sahaja akan mendidik orang-orang lain tentang agama Islam sebab agama Persekutuan namun ianya juga akan memberi kefahaman tentang kebebasan mengamalkan lain-lain agama.

Pada hemat kita sudah tiba masanya akta yang akan dibentangkan oleh Menteri di JPM dapat di bahas dengan sebaik mungkin supaya amalan ekstremisme tidak lagi menjadi sumber konflik antara agama-agama di negara ini. Kita juga ingin mengalu-alukan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini. Kita ingin mengetahui apakah kriteria-kriteria yang akan digunakan untuk memilih ahli-ahli yang akan menduduki majlis perunding keharmonian rakyat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan baru perlulah memastikan usaha untuk menghapuskan kebencian antara kaum dihapuskan dengan segera. Rakyat Malaysia perlulah terbuka mindanya daripada melihat sesuatu itu hanya daripada sudut perkauman semata. Salah satu

sebab mengapa rakyat memilih Pakatan Harapan adalah kerana komitmen mereka untuk menghapuskan politik perkauman. Oleh itu dasar harapan rakyat untuk melihat setiap kaum di Malaysia mendapat hak yang adil dan saksama.

Sebelum saya sampai yang terakhir sekali isunya Tuan Yang di-Pertua saya ingin membahaskan tentang persoalan BR1M. Kenyataan Perdana Menteri yang baru-baru ini dikeluarkan bahawa BR1M akan dikurangkan jumlah pemberiannya dan akhirnya akan dihapuskan telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan rakyat di negara ini. Ada yang pro dan barangkali agak banyak yang kontra. BR1M adalah merupakan langkah sementara dan oleh itu kita akur bahawa isu kemiskinan tidak dapat diselesaikan dengan begitu mudah dalam masa yang begitu singkat.

Akan tetapi langkah untuk menghapuskan BR1M itu tidak wajar dilaksanakan secara mendadak. Saya rasa tidak wajar dilaksanakan secara mendadak. Barangkali biarlah mengambil masa sedikit kerana faktor-faktor kemiskinan rakyat amat berkait dengan masalah yang rumit antaranya isu penurunan nilai mata wang ringgit kerana ianya mesti diperkukuhkan...

Datuk Razali bin Idris: Celah sikit.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Bagi mengelakkan berlakunya *imported inflation*, dengan izin, seperti barang-barang makanan ayam...

Datuk Razali bin Idris: Celah sikit.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Kejap, kejap.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Siapa dia, hendak timbulkan?

Datuk Razali bin Idris: *[Mengangkat tangan]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pencerahan sedikit berkenaan dengan BR1M. Apa yang kita tahu pihak kerajaan telah menukarkan nama BR1M kepada Bantuan Sara Hidup. Jadi ini bermaksud bahawasanya BR1M sudah dihapuskan. Jadi saya pohon pencerahan daripada Yang Berhormat Senator kenapa kita masih lagi menggunakan perkataan BR1M. Terima kasih.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Okeylah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris bahawa kegunaan perkataan BR1M itu memang sudah pun dihapuskan oleh kerajaan Pakatan Harapan digantikan dengan Bantuan Sara Hidup. Akan tetapi setelah saya juga berbincang dengan rakan-rakan ahli akademik terutamanya dalam bidang ekonomi, kita boleh bersetuju bahawa dalam konotasi BR1M yang digunakan dahulu dilihat sebagai satu

bentuk rasuah politik kepada rakyat untuk memenangi pilihan raya dengan izin walaupun ada yang tidak bersetuju.

■1240

Akan tetapi sekarang ini hakikat dalaman dalam persoalan sama ada BR1M ataupun Bantuan Sara Hidup itu persoalannya adalah bagaimana kita hendak hapuskan Bantuan Sara Hidup itu dalam keadaan sekarang ini di mana mata wang kita begitu rendah nilainya? Kemudian saya sebutkan tadi *inflated materials*. Katakanlah makanan ayam umpamanya berbilion-bilion kita ambil daripada luar negara. Apakah negara kita tidak boleh- Kementerian Pertanian tidak boleh buat satu mekanisme untuk membuat makanan ayam supaya ternakan ayam ini menggunakan makanan tempatan dan akhirnya harga ayam itu murah dan ini akan mengurangkan beban kemiskinan kepada rakyat?

Jadi persoalan kemiskinan inilah sama ada BR1M kah atau Bantuan Sara Hidup tetap masih lagi melingkari kehidupan kita di Malaysia ini dan kalaulah dihapuskan bantuan ini walaupun kita bersetuju dengan Perdana Menteri bahawa tidak selamanya rakyat kena menggunakan tongkat tetapi hakikatnya sekarang ini masih lagi berat. Oleh demikian ada pandangan mengatakan bahawa janganlah mendadak tetapi dapat dilakukan dengan cara yang berhemah itu sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani persoalan Bantuan Sara Hidup ini, peranan agensi-agensi kerajaan amat besar sekali termasuklah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang hari ini sudah memulakan fungsi mereka dengan begitu proaktif dan diharap kalau harga barang turun dan katakanlah dalam masa yang terdekat ini setahun dua tahun ini paras kemiskinan juga barangkali dapat diturunkan.

Jadi pada waktu itu rancangan untuk menghapuskan Bantuan Sara Hidup iaitu kalau difikirkan munasabah terpulanglah kepada kerajaan setelah dibahaskan dengan begitu matang sekali dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli-ahli Dewan Negara selain daripada keputusan yang akan dibuat oleh Kabinet.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan menjunjung kasih ini saya ingin mengutip secara ringkas sahaja bahawa apa yang dikatakan Malaysia Baharu itu saya pun tidak tahu di manakah kita hendak pastikan pembaharuan dalam Malaysia Baharu itu tetapi dalam fikiran saya setelah saya berbincang dengan rakan-rakan dan menelaah sedikit sebanyak mengenai karya-karya Islam yang kebetulan pandangan ulama-ulama ilmiah Islam itu bersamaan dengan ahli politik konvensional yang berkaitan dengan politik kenegaraan. Saya ingin merumuskan bahawa Malaysia Baharu yang kita ingini ini adalah Malaysia yang memenuhi kehendak al-Quran dan Sunah Rasulullah SAW. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad

pun baru-baru ini bila berjumpa dengan ilmuan-ilmuan Islam di Jabatan Perdana Menteri menyatakan Malaysia hendaklah kembali kepada al-Quran dan hadis-hadis yang sahih. Jadi kita ambillah pengharapan beliau itu untuk melihat sekurang-kurangnya dalam Malaysia Baharu ini saya melihat ada lapan prinsip yang sewajarnya dihayati dan mungkin sudah pun didengari.

Mungkin selama ini sudah pun dihayati juga tanpa dinafikan oleh kerajaan yang lalu tetapi untuk mengulang balik perkara baik tidaklah salah. Maka saya menyatakan bahawa dalam Malaysia Baharu ini kita hendaklah berpegang kepada prinsip amanah. "*Tidak ada agama bagi orang yang tidak ada amanah,*" kata Rasulullah SAW.

Kedua, kita mengadakan pilihan raya yang telus dan mengamalkan *syura*, "*Wa amruhum syura baynahum*". Allah perintahkan *syura* di kalangan mereka. Wajib hukumnya. Kerajaan baharu hendaklah banyak berunding dengan rakyat. Janganlah membuat sesuatu projek itu tanpa rundingan. Bermusyawarahlah, banyak mesyuarat banyak barakahnya, muafakat itu berkat.

Ketiga, pertanggungjawaban. Ini selalu disebut *accountability*.

Keempat keadilan yang mutlak antara manusia. Ini adalah satu prinsip Islam yang mulia.

Kelima kebebasan manusia di sisi warganegara tetapi saya hendak *bracket*-kan kebebasan itu ada hadnya seperti mana yang dibicarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang semalam.

Keenam, kemuliaan manusia sesama warganegara. Ini amat penting *karamatul insan*, walaupun kita ada penganut Islam, penganut Hindu, penganut Buddha, penganut Cina, penganut Sik dan sebagainya, tetapi memuliakan manusia- *dignity of man*, dengan izin, adalah merupakan satu kenescayaan kepada Malaysia yang baharu.

Ketujuh, kesamarataan di sisi Perlembagaan Negara. Ini pun penting dan yang terakhir prinsip memberi kemudahan dan mengangkat kesukaran di kalangan rakyat. *Al-taiseer*, dan tidak taksir, dengan izin.

Jadi akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator-Senator yang sudah menamatkan tempoh perkhidmatan dan kepada 11 orang Yang Berhormat Senator yang baharu dilantik semalam mudah-mudahan *insya-Allah* mereka akan dapat memberikan manfaat yang besar kepada rakyat dan negara sebagai anggota-anggota Dewan Negara.

Mudah-mudahan *insya-Allah*, Allah akan memberkati ucapan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di-Pertuan Agong, dan Malaysia, *insya-Allah* akan

mendapat status *baldatun thayyibatun warabbun ghafur*- negara yang penuh dengan kebaikan-kebaikan dan mendapat keampunan kepada Allah SWT.

Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Yang Berhormat telah berucap hampir 1 jam 15 minit terima kasih.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad minta Yang Berhormat menyokong dan berucap. Silakan.

12.47 tgh.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah Robbil alamin. Washolatuwassalamuala asrofilambiya iwalmursalin. Waala'alihi wasahbihi ajmain.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan, saya hendak minta izin untuk Tuan Yang di-Pertua pilih saya hendak pakai *high speed train* kah, hendak pakai *meal train* sahaja? Sebab ada 12 minit sahaja. Kalau hendak pakai *high speed train* saya laju. Kalau *meal train* saya perlahan-perlahan sekejap lagi disambung jam 2.30. Jadi Tuan Yang di-Pertua, izinkan yang mana satu? *Meal train* kah *high speed*?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *Speed* lah.

Dato' Sri Khairudin Samad: *High speed?* Saya berlanggar *time* makan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terus, nanti sambung.

Dato' Sri Khairudin Samad: Boleh sambung ya. Jadi *meal train*-lah, tetapi kereta *meal* malam. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya terlebih dahulu mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk menyokong cadangan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di-Pertuan Agong, yang disampaikan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty dan saya pula menjunjung kasih kepada Tuanku di atas Titah semasa membuka Penggal Pertama, Majlis Parlimen Ke-14 baru-baru ini.

Bila saya berdiri berucap, sila duduk dan jangan berdiri. Bagi peluang saya sebab tidak boleh diganggu. Dia kata jangan lari saya tidak beri berdiri, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah daripada Yang Berhormat tadi terutama sekali mengenai pemerksaan Dewan Negara.

■1250

Sebelum ini, memang kita tidak nampak bahawa Dewan Negara ini begitu penting sekali. Kita dahulu dianggap sebagai satu Dewan *rubber stamp* sebab yang dilantik ini

mungkin seperti Yang Berhormat Senator katakan tadilah, kita dilantik di kalangan ahli politik. Akan tetapi, ahli-ahli politik pun, kita melantik di kalangan pemimpin-pemimpin parti politik. Mereka ini walaupun diberikan tempat tetapi mereka menjadi pemimpin- bukan kita lantik yang masuk dalam Dewan ini, tidak tahu hendak bercakap, tidak tahu hendak berbahas, tidak faham.

Akan tetapi saya melihat Ahli-ahli yang baru pun, masuk-masuk ke Dewan terus boleh berhujah, terus boleh memberikan soalan. Ini bermakna mereka ini juga, kalau bukan di kalangan profesional tetapi kehadiran mereka itu seperti profesional, mereka memahami dan berhujah- saya rasa mereka berhujah dengan cukup baik kalau mahu dibandingkan dengan Ahli-ahli Dewan yang lain yang berada di dalam ini.

Sekarang ini, sewaktu- pengalaman itu satu. Perubahan kerajaan, selama 60 tahun kita tidak ada perubahan kerajaan. Kita ada perubahan Menteri adalah. Perubahan Ahli Dewan, perubahan Menteri itu pun kita tukar Menteri, tukar polisi pun ada pada masa itu. Sekarang ini, kita terkejut dengan perubahan kerajaan. Apabila ada perubahan kerajaan, baru ternampak sebab Dewan Rakyat dipimpin oleh kerajaan baharu manakala Dewan Negara masih lagi di bawah kerajaan yang lama jadi kepentingan Ahli-ahli Dewan Negara ini baru terlihat dan terserlah sekarang.

Saya selaku pimpinan di dalam Majlis Senator ini, saya dipanggil oleh kedua-dua belah pihak yang meminta supaya memberikan kerjasama, ada juga yang minta untuk tidak memberikan kerjasama dan sebagainya. Baharu saya nampak, “*Oh, pentingnya Dewan Negara*”. Dahulu, kamu tidak pedulikan kami. Sekarang baru nampak bagaimana pentingnya Ahli-ahli Dewan Negara. Syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara... [*Tepuk*].

Hal ini bukan satu perkara yang mudah Tuan Yang di-Pertua. Bukan satu perkara yang mudah. Kita minta dimartabatkan, diperkasakan daripada dahulu lagi. Apabila kita bercakap, orang ingat kita ini presiden MTUC atau presiden CUEPACS, sebab kita bercakap mengenai gaji. Itu perkara kecil yang kita bercakap yang kita katakan kita mahu martabatkan, mahu perkasakan kerana ini adalah Dewan yang tertinggi. *It is the Upper House*, dengan izin.

Jadi, hormatilah. Apa salahnya? Saya tegur beberapa kali mengenai *sign board* di luar itu. Pasal apa Dewan Rakyat di atas, Dewan Negara di bawah? Itu pun tidak boleh pindah? Tidak boleh dipindahkan sehingga sekarang. Bukannya benda-benda yang- al-Quran tidak boleh pinda! Jangan pandai-pandai. Ini benda mudah tukar sahajalah. Mahu perkasakan kena begitu? Bukan kita kata, “*Mesti naik gaji baharu perkasakan?*” Tidak.

Saya bersetuju, lima tahun. Oleh sebab, peraturan mengatakan lima tahun untuk Ahli Dewan Negara. Kalau lima tahun kerana itu adalah peraturan. Lima tahun, dapatlah pencen penuh. Kalau satu penggal hanya tiga tahun, ada yang datang ke Dewan ini untuk tiga tahun.

Sekarang ini yang daripada Barisan Nasional yang baru sahaja berkhidmat penggal pertama, selepas ini kena beratur ambil Bantuan Sara Hidup Rakyat. Kena beratur. Oleh sebab, Ahli-ahli Dewan yang baru sahaja satu penggal berkhidmat selama tiga tahun. Apa yang saya minta sebelum ini, tempoh lima tahun sebab memerhatikan rakan-rakan yang pernah digelar Yang Berhormat, tidak payahlah beratur untuk ambil Bantuan Sara Hidup Rakyat, itu. Takkan saya perjuangkan itu pun saya jadi Presiden MTUC? Itulah maksud saya.

Apa yang saya kata, kita mahu tempoh lima tahun, itu satu. Kedua, saya minta supaya ditambah lagi Ahli-ahli Dewan ini lebih ramai lagi macam Yang Berhormat Senator katakan tadi, mungkin satu negeri, tiga orang. Kita juga boleh tambah sehingga 100 orang atau 90 orang. Ini tidak jadi masalah. Jadi, sekurang-kurangnya *"the more the merrier"*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Lagi ramai, lagi bagus. Kita berhujah, kita berikan pandangan, barulah ada input-input yang baik untuk kerajaan.

Apa Yang Berhormat Senator katakan tadi, itu saya bersetuju sangat supaya mereka menerima input ini. Jadi, itulah satu surah yang kita anjurkan supaya mereka boleh membuat sesuatu yang baik. Kerajaan boleh membuat sesuatu yang baik sebab kita memberikan pandangan secara baik. Saya tertarik dengan itu, tertarik sangat. Tambahkan keahlian, selepas itu, libatkan- janganlah buat, sudah tengok kita ini, *"Oh, memang ini 'rubber stamp'"*, sampai tidak peduli.

Ada juga jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk di Parlimen ini Ahli-ahli Dewan Negara tidak dilibatkan langsung, kenapa? Oleh sebab orang pandang kita rendah? Apa salahnya libatkan kita? Mahu menentukan gaji Ahli Dewan, JPA pula terlibat. Itu Jabatan Perkhidmatan Awam! Jangan kacau! Jangan kacau gaji kepada Ahli-ahli Dewan. Ahli Dewan buat satu- dia boleh masuk untuk berikan pandangan, tetapi buat satu *committee* untuk menentukan kebajikan Ahli-ahli Dewan seperti Dewan Negara, Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri tidak ada masalah. Kita boleh selaraskan supaya barulah nampak, *"Oh, yang inilah yang menentukan kita"*.

Jadi, kalau mahu salahkan, kita salahkan kawan-kawan kita yang duduk di dalam jawatankuasa itu. Ini dengar kawan-kawan, mereka marah dekat JPA sebab JPA yang menentukan gaji dan elaun Ahli-ahli Dewan. Siapa yang lebih tinggi daripada siapa? Kita yang menggubal undang-undang, selepas itu bila datang tentang gaji kita kena dengar cakap JPA pula, jadi marahlah kawan-kawan.

Saya apabila bercakap ini, saya tahu. Ahli-ahli Yang Berhormat semua ambil ini sebagai satu iktibar. Ini bukan semua pegawai, apabila saya sebut jangan pegawai mahu marah lagi. Ini bukan semua pegawai. Ada pegawai-pegawai yang tidak duduk di dalam Dewan, duduk di luar dekat dengan peti televisyen di luar sambil mendengar hujah-hujah kita

ini, dengar perbahasan kita. Apabila duduk, tengok, "*Alah orang tua ini merepek lagi*". Dia perlu kita. Dia tidak tahu apa yang kita tahu berkenaan dengan rakyat, itu dia tidak tahu.

Saya pernah berkhidmat di pejabat menteri, saya pernah jadi setiausaha sulit, saya pernah jadi Setiausaha Sulit Kanan, saya pernah jadi Setiausaha Politik. Rakyat datang jumpa pegawai, di bawah- ini bukan semua pegawai ya. Minta maaf. Jangan berdendam dengan saya pula, apabila saya bercakap berdendam pula. Saya pun ada '*spy*' di luar sana. Kadang-kadang pegawai ini, di kalangan pegawai, ada di antara mereka saudara saya juga. *Dok* mengutuk saya, kalau dia keluar dia ceritakan dekat saya. Hendak bercakap *mai* tanya depan-depan.

Oleh sebab saya dengar rakan-rakan saya ini berkhidmat untuk rakyat. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang berkhidmat macam yang *you* cakap tadi lah. Jadi, kita kadang-kadang rakyat datang kepada kementerian jumpa pegawai untuk minta pertolongan. Ini pengalaman saya. Mereka minta pertolongan, apabila minta pertolongan, minta sesuatu, selepas itu tidak dapat, dia naiklah ke Pejabat Menteri. Mereka jumpalah dengan kita, pegawai menteri pula. Jumpa kita dan kita buat memo hantar satu.

Dia tidak puas hati, dia telefon "*Dato', tadi si polan ini pergi jumpa Dato' kah? Pergi cari Menteri kah?*" Habis hamba Allah sudah *pi* dekat kamu, kamu kata tidak boleh, dia naik jumpa Menteri, yang boleh Menteri dia naiklah jumpa Menteri. Tidak jumpa Menteri pun, jumpa pegawai kita bagi minit dalam memo pun dia sudah bagi sudah.

Akan tetapi, kenapa menyusahkan rakyat? Pegawai-pegawai ini menyusahkan rakyat. Apabila menyusahkan rakyat, rakyat- Tuan Yang di-Pertua, setiausaha kanan yang paling lama saya rasa. Beliau patut diberikan anugerah. Apa yang saya katakan Tuan Yang di-Pertua pun boleh bersetuju. Betul Tuan Yang di-Pertua? Kita bantu rakyat dan kita memahami rakyat.

Akan tetapi, kadang-kadang masalahnya rakyat dia tidak tahu dan dia salahkan kita ataupun dia salahkan Menteri lah. Oleh sebab dia ingat tidak boleh, jadi dia marah kepada kerajaan. Ini yang kadang-kadang menjadi masalah. Akan tetapi, dalam saya tibai pegawai kerajaan, saya pun mahu sebut, hendak bantu pegawai-pegawai ini. Saya jaga tetapi, janganlah *dok* kutuk di belakang, mari bisik dekat saya, tidak ada masalah. Saya hendak bercakap di sini, saya hendak bantu pegawai-pegawai ini. Ini yang susah, kita tengah masuk gear tiga masuk gear empat, sudah pukul 1 tengah hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya kena sambung lagi pada pukul 2.30 petanglah sebab sudah tepat pada pukul 1 tengah hari. Ya, boleh? Saya masuk nanti saya mahu lambung pegawai bagi keistimewaan kepada pegawai-pegawai pula. Apa yang saya simpan selama ini, saya mahu bantu mereka. Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat Senator dengan pengalamannya sebagai presiden, kita berikan dia peluang. Sekarang tangguh 2.30 petang ya. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, jam pukul 1 tengah hari saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad.

3.32 ptg.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung tadi. Sebelum daripada itu, saya baru terima satu berita dan saya berharap berita ini bukan *fake news*. Bagi pihak rakan-rakan Ahli-ahli Dewan Negara, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail Bakar yang saya difahamkan telah dilantik menjadi Ketua Setiausaha Negara menggantikan Tan Sri Ali Hamsa bermula hari esok. Terima kasih. Oleh sebab hendak sentuh pasal pegawai-pegawai ini kita kena lambung KSN dahulu. Selepas itu baru kita cerita fasal pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kerajaan melihat semula pegawai-pegawai kerajaan yang telah berkhidmat begitu lama. Ada sesetengah itu yang Gred 44 sampai pencen pun Gred 44. Ini terutama sekali mereka yang dalam *closed service*. Selagi tidak ada kekosongan, dia tidak naik pangkat. Maka dia pencen pun Gred 44, seperti dalam polis kalau dia ACP hendak pencen itu dia dapatlah *Senior Assistant Commissioner*. Jadi bolehlah membekalkan pencen.

Seperti yang saya katakan tadi, kalau kita diberi peluang untuk berkhidmat lima tahun, tidak kira berapa penggal, sekurang-kurangnya satu penggal lima tahun kita dapat pencen tidak payah beratur ambil saraan. Akan tetapi kalau itu kita tidak boleh pertimbangkan, jadi masalah. Sama juga macam kakitangan kerajaan kerana mereka bekerja dengan penuh dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya dilahirkan di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang pula di Jalan Pantai atau Pantai Road, Butterworth, Bagan, kawasan Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang ini. Jadi apabila saya bercakap ini sebab Yang Berhormat Menteri

Kewangan kena melihat juga bukan sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan kena lihat juga apa yang kita cuba utarakan.

Saya melihat macam inilah. Selepas berhijrah ke Kuala Lumpur ini akhirnya saya tinggal di Putrajaya. Putrajaya itu saya dapat berkawan sebab saya menjadi pemimpin di Putrajaya ini dapat berkawan kerana ramai di kalangan terutama sekali dalam badan sukan. Saya memimpin banyak badan sukan, di kalangan jawatankuasa saya ini terdiri daripada kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Saya banyak mendapat *feedback*. Fasal itu saya berani bercakap di dalam Dewan yang mulia ini. Umpamanya, sekarang ini saya tahu untuk berhadapan dengan kerajaan yang baharu, pegawai-pegawai kerajaan bukan mudah. Begitu juga Menteri-menteri dalam kerajaan baharu ini hendak berdepan dengan pegawai kerajaan, ada saling tidak percaya-mempercayai di antara satu dengan lain.

Saya bukan hendak menuduh tetapi saya hendak bercerita ini sebab saya dengar juga rintihan-rintihan mereka terutama sekali sekarang ini. Sekarang ini *procurement* yang RM20,000 pun mesti ditandatangani oleh Menteri. Saya rasa ini amat berat kepada kakitangan kerajaan. Mereka rasa macam mereka tidak dipercayai. Apakah benar kalau ini berlaku, saya minta supaya kerajaan mengambil satu sikap untuk dipercayai kakitangan kerajaan- KSU atau Pengarah supaya mereka ini diberi kuasa, yang kecil-kecil ini biarlah. Tak kan kecil pun Menteri hendak jaga. Jadi kalau yang RM20,000 tidak percaya dekat mereka, *delivery system*, dengan izin, akan menjadi masalah kepada rakyat, kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sekejap. Ada tak pegawai-pegawai daripada semua kementerian hadir ambil catatan? Bentara. Tolong cari dan panggil masuk. Kalau tidak saya hendak tangguhkan Dewan. Silakan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Kadang-kadang ada Tuan Yang di-Pertua, ada. Bukan tidak ada. Tadi saya sebut mereka ada tetapi mereka duduk di luar sana. Selepas itu kita berucap di sini mereka duduk mengata dekat kita. Ini laporan yang saya dapat daripada *spy*. Saya pun ada *spy* juga. Kadang-kadang saudara kita dia tidak tahu itu saudara saya atau saudara kawan saya dan sebagainya. Jadi pegawai-pegawai kerajaan ini pun masalah juga. Bukan semualah Tuan Yang di-Pertua.

Saya berkawan dengan mereka, saya tahu. Saya melihat perkara ini, saya rasa perlu ada satu untuk meyakinkan pentadbiran ini berjalan dengan lebih lancar. Menteri kena percaya kepada pegawai dan pegawai juga kena percaya kepada Menteri. Saya pernah berkawan dengan yang duduk dalam *board* dengan saya iaitu mantan SS Negeri Selangor. Itu pada peringkat awal Pakatan Harapan pada waktu itu bukan Pakatan Harapan, Pakatan

Rakyat mengambil alih Selangor, pengerusi saya Tan Sri sekian, sekian, bertanya kepada beliau. Macam mana *you all* bekerja di Selangor ini?

Jawab SS pada ketika itu, ya memang ada masalah. *All this while since* merdeka, dengan izin, *we have been serving* Barisan Nasional. *Suddenly* tukar kepada Kerajaan Pakatan Rakyat ketika itu memang pegawai ada masalah hendak bekerjasama dengan kerajaan baru pada ketika itu. Samalah, sekarang ini memang ada masalah yang sama. Akan tetapi mesti ada satu keyakinan, kepercayaan di antara pegawai dengan pentadbiran baru. Kalau tidak menjadi masalah.

Jadi saya mengesyorkan dalam Dewan yang mulia ini supaya ini diperbetulkan dahulu agar rakyat tidak susah di bawah. Jangan kerana kita tidak yakin dan sebagainya maka ini-pegawai kerajaan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *you have to serve the government of the day*. Tidak boleh hendak belot, tidak boleh ini, buat kerja. Oleh sebab yang menderita ialah rakyat. Ini satu perkara yang penting. Kerajaan perlu memberi perhatian, memberi pertimbangan tentang apa yang kita syorkan terutama sekali untuk memperkasakan Ahli Dewan Negara dahulu. Selepas itu baru tengok kepada pegawai-pegawai, itu.

■1440

Keutamaan itu kena ada *because* Dewan Negara ini kita bagi keutamaan dahulu. Saya rasa pegawai-pegawai akan sokong, tidak ada masalah. *Then*, kita mahu macam itu. Janganlah JPA iri hati dengan Dewan Negara dapat duit lebih. Macam dahulu Ahli-ahli Dewan Rakyat, mereka tidak mahu bagi pada kita sebab kita ini tidak ada kawasan kononnya. Padahal Ahli Dewan Negara menjaga satu negara... [*Dewan ketawa*] Ahli Dewan Rakyat menjaga satu Parlimen, ya Datuk Abbas?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ya, ya.

Dato' Sri Khairudin Samad: Dia Ketua Bahagian Batu tetapi dia bukan jaga Batu. Dia jaga seluruh negara. Ini contohnya lah, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita kena melihat ini secara holistik, baru kita kata benda ini betul. Kita hendak letak di landasan yang betul, itu sahaja. Saya bercakap ini kerana saya berkawan. Saya kasihan, bukan-rintihan pegawai-pegawai jangan kata itu.

Ahli-ahli Dewan, saya hendak bercerita, ada yang sesetengah itu kereta boleh keluar RM500. Boleh bawa keluar kereta, *Proton Saga* kah, *Axia* kah, *Perodua* ini boleh bawa keluar RM500, boleh keluar kereta, RM500, okeylah. Bulan-bulan hendak bayar- *last* sekali orang balik naik bas, kereta *park* di *basement* di kementerian sebab surat *repossess* sampai. So, hendak mengelakkan kereta ini daripada ditarik balik, ada di *basement* di pejabat-pejabat kementerian. Ini berlaku. Jadi macam mana kita hendak mengatasi masalah-masalah ini. Dia

tidak beli kereta, balik rumah anak minta, tambah-tambah lagi bila isteri yang minta, hendak kena bagi.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh juga tentang sukan ini. Tadi saya sebut saya tinggal di Putrajaya dan memimpin beberapa badan sukan. Badan-badan sukan di Putrajaya yang saya pimpin ini adalah badan-badan sukan peringkat negeri. Bila peringkat negeri, kita tidak ada kutipan *subscription* dan sebagainya setiap bulan. Ini kita hendak majukan sukan di dalam Putrajaya, hendak membangunkan sukan.

Baru-baru ini- terima kasih lah kepada Perbadanan Putrajaya. Saya berjuang dari tahun 2000 sampailah tahun ini, barulah dianugerahkan Tokoh Sukan Putrajaya. Itu satu keistimewaan. Akan tetapi yang menjadi masalah, hendak sewa dewan ini, dahulu *free*, sekarang ini hendak sewa dewan- bukan saya hendak salahkan kerajaan sekarang tetapi kerana penukaran Presiden Perbadanan itu, hendak pakai dewan, kena bayar dua hari RM7000 *after discount* 50 peratus, RM7000.

Mana badan-badan sukan ini hendak cari duit kerana kita pun dahulu mengharapkan daripada sayalah sebagai Ahli Dewan yang ada peruntukan, jadi kita salurkanlah peruntukan kita untuk membantu meringankan bebanan ini.

Akan tetapi, bila sentuh fasal peruntukan ini, sebelum saya pergi ke sukan ini, saya hendak masukkan sedikit supaya ada dalam *Hansard*, supaya Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan. Ini kerana saya sudah minta pertolongan daripada Menteri Kewangan, Menteri Kewangan kata akan berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ini soal polisi.

Peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada anggota Dewan pada ketika itu, sebelum pilihan raya, sebanyak RM300,000 untuk satu penggal telah pun dihentikan. Saya mohon supaya kerajaan menimbang untuk menyambung balik apa yang kita terima dahulu supaya disambungkan semula. Ada sesetengah Ahli Dewan yang telah pun berjanji dengan persatuan-persatuan, bukan untuk tujuan politik, kebanyakan kami bagi kepada NGO-NGO di kawasan-kawasan masing-masing ataupun kawasan-kawasan lain sebab kita Ahli Dewan Negara macam saya katakan tadi, kita jaga satu negara. Kadang-kadang dari Perlis pun minta pada saya.

Jadi manalah kita cukup untuk hendak belanjakan atau menampung ini, maka peruntukan itu janganlah dihentikan, sambung balik. Ini permintaan daripada rakan-rakan daripada- saya ada sebut secara *verbal* dengan Yang Berhormat Menteri cuma sekarang ini saya hendak minta di dalam Dewan yang mulia ini supaya disambung semula peruntukan yang diberikan. Mungkin yang enam orang dahulu tidak dapat tetapi sekarang mungkin dapat. Kalau Dewan Rakyat boleh dijanjikan pembangkang pun dapat, kenapa di Dewan Negara

tidak boleh dapat. Jadi saya mohonlah, kalau boleh peruntukan itu disambungkan semula dan kalau ada kemampuan, ditambahkan lagi.

Berkenaan dengan sukan tadi, maka kita baru-baru ini sewaktu hendak menjalankan satu pertandingan badminton kerana kita hendak bangunkan sukan demi untuk negara juga. Ini baru tadi saya dapat berita, nasib baiklah sepak takraw baru menang satu pingat emas, ada empat lah hari ini. Siapa yang pergi janji dengan Yang Berhormat Menteri tujuh pingat emas, saya pun tidak tahu, *wallahualam*.

Pergi janji tujuh pingat emas hingga 11 pingat emas tetapi hendak capai itu, Sukan Asia ini bukan mudah. Ini sumbangan daripada boling dua pingat emas, sepak takraw satu pingat emas, dan satu pingat emas lagi daripada *squash*. So, kita dapat empat pingat emas setakat ini, *alhamdulillah*.

Cuma bila saya sebut ini, apa yang kita buat di Putrajaya ini, saya cuba membangunkan. Di sana kebanyakan yang kita bangunkan adalah kanak-kanak. Oleh kerana bila dia dewasa sedikit, dia ada masuk universiti ataupun bapa dia pencen, dia sudah balik kampung. Oleh sebab mereka tidak tinggal di kuarters, tidak boleh tinggal di kuarters. Jadi yang saya bangunkan itu akan balik untuk memajukan sukan di negeri masing-masing.

Ini bila kita di caj begitu mahal- nasib baiklah Menteri Wilayah yang baharu ini- Menteri Wilayah yang lama pun sama. Saya minta tolong, tolong. Menteri Wilayah yang baharu ini juga prihatin. Kita minta supaya dikecualikan, maka dikecualikan. Cuma saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh, bagi arahan terus. Bagi arahan terus kepada perbadanan ini, kalau badan-badan sukan peringkat negeri hendak gunakan dewan ini, tidak payahlah hendak caj. Kalau orang sewa untuk hendak cari makan, *commercially, okey, you charged* lah. Akan tetapi kita ini badan-badan sukan, kita kena bantu. Kalau tidak, siapa. Kita habiskan waktu, masa kita untuk membangunkan sukan tetapi kita ditekankan oleh perbadanan, contohnya ataupun DBKL, umpamanya.

Jadi yang ini kenalah kita beri perhatian sedikit. Saya tidak tahulah negeri-negeri lain macam mana. Ini disebabkan sesetengah tempat itu saya pergi di Johor umpamanya, kerajaan negeri memberikan satu dewan badminton yang menamakan Persatuan Badminton Johor, dan serah kepadanya, dan dia boleh gunakan dewan itu untuk cari dana lagi, bagi sewa dan dapat keuntungan daripada situ.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, selain daripada itu, saya pernah bercakap di dalam Dewan yang mulia ini pada beberapa sesi yang lalu. Saya pernah bercakap soal *jammed* kereta di dalam Kuala Lumpur ini. Hari ini sahaja, saya mengambil masa satu jam setengah untuk sampai ke Dewan, satu jam setengah. Pukul 9 pagi keluar dari rumah, 10.30 baru sampai.

Saya pernah tegur dalam Dewan ini beberapa kali bahawa kita mesti ikut peraturan yang ada iaitu lori-lori tidak dibenarkan masuk ke dalam kota pada awal pagi sewaktu kita sibuk hendak keluar kerja dan sebagainya. Akan tetapi, dahulu Menteri menjawab ada peraturan itu tetapi peraturan itu sampai terakhir sesi yang lepas, baru Menteri jawab bukan tanggungan kuasa DBKL tetapi kuasa PDRM. Sampai hari ini, saya melihat pagi-pagi ini lori batu, lori besi, lori pasir mengganggu lalu lintas dan menghalang kebanyakan jalan.

Oleh sebab dia hendak memanjat pun berat, bertambah *jammed* lagi, jadi yang ini perlu diberi perhatian supaya mereka ini disekat daripada masuk sebelum jam 10 pagi. Jangan masuk, jangan ganggu. Hanya kalau kita pergi ke Jakarta umpamanya, lori-lori yang empat tayar sahaja yang dibenarkan masuk. Kalau yang enam tayar, 10 tayar, 20 tayar ini, tidak boleh masuk. Akan tetapi di sini kenapa kita tidak boleh buat peraturan yang sama, padahal kita sudah letak *signboard* tidak boleh masuk.

Mereka ini masuk, mengganggu lalu lintas, satu. Lori-lori yang dibenarkan kalau lebih daripada empat tayar di Indonesia adalah lori-lori yang bawa *tank* gas, yang itu dibenarkan. Lain-lain daripada itu hanya lori empat tayar. Jadi kita ini tidak boleh hendak buat peraturan. Kadang-kadang kita melihat, negara yang kurang maju daripada kita boleh membuat sesuatu peraturan tetapi kita tidak boleh.

■1450

Saya pun tidak tahu kenapa menjadi masalah. Saya bercakap soal motosikal. Jumlah kemalangan yang paling ramai di Malaysia ini, kemalangan maut adalah penunggang dan pembonceng motosikal. Sebanyak 67 peratus daripada kemalangan maut adalah pembonceng dan penunggang motosikal di negara kita, 67 peratus. Semalam saya berbincang dengan JKJR, memang *confirm* benda yang sama. Kenapa kita masih biar, adakah kerana populariti untuk kita jadi popular maka kita biar? Kita tidak menghalang mereka ini daripada- pengguna-pengguna motosikal di atas jalan dia kadang-kadang mencelah di tengah-tengah *lane* tanpa mempedulikan nyawa. Mungkin nyawa tinggal di rumah, motosikal jalan dengan orang.

Jadi dia potong kita pun dia kena, kita hendak potong pun dia kena dan kalau melambung, maut. Ada setengah kita *pi* kutip, helmet dengan kepala sekali, badan ada di bawah. Yang ini menjadi masalah. Akan tetapi kenapa kita takut untuk membuat satu keputusan. Jadi saya mohon kerajaan untuk membuat satu keputusan. Jangan kita rasa popular kerana mereka ini tetapi nyawa mereka kita tidak sayang. Apa yang saya maksudkan suruh mereka gunakan jalan alternatif ataupun seperti kata JKJR kepada saya semalam, mereka ini dibenarkan guna *lane* kecemasan. Akan tetapi mereka tidak ikut. Tidak ikut tangkap, tidak ikut saman. Barulah kita mengajar mereka ini.

Dalam soal ini saya juga ingin memohon kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya jangan kedekut untuk kita mengajar mereka ini melalui peti-peti televisyen. RTM1 kah, RTM2 kah, seperti *Astro Awani*. Saya puji *Astro Awani* fasal sekarang ini saya menonton *Astro Awani* saja sebab dia sudah jadi macam CNN kepada kita. Saya tanya fasal apa, orang tanya saya fasal apa *you* puji sangat CNN. Saya kata macam mana saya tidak puji kadang-kadang *fake news* pun saya percaya. Sebab bila CNN cerita fasal seminggu keadaan cuaca dunia, dunia ini, bukan Malaysia saja, seminggu punya ramalan dia, kita tengok betullah. Tiap-tiap hari macam itu. Apa yang dia ramalkan berlaku. Jabatan Kaji Cuaca Malaysia dia kata hujan, tahu-tahu panas sampai ke petang. Dia kata panas, hujan sampai ke petang. Jadi macam mana kita hendak percaya? Itu yang jadi kepercayaan kita pada hari ini.

Sekarang ini *Astro Awani* kalau dia kata hujan, hujanlah. Itu *Astro Awani*. Bukan saya ada *share* pun, tidak ada. Saya pun marah fasal *dok* bertambah duit bulanan. *Sat* lagi ada *introduce* yang baru, lepas itu tambah duit, tambah. Daripada *start* RM90, hari ini sudah jadi RM200 lebih. Yang ini pun Menteri kena tengok, tengok fasal apa *Astro* ini *dok* menyeksa rakyat kerana kita tidak ada pilihan. Kalau hendak tengok RTM Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang boleh menarik. Gunakan RTM itu, mengajar rakyat sivik, hendak guna tandas pun tidak reti sekarang ini. Ada jalan tiga *lane*, empat *lane* pun tidak reti guna. *Morris Minor*- itu duduk dekat *lane* nombor empat, *lane* yang laju ini tapi jalan perlahan. Fasal apa kita biar? Kita kena mengajar ini, semua benda-benda sivik ini kita kena ajar dan kita jangan kedekut. Dulu saya tanya dekat Menteri, Menteri kata tidak ada orang hendak *sponsor*. Ini untuk rakyat, fasal apa hendak *sponsor*? Kita bagi lah.

Bila kita bercakap, kita bercakap fasal apa kereta banyak. Fasal *you* tidak mahu pakai *public transport*. Hendak mengurangkan *jammed* dalam Malaysia ini, saya boleh bagi petua ini. Umumkan hari-hari hari raya, habis, selamat. Hari-hari raya, semua balik kampung. Esok tidak ada *jammed*, boleh tidur atas jalan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kena umum hari raya ataupun kalau tidak mahu bagi orang beli kereta, *stop* jual kereta. Jadi orang naik *public transport*.

Bila cerita fasal *public transport*, pengangkutan awam ini, saya, kadang-kadang kita sembang dengan kawan-kawan. Kita ramai kawan-kawan, kita sembang. Antaranya konsultan, saya tanya fasal apa mahal sangat sudah naik dan orang malas hendak naik. Sebab kadang-kadang kita buat benda ini kita hendak bagi cantik. Jadi kita buat elok, cantik. Bukan saya hendak salahkan kerajaan, tidak tetapi kadang-kadang kita harus memikirkan, kalau stesen lebih besar daripada *mall*, untuk apa kita belanja banyak begitu? Ini kata konsultan kepada saya Tuan Yang di-Pertua.

Stesen itu saya tengok betul juga ya, besar seamat-amat besar dengan kedai makan tapi tidak ada orang. Lepas itu kita terpaksa caj kos itu kepada penumpang. Ini yang kadang-kadang menjadi masalah. Kita ambil tanah, kita bayar pampasan tetapi tanah itu digunakan kita pasang, pacak tiang, ini kos. Kalau sudah kita bayar pampasan, kita buat saja atas tanah itu, kenapa kita hendak buat tiang pula? Yang ini semua menjadi kos lepas itu bebannya kepada penumpang. Penumpang adalah rakyat jelata. Itu yang kadang-kadang menjadi marah. Ini satu pengajaran kepada kita supaya kita ini- saya bukan kata saya bersetuju dengan pembatalan kontrak-kontrak ini. Akan tetapi kalau kita hendak batal, kita kena ambil kira.

Ini kerajaan kena lihat kembali, kena ambil kira pembatalan ini telah melibatkan mereka-mereka yang masuk tender secara telus. Dia masuk tender, dia dapat projek tapi kita batal. Dia sudah buat persiapan, ada pekerja, ada barang-barang semua sudah beli. Bila kita batal, macam mana kontraktor-kontraktor ini?

Saya minta penjelasan dan pencerahan daripada kerajaan supaya kita dapat. Saya dengar daripada kawan-kawan, saya kasihan, mereka kata mereka sudah terlibat dengan projek ini, terlibat dengan ini tapi kemudian dibatalkan. Apa akan jadi kepada persiapan-persiapan yang telah mereka buat ini? Bawa pekerja asing masuk dan sebagainya, apa akan jadi kepada mereka ini? Yang ini juga kita perlu memberi perhatian kerana kalau tidak yang ini pun gulung tikar. Bukan setakat itu, sekarang ini pun mereka sudah terasa kesusahan mereka untuk hendak *maintain*, mereka-mereka ini yang sudah siap beli perkakas-perkakas dan juga pekerja-pekerja.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fasal tadi ada Menteri jawab sudah fasal guru-guru sekolah ini. Saya bukan hendak cerita fasal guru sekolah, saya hendak cerita fasal keseluruhan kakitangan awam di mana mereka-mereka ini kalau boleh kita bukan berada di Tanah suci, ada bilik barakah. Akan tetapi di sini saya ingin memberi perhatian bahawa, bilik barakah ada yang tahu kan?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Khairudin Samad: Bilik barakah di tanah suci ini, bilik barakah Tuan Yang di-Pertua, dia bagi kita guna beberapa jam, bawa pasangan kitalah. Bukanlah bawa mutaah, tidak boleh. Bawa pasangan kita kerana kita lama di sana. Dia kan suami bilik lain, isteri bilik lain. Duduk pula 10 orang kah, enam orang. Sana pun enam orang. Jadi hendak bertemu itu dia adalah bilik barakah.

Akan tetapi kalau untuk kakitangan kerajaan takkan kita hendak buat bilik barakah sebab seorang ada di sini, seorang ada di Kapit. Seorang kerja di Kuala Lumpur, seorang kerja di Kapit. Jadi kalau boleh kita satukan mereka. Jadi kita tidak bersalah dari segi

memisahkan pasangan-pasangan ini. Ini untuk kakitangan kerajaan lah. Ucap terima kasih dekat saya nanti.

Dia dalam ini, kemudian kita melihat pula, kalau orang Penan bersekolah jadi guru sekolah, masuk kolej jadi guru sekolah. Kita bincang dengan dia, hantar dia balik ke kampung dia, biar dia jadi guru di situ. Jadi tidak adalah masalah mental, masalah *stress*. Kalau Orang Asli, ini saya bercakap bagi pihak Dato' Isa. Kalau Orang Asli, hantar dia balik ke kampung Orang Asli. Yang budak hilang di atas gunung lima enam orang itu sebab cikgu itu pun *stress*. Sudahlah tidak ada api, air. Dia pun tidak pernah hidup dalam alam yang macam itu. Lepas itu duduk pula atas gunung di tengah hutan. Maka dia jadi *stress*.

■1500

Jadi, yang ini semua kita harus memberi pertimbangan macam mana kita nak balikkan mereka ke tempat asal. Biar dia sendiri. Dia memahami macam mana kehidupan Orang Asli, jadi dia jadi guru di situ, tidak ada masalah. Ini kita *dok* hantar orang yang duduk di dalam bandar Kuala Lumpur, ambil dia, *pi* letak dia di dalam hutan macam itu. Melainkan dia bujanglah, kalau dia seronok nak mencari pasangan di dalam hutan, tidak apalah, hantar lah. Kalau dia *request* atas permintaan dia, boleh. Akan tetapi kalau kita sengaja nak memisahkan mereka.

Kadang-kadang kami ini didatangi oleh rakyat yang, kadang-kadang mak datang jumpa minta tolong supaya anak dia jangan dihantarkan. Saya kata, "*Pernah Sarawak*". "*You tahu tidak Sarawak ini orang yang pergi Sarawak, dia bertugas di Sarawak, lepas itu kita dapat buat pemindahan, dia tidak nak balik dah. You tahu tidak?.*" "*Betullah, Dato', tapi saya ini susah hatilah anak saya ini.*" Ini rintihan ibu itu, macam itu, sebab dia dah beberapa tahun bersama, tahu-tahu memisahkan dia. Ini bukan yang soal suami isteri. Yang soal suami isteri ini selepas mereka berumah tangga. Jadi yang ini kita kena cari jalan macam mana kita nak selesaikan masalah-masalah yang sedang mereka hadapi ini supaya satu hari nanti kita tidak dipersalahkan.

Kemudian, Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri ini saya nak sentuh sedikit sebab saya minta kerjasama, kawan-kawan kita di perantauan, pegawai-pegawai kita yang bertugas di perantauan, mereka ini ada *budget cut* daripada dulu, setahun dua yang dulu, *budget cut* sampai sekarang. Saya baru balik daripada *Asian Games* di Jakarta dan saya lihat mereka, saya pun simpati kerana mereka tidak tahu daripada mana nak bercakap, nak ini.

Saya pernah sebut di Dewan yang mulia ini, sewa rumah mesti dapat kelulusan daripada Wisma Putra. Bukan Duta yang ada kuasa, tapi daripada Wisma Putra. Jadi, hantar balik ke Wisma Putra minta kelulusan. Daripada Wisma Putra nak sampai balik ke negara

yang sedang mereka berkhidmat makan masa dengan tunggu kelulusan dan sebagainya, sebulan dua bulan. Rumah sudah dapat, tetapi bila sampai balik kelulusan, rumah sudah disewakan. Kawan kita ini *dok* duduk di hotel. Saya hairan macam mana kerajaan boleh bayar sewa hotel tetapi tidak boleh nak luluskan cepat rumah supaya lebih murah sewa rumah daripada bayar duit hotel. Itu satu.

Kedua, persekolahan anak-anak mereka ini. Dia pergi nak daftar di sekolah, sistem di sana kebanyakannya macam sistem kita, mestilah alamat rumah, sekolah mesti dekat dengan rumah. Ada orang mengesyorkan supaya pakai rumah Duta. Kalau dia pakai rumah Duta, esok dia dapat rumah 20 kilometer jauh daripada rumah Duta, dah jadi masalah dia nak kena hantar anak dia pergi sekolah setiap pagi. Jadi yang ini juga harus diberi perhatian dan ditangani dengan serta-merta supaya tidak menjadi masalah kepada mereka kerana di perantauan lagi kesian, di manalah mereka nak minta bantuan supaya kita dapat mengatasi masalah mereka ini.

Seterusnya saya nak menyentuh sedikit tentang Kementerian Kewangan ini. Saya nak tahu sedikit tentang- saya difahamkan sekarang ini ada *non-accountability standard*. *Non-accountability standard* yang diguna pakai dan kemudian bank-bank ini dia pun dah mula agak *strict* sedikit dengan syarikat-syarikat yang ada akaun dengan bank. Mereka kalau dapat pinjaman, kemudian dia ada pula *non sustainable loan*, dengan izin. Dia sudah bagi *loan* dekat kita ini, dia boleh tarik balik.

Ini saya minta kalau boleh Kementerian Kewangan tolong lihat, bincang dengan bank-bank ini, janganlah menganiayai kerana mereka ini membantu kita dalam pusingan ekonomi dalam negara supaya mereka dapat bernafas seperti biasa. Ini kerana kalau tidak, dia nak salahkan- sekarang ini mereka ini suka, bukan masalah *fake news* tapi mereka suka mengada-adakan cerita, Tuan Yang di-Pertua. Mengada-adakan cerita. "*Oh, ini kerana benda ini berlaku macam ini, yang ini kerana benda ini macam ini.*" Sampai apa sekalipun, semuanya hendak dipersalahkan kerajaan lama, apa pun kesalahan kepada kerajaan baharu dan macam-macam.

Jadi untuk mengelakkan ini, kita harus atasi perkara ini dengan secepat mungkin terutama sekali- yang ini saya nak sentuh *last*, Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali apa orang panggil mak nyah, pondan. Tidak apalah, saya tidak tahu nak sebut apa, tapi saya sebut apa yang orang sebutlah, mak nyah ataupun pondan.

Ini berlaku kerana baru-baru ini ada pondan yang jumpa dengan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama. Ada pondan jumpa, jadi orang *viral* lah macam-macam kononnya dia ini menyokong pondan ini...

Seorang Ahli: LGBT.

Dato' Sri Khairudin Samad: LGBT sudah tolak. Ini pondan ini. Saya ini masuk tandas ini, Tuan Yang di-Pertua, semalam saya masuk. Saya masuk-masuk dalam, ada perempuan *dok mop*, perempuan bertugas *dok mop*. Dulu saya pernah sebut, semalam kena lagi. Dia tengah *mop*. Datuk Abbas ada *duk* di dalam, *dok WhatsApp*. Sudah ada dalam sudah, saya kata, "*Datuk Abbas, ini apa ini perempuan? Kita nak pi masuk tandas pun jadi masalah.*" Sebab, kita ada *urinal bowl* itu, nak *pi* berdiri dekat situ kita jadi masalah. Hendak masuk dalam *toilet* ini sudah penuh. Kita nak kena tunggu sampai dia keluar. Nasib baik tidak terlepas tengah itu, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abbas kata, "*Masuk saja dengan dia sekali.*" Saya kata, "*Kalau Miss Universe, tidak apalah.*"... [*Dewan ketawa*] Kalau *Miss Universe*, saya masuk dalam, *no problem*. Saya sanggup berkelahi dengan isteri di rumah kalau *Miss Universe* lah. Ini dia suruh saya masuk dengan orang *dok mop* itu. Kacau. Cuba kita bayangkan itu baru berlaku macam itu.

Sekarang ini kita tengah berdiri di *urinal bowl* itu, tahu-tahu di sebelah kita satu gadis berdiri di situ juga buat kerja sama dengan kita, cuba kita bayangkan. "*Apa hal dia ini kencing berdiri?*" Jadi ini juga menjadi masalah. Maka mereka ini masuk di tempat perempuan. Bila masuk di tempat perempuan, dengar suara, orang perempuan pun lari keluar. Ini masalah juga. Maka mereka jumpa dengan Yang Berhormat Menteri minta untuk diberi perhatian. Saya rasa kemungkinan- tapi Yang Berhormat Menteri kena jawablah, saya tidak tahu, supaya rakyat faham. Kalau tidak, rakyat kata dia bersekongkol dengan pondan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masyarakat pondan ini- kita bercerita fasal masyarakat pondan supaya kita faham, supaya rakyat di luar juga faham. Masyarakat pondan ini kadang-kadang dilahirkan '*angry bird*' dia macam burung pipit. Dia dilahirkan macam itu, '*angry bird*' dia macam itu, kecil. Jadi dia ini hormon ke arah perempuan ini lebih. Bukan dia nak macam itu tapi semula jadi. Jadi dia akhirnya dia pun dengan lenggok dia lah, apa semua. So, tidak tahulah apa yang jadi, saya tidak mahu nak bercerita panjang fasal orang ingat macam saya pula *dok* berkawan dengan dia orang. Akan tetapi sedikit sebanyak kita tahu.

Ada juga pondan yang dia dilahirkan dalam satu *family* yang perempuan ramai, dia seorang lelaki. Itu hampir-hampir berlaku kepada saya. Anak saya lima perempuan, satu lelaki, bayangkan. Saya pula kerap keluar, tinggallah isteri, sudah enam perempuan satu lelaki. Saya cepat-cepat pergi- sebab cari kasut bola tidak ada. Ini anak lelaki kecil. Cari kasut bola tidak ada di sini yang saiz dia. Saya cepat-cepat *pi* ke Bukit Kayu Hitam, menyeberang ke Danok belilah kasut.

Seorang Ahli: Jauh beli kasut.

Dato' Sri Khairudin Samad: Danok sebab di Malaysia tidak ada jual. Ini yang pelik. Kasut-kasut jenis itu yang kecil ini untuk kasut sukan, kalau di Danok ada tapi bukanlah kita *pi* buat kerja 'berdanok'... [*Dewan ketawa*] Tidak buat kerja 'berdanok'.

■1510

Kita beli kasut. Beli kasut...

Tuan Yang di-Pertua: Dekat Danok?

Dato' Sri Khairudin Samad: Beli stoking, balik bagi. *Train* anak saya lelaki ini supaya dia menjadi jantan. Tak payah minum kopi jantan, dia menjadi jantan. Ini sebab kita melihat contoh-contoh lain. Bukan dia nak jadi pondan. Bukan dia syok nak jadi pondan tetapi kerana dia di dalam keluarga yang perempuan, dia pun ikut masak, lipat baju, basuh baju. Mak bersalin pergi tengok. Ini berlaku. Kita kena terima hakikat ini.

Bukan manusia ini dia suka nak jadi apa yang dia jadi. Kadang-kadang dia dijadikan macam itu oleh Allah SWT kerana bukanlah satu hukuman dan sebagainya tetapi apa yang saya difahamkan, macam Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty kata tadi, Menteri sudah jawab. Menteri akan cuba cari jalan untuk melatih mereka ini, bawa masuk dalam satu ini untuk kita ubah. Ubah sikap mereka itu daripada ini.

Macam kita masuk pusat serentilah. Cuma Yang Berhormat, masuk pusat serenti, dia keluar, dia tidak berhenti. Yang itu Dato' Haji Mohd Suhaimi nanti cerita. Dia masuk ini, dia keluar dia tidak berhenti. Dia sambung balik. Ini kerana masyarakat. Masyarakat boleh terima atau tidak? Kalau masyarakat tidak boleh terima, termasuklah pondan-pondan ini sebab masyarakat kadang-kadang tidak boleh nak terima. Tengok dia, tambah-tambah lagi yang sudah pergi *injection*. Dia tidak operasi tetapi adalah *injection* untuk ini. Jadi dia ini susah nak hidup dalam masyarakat ini. Itu yang dia berterusan. Jadi untuk ini, saya rasa cukuplah penjelasan pasal pondan ini. Jangan kita terbawa-bawa sangat dengan apa yang berlaku. Yang sebenarnya tidak.

Saya bersimpati. Saya tidak tahu, saya tidak pernah berbincang dengan Menteri tetapi saya beranggapan bila pondan itu jumpa, nak menyelesaikan masalah tandas. Itu sahaja. Masalah tandas ini bila dia masuk, perempuan tidak jerit dan dia masuk tempat lelaki, jangan lelaki pula beratur. Jadi masalah pula. Kadang-kadang sahabat-sahabat kita ini bila dia tengok, dia bukan tengok rupa paras. Dia tidak tengok rupa paras. Dia *dok* ingat perempuan. Apa perempuan masuk tempat lelaki? Ini masalah.

So, saya rasa cukuplah setakat itu. Sehingga kita berjumpa lagi di masa akan datang. Saya dengan ini menyokong cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty atas Titah Diraja dan saya juga turut menjunjung kasih kepada Tuanku. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah suatu usul berbunyi,

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama Majlis Parlimen Yang Keempat Belas dikemukakan kepada Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahas.”

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah.

3.14 ptg.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini untuk turut mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Diraja yang disampaikan pada 17Julai lepas.

Sebelum itu saya harap maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat Presiden Majlis Senator berkenaan dengan ukuran *angry bird* ini datang daripada sumber lain dan bukan hasil kajian Yang Berhormat... [*Dewan ketawa*]

Seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty semasa mencadangkan rang undang-undang ini, memang kalau kita tengok Mesyuarat kali ini, satu Mesyuarat yang penuh bersejarah, seperti juga yang telah dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa pembentangan kerana pada kali yang pertama, kalau kita tengok istiadat pembukaan penggal diadakan dua kali setahun. Ini saya rasa adalah kali yang pertama dalam sejarah negara kita.

Akan tetapi pada saya apa yang lebih bersejarah lagi ialah selepas 61 tahun, kita, rakyat Malaysia telah memberi kepercayaan dan mandat kepada satu parti yang baru untuk menerajui negara kita. Ini adalah satu tanggungjawab yang berat. Saya bersyukur dan berterima kasih kerana peralihan atau proses transisi kuasa itu dapat dilakukan secara aman. *I think we have to be very grateful* dan ini seperti yang telah diterangkan menunjukkan

kematangan rakyat Malaysia dan demi aspek itu, saya rasa kita kena berterima kasih kepada semua agensi kerajaan termasuk anggota-anggota keselamatan yang telah memainkan satu peranan yang penting dalam hal ini.

Macam saya cakap tadi, rakyat di luar sana mempunyai harapan yang begitu tinggi bahawa kerajaan yang baru ini akan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka kalau kita tengok dari pelbagai aspek. Kesejahteraan rakyat, menangani kos sara hidup, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, ketulusan, pengurusan kewangan berhemah dan sebagainya. Banyak sangat. Dalam hal ini, saya amat gembira kerajaan baru ini telah bermula dengan langkah untuk memansuhkan Akta GST.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok Titah Diraja, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah memberi pendapat dan nasihat mengenai pelbagai isu. Kesemuanya mempunyai implikasi yang besar kepada keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Saya hanya akan menyentuh satu atau dua isu.

Akan tetapi sebelum itu satu maklumat saya nak betulkan yang disebut oleh Yang Berhormat Presiden Majlis Senator mengenai dengan peruntukan. Saya setuju peruntukan perlu diberi kepada semua Ahli termasuk pembangkang. Ini kerana pada saya *this is not party fund. This is government fund. So*, kalau *you* nak bagi kepada Ahli Parlimen, kena bagi kepada semua Ahli Parlimen termasuk pembangkang. Begitu juga di Dewan Negara. Kalau dulu, kita tengok peruntukan ini, kalau dulu, Barisan Nasional punya Ahli Dewan Negara dapat RM300,000 tidak diberi kepada pembangkang. Hanya untuk parti yang memerintah. Pada saya *this is not a good practice* dan patut kita tidak boleh mengulangi praktis itu. Saya setuju kalau diberi kepada semua.

Sebelum saya menyentuh isu-isu yang terkandung dalam Titah Diraja, saya nak fokus kepada satu isu yang dibahaskan di Dewan Negara semalam, di Dewan yang mulia ini, baik di dalam Dewan dan juga di luar, di media sosial bahawa ada tuduhan sebahagian pemimpin Pakatan Harapan mengelirukan rakyat dengan tuduhan yang tidak berasas iaitu berkaitan dengan isu penduduk Malaysia khususnya mereka dari keturunan India tanpa kerakyatan dan juga dokumen-dokumen yang lain. Di mana semalam ada satu *argument* di mana disebut sebahagian pemimpin Pakatan Harapan semasa kempen pilihan raya GE14 telah menyebutkan angka 300,000 manakala semalam semasa jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka 3,853.

Pada saya sinilah timbul masalahnya. Apa yang kita dapat tahu semalam bila kita buat *comparison* antara epal dengan oren, yang disebutkan adalah dua benda yang berlainan.

■1520

Statement yang diberi oleh pemimpin Pakatan Harapan adalah satu anggaran mengenai jumlah orang yang tidak mempunyai kerakyatan dan lain-lain dokumen, maka dia sebut *figure* 300,000. Akan tetapi jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah merujuk kepada permohonan yang telah diterima oleh Kementerian Dalam Negeri. Dua isu yang berlainan. Satu anggaran jumlah yang tidak ada, satu berapa telah diterima. Ini kita kena faham, perbezanya. Jauh berbeza dengan ini.

Pada isu ini, soalan yang timbul ialah *what is the right figure?* Apakah *figure* yang sebenarnya orang yang tidak ada kerakyatan? Fasal, saya boleh beritahu lagi satu *figure*. Pada bulan Jun tahun ini saya menghadiri satu sesi taklimat di SEDIC.

Tuan Yang di-Pertua: Di?

Tuan Chandra Mohan a/l S.Thambirajah: SEDIC dan kita harus ingat SEDIC adalah satu agensi di bawah PMO. Masa taklimat itu antara lain tugas-tugas SEDIC adalah juga untuk mengendalikan isu kewarganegaraan dan sebagainya. Semasa taklimat itu, SEDIC memberitahu bahawa jumlah permohonan pada masa itu yang diterima oleh kerajaan melalui ketiga-tiga program itu SiTF, Mega MyDaftar dan sebagainya, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 12,000 yang diterima. Sama ada layak, tidak layak, itu lain-lain isu lah. Macam saya cakap SiTF, Mega MyDaftar melalui agensi dan sebagainya.

Lepas itu, SEDIC buat- fasal dia tiga-tiga agensi yang lain, tiga badan lain yang buat. Selepas itu, SEDIC buat *data mapping* dan lepas *data mapping figure* itu- fasal *overlapped*. Lepas dia buat *data mapping, figure* itu turun kepada 7,000 lebih. Ini tidak termasuk masa-masa taklimat itu, dia tidak termasuk lebih kurang 3,400 permohonan yang telah dihantar kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga tidak termasuk 1,700 lebih yang masih ada di Jabatan Pendaftaran Negeri.

Isu saya bukan *figure* ini, isu saya ialah kita nampak banyak *figures are floating around* sampai kita pun tidak tahu mana satu *figure is the real figure*. So, pada saya kenapa boleh berlaku sedemikian? Pada saya, salah satu sebab atau mungkin sebab utama ialah kita tidak ada satu angka rasmi daripada kerajaan. *No official statistic*. Mungkin ada pada kerajaan, tetapi tidak *available publicly*. Sebab itu semalam semasa perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar saya sarankan supaya kita adakan satu *Freedom of Information Act* supaya kita dapat *official figure*. Kalau *tak de*, kita akan berterusan menghadapi *problem* macam ini, *contradictory figures*.

Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua saya pernah tanya melalui soalan *does the government have the official figures* dalam orang yang *statelessness*? Tiap kali saya terima jawapan, kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai *stateless*, kerajaan hanya

mempunyai maklumat daripada mereka yang mohon, yang tidak mohon *we don't have the record*. Itu jawapan yang saya terima. Akan tetapi semalam saya terima satu jawapan daripada kementerian yang amat mengejutkan, daripada *reply* semalam. Fasal semalam dalam soalan saya, saya telah membuat satu cadangan supaya kerajaan merangkumi satu kajian khas dalam pembancian penduduk, setiap 10 tahun kita akan buat pembancian *housing* dan *population survey* merangkumi satu kajian khas untuk mendapat tahu *what is the real figure?* Cadangan saya. Jawapan yang saya terima semalam- ini *official* jawapan yang saya terima sekarang, ini saya bacakan Tuan Yang di-Pertua.

Banci penduduk dan perumahan Malaysia akan meliputi keseluruhan penduduk dan tempat kediaman di negara ini. Bilangan penduduk adalah dari segi statistik. Bilangan penduduk adalah merangkumi keseluruhan penduduk warganegara dan bukan warganegara- *the next line is what I'm underlining*, termasuk orang tanpa kerakyatan dan mereka yang tidak mempunyai dokumen berkenaan seperti Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan dan kewarganegaraan. *That means*, erti dia *the figure is there* dengan Jabatan Perangkaan. Ini yang saya dapat tahu. *In fact I'm very surprised*. Kenapa sebelum ini dua kali, tiga kali, tiap kali *I* tanya soalan *what is the real figure?*

Saya bukan cakap semua yang ada dalam itu layak, mungkin ada yang tidak layak. Fasal dia tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki. Akan tetapi *what was the reluctance*, dengan izin, untuk kerajaan untuk mengakui *that we had the figure?* Pada saya kalau kerajaan tidak ada satu *valid* sebab maka dalam kepala saya *I think there is an ulterior motive*. Kenapa saya cakap ini? Semalam dengan hari ini juga saya baca dalam Malaysiakini dan banyak sangat *social sites*, di mana bekas Perdana Menteri dia keluarkan satu *statement* di mana dia cakap pemimpin Pakatan Harapan perlu memohon maaf *for misleading the people* dan sebagainya fasal angka 300,000.

Pada saya kalau saya rasa *if anybody* kena mohon maaf, adalah bekas Perdana Menteri. Fasal soalan yang saya kemukakan adalah kepada Jabatan Perdana Menteri *and you had the figure and you* cakap dengan saya, *you had no figure...*

Tuan Yang di-Pertua: So, Yang Berhormat cakap yang 300,000 itu betul?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tidak ada, *I* cuma cakap *figure* itu ada dengan kerajaan, *come out with the figure*. *I don't know whether 300,00* betul ke tidak betul. *Come out with the figure*. Akan tetapi *as long as you* tidak keluar *figure* rasmi, ramai orang akan *speculate*. Fasal *I* tahu pada *figure* 300,000 ini *I* tahu dikeluarkan oleh satu NGO, 14 tahun dulu atau 13 tahun dulu. Pada mulanya kalau tidak salah, *I stand to be corrected*, dia termasuk orang yang dari Sabah *and then figure* itu tukar 200,000, tukar sini, tukar sana so banyak *figures are floating around...*

Tuan Yang di-Pertua: Angka 300,000 itu kemungkinan semua bangsa?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Mungkin, mungkin. *But, I* tidak tahu. *What I am saying is, you have the figures, come out with the figures. So,* maka orang takkan *speculate* macam ini. Akan tetapi isu saya kenapa bila *you* ada *figure* itu *you* cakap *you* tidak ada *figure*? Itu saya punya pendirian. Itu saya cakap kenapa dia kena mohon maaf. Bukan pemimpin Pakatan Harapan yang kena mohon maaf kepada dia.

Satu, *why hide the figures*? Kedua, kalau *you had the figures* dia pun kena mohon maaf atas kegagalan untuk menyelesaikan masalah ini. Hanya setakat kalau kita dengar semalam taklimat yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berdasarkan permohonan-permohonan sebelum, bukan kerajaan baharu, kerajaan lama dia beritahu lebih kurang 1,800 sahaja yang lulus. *So,* itu isu yang saya hendak bangkitkan walaupun bukan ini.

Sebelum saya menyentuh isu-isu yang terkandung dalam Titah Diraja, saya juga hendak menyentuh saranan Yang Berhormat Presiden Majlis Senator Malaysia walaupun saya dinafikan keanggotaan dalam badan itu...

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Saya pun tidak tahu lah pada pengetahuan saya, saya masih Senator. Okey, tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang terbuka.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Akan tetapi saya terima cadangan Yang Berhormat dari aspek hendak memartabatkan Dewan Negara. Satu, dari segi tiga tahun kepada lima tahun. Saya pun tidak faham kenapa tiga tahun? Kenapa tiga tahun? Kenapa bukan empat tahun? Kenapa bukan lima tahun? Kenapa bukan enam tahun? Apa rasional untuk kita *pick* angka tiga tahun kecuali dari sudut hendak bagi lagi banyak orang peluang untuk menjadi Ahli Dewan Negara. *So,* pada saya, saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin supaya tempoh itu...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat saya mencelah sedikit. Yang Berhormat kalau hendak bagi peluang kepada ini, kita ada banyak kerusi kosong lagi, boleh isi.

■1530

Cuma yang perlu kita buat, kita buat cadangan untuk menambahkan keahlian, keanggotaan. Oleh sebab banyak kerusi kosong, semasa *renovation* itu kita sudah tambah kerusi kosong, *so* kita tambah melalui itu, tidak payah kerana tiga tahun. Apa yang saya sebut lima tahun itu sebab lima tahun melayakkan kita dapat pencen penuh. Kalau empat tahun tidak boleh. Ia mesti 60 bulan berkhidmat maka dapat pencen penuh. Pencen penuh

bermakna separuh daripada gaji. Itu yang saya katakan tadi, kalau tiga tahun beratur ambil BR1M lah...

Seorang Ahli: BR1M sudah tidak ada sekarang.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tidak ada BR1M, apa ini? Saraan. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tabung Harapan. Saya setuju seperti Yang Berhormat cakap tadi fasal isu tiga tahun, bukan hendak tambah untuk bagi peluang untuk lebih orang. Kalau hendak bagi peluang untuk lebih orang, *increase* 70 ke 100 pun macam dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, itu satu.

Kedua, kenapa perlu had tempoh untuk dua penggal? Ini saya cakap bukan saya ada *vested interest* saya akan tamat hujung tahun ini ya, bukan isu dia. Apa rasional untuk menghadkan tempoh itu ke dua tahun sedangkan dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Dua penggal.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Dua penggal. Dalam *Constitution* sudah ada syarat-syarat kelayakan dan syarat-syarat di mana kita akan hilang kelayakan.

Tuan Yang di-Pertua: Dahulu yang pertama, dahulu tidak ada.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tidak ada, tidak ada. Kenapa ada *limitation*? Pada saya kerajaan- *you* boleh mengandungi apa-apa *restriction* atau *limitation* dari aspek undang-undang tetapi apa yang penting ialah rasional dia, apa rasional dia? Kenapa *you* hadkan? Sedangkan Ahli Dewan Negara kalau *you believe* kalau dalam konsep *bicameral legislature* kenapa Dewan Rakyat dilayani dengan cara lain *and* Dewan Negara ia lain? So pada saya, saya rasa dari segi *limitation* penggal perlu dikaji semula, dari segi *limitation* ini pun saya rasa dari *capping* dua *terms* itu pun saya rasa perlu dikaji semula.

Pada saya, *I think it should be left for the discretion of the government of the day* untuk buat keputusan sama ada dia perlu khidmat seorang itu atau tidak. Fasal kita kena faham bukan semuanya datang dari negeri, ada juga yang mewakili spesifik *groups* dan sebagainya. Mungkin kita perlukan kepakaran dia orang lebih dari enam tahun, *so it should be left to the discretion of the government*. So, saya terima cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin.

Berbalik kepada Titah Diraja, pada mulanya saya hendak sentuh isu rasuah dan keperluan untuk mengukuhkan lagi integriti dan tadbir urus seperti yang dinyatakan oleh Tuanku dalam perenggan tujuh kalau kita tengok Titah Diraja di mana Baginda mengalukan pendekatan kerajaan untuk menegakkan ketelusan terutamanya dari segi mendedahkan kewangan negara yang sebenar.

Dalam hal ini saya hendak sentuh dua isu yang saya pernah sentuh sebelum ini pun semasa perbahasan GST iaitu pendedahan Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan

dengan *tax refund credit* sebanyak RM19.4 *billion*, itu satu. Kedua, selepas itu pendedahan yang lagi satu itu berkenaan dengan *income tax over payment* yang tidak di *refund* balik atau terlebih bayar sejumlah RM16 bilion. Walaupun tabung itu masih ada RM1.4 dengan RM1.4 *billion* tetapi jumlah yang masa itu yang belum dibayar balik atas apa sebab pun adalah hampir RM35 bilion.

Kalau kita tengok kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga Ketua Pengarah *Inland Revenue Board* (IRB). Kedua-dua mereka mengakui bahawa duit ini tidak dapat dipulangkan balik kerana tidak cukup duit dalam tabung amanah. Pada saya *this is hideous issue* fasal apa yang jadi ialah duit itu yang patut dibayar balik *basic accounting principal* dianggap sebagai *revenue* dan digunakan akibat dari *cashflow management*.

That why tadi apabila *I* tengok *Federal Government Financial Statement...* [Menunjukkan sebuah buku] Ironi, kalau *I* tengok *tagline* di bawah, *excellent accounting at your service*. Akan tetapi *excellent accounting at your service* sehingga kita gunakan *non-revenue items* sebagai *revenue*. Pada saya ini bukan sahaja satu penyelewengan kepada saya tetapi juga mempamerkan- fasal kalau kita tengok piawaian atau standard atau amalan perakaunan di *civil service*, pada saya *it is very high standard and* mantap juga tetapi masih boleh berlaku isu-isu macam ini.

So, cadangan saya ialah walaupun saya sedar pihak polis telah memulakan siasatan dengan merakamkan *statement* dari Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya rasa kerajaan perlu menubuhkan satu jawatankuasa khas bukan sahaja untuk menyiasat dua-dua kes ini fasal polis dia hanya akan fokus kepada dua-dua kes ini atas laporan yang dibuat. Akan tetapi pada saya, saya rasa kita perlu satu lagi badan khas untuk siasat kejadian macam ini atau kenapa boleh berlaku. Fasal kita harus ingat, *the government* ini, kita pegang banyak deposit orang dan kalau boleh berlaku dalam satu insiden macam ini mungkin akan berlaku di lain-lain tempat.

Kalau ada kelemahan, saya rasa tidak ada kelemahan dalam *accounting standard* oleh *civil service*. *I* rasa tidak ada kelemahan, mungkin ini atas arahan. Akan tetapi sekiranya ini berlaku kerana terdapat kelemahan maka saya rasa kerajaan perlu menjalankan satu siasatan khas secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, kalau bercerita fasal penyiasatan, saya rasa kerajaan juga melakukan satu siasatan terhadap perkara-perkara yang berlaku di LTAT. LTAT ini saya hendak sebut sedikit fasal ini satu isu yang baru. Kalau kita tengok LTAT ini, ia sebuah badan berkanun yang ditubuhkan melalui satu akta Parlimen pada masa itu ya dengan tujuan hendak

adakan faedah kepada faedah-faedah persaraan, dividen dan sebagainya. Pada mulanya untuk *rank and fund* kemudiannya ada *benefit* untuk *officers* dan sebagainya.

Minggu lepas kita telah dikejutkan lagi dengan satu berita yang betul-betul mengejutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengenai semasa dia mengumumkan pembatalan skim AES. Di mana AES kita semua tahu ia bermula pada tahun 2012, dikendalikan oleh dua buah syarikat Beta Tegap Sdn. Bhd., dan ATES Sdn. Bhd. Kedua-dua buah syarikat ini pada mulanya akan dapat sebahagian dari saman yang dibayar. Dari mulanya program ini tidak dapat sambutan baik dari rakyat, bukan dari aspek keperluan dari segi keselamatan dan sebagainya.

Akhirnya desakan rakyat program ini pun ditangguhkan pada mulanya dan kemudiannya saya rasa dibatalkan dan lepas empat tahun kah apa. Dalam empat tahun ini kedua-dua syarikat ini telah memasang sebanyak 47 buah kamera dengan harga RM250,000 seunit. Ada orang cakap RM250,000 pun tinggi tetapi pada saya ia juga meliputi *maintenance cost* dan sebagainya. So, modal dari aspek kamera sahaja adalah hampir RM12 juta yang dikeluarkan oleh kedua-dua buah syarikat ini.

Berkenaan dengan LTAT, penglibatan LTAT dalam ATES ia bermula pada tahun 2014 selepas skim itu sudah macam *half dead half alive* punya peringkat. Penglibatan LTAT bermula apabila ia diarahkan oleh kerajaan pada masa itu untuk mengambil alih projek itu. Di atas arahan kerajaan pada masa itu, LTAT membayar atau *acquire* dua *company* ini yang telah melabur modal untuk kamera RM12 *million*, LTAT terpaksa membeli dua syarikat ini dengan harga RM555 juta. LTAT keluarkan melalui anak syarikatnya Boustead Holdings dan sebagainya. Ada dua, tiga anak syarikat.

■1540

This is a shocking figure. Akan tetapi LTAT pada masa itu tidak ada pilihan lain, dia beli. Selepas itu saya tahu pada tahun 2017, LTAT dapat satu jaminan dari kerajaan, mungkin dapat jaminan itu semasa dia beli pun. Semasa dia beli pada tahun 2015 dan selepas dua tahun, kerajaan akan beli balik serta akan pulangkan duit itu dan sebagainya. Akan tetapi, / tidak tahu sama ada dengan faedah atau tidak. Itu fasal kalau sekarang kita tengok *statements* yang dikeluarkan oleh Persatuan Patriot Kebangsaan, bekas Briged Jeneral dan sebagainya, kenapa mereka minta siasatan seluruh.

Kita harus ingat kenapa saya minta siasatan khas terhadap LTAT ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat, syarikat RM12 juta dibeli sebanyak RM500 juta?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Ya. Mungkin syarikat itu belanja lebih dari RM12 juta, saya tidak tahu *the actual* ini. Akan tetapi masa itu dari aspek pelaburan untuk

kamera, fasal mulanya perancangan adalah untuk 800, kemudian *increased* untuk 1000 kamera tetapi dalam empat tahun itu, kamera yang dipasang hanya 47 kamera. So, bila saya sebut RM12 juta itu harga kamera, nilai suku juta untuk satu unit.

Akan tetapi isu saya dengan LTAT ialah fasal ini bukan kali yang pertama LTAT- Kalau saya boleh pakai perkataan *bailout*. LTAT digunakan untuk *bailout*. Ini kerana sebelum ini, kita harus ingat LTAT juga terlibat dalam satu transisi yang *controversial* pada tahun 2012, *start* 2012 sampai 2013 di mana duit LTAT melalui anak syarikat dia iaitu Boustead Holdings telah digunakan untuk beli tanah di Bukit Raja. Bukan sahaja beli tanah, tetapi juga untuk membeli dua syarikat iaitu Astacanggih Sdn. Bhd., dan Awan Megah Sdn. Bhd.

Kenapa saya pakai perkataan *bailout*? Kita harus ingat pada masa itu tahun 2013, bila dia beli dengan beberapa harga, kita harus ingat masa itu syarikat Awan Megah Sdn. Bhd. dimiliki 99.99 peratus, hanya *point zero* peratus tidak ada, dimiliki 99.99 persen oleh Ketua Wanita UMNO Selangor pada masa itu. So, *bailout* dia *and* saya tidak mahu sebut fasal syarikat itu juga terlibat dalam satu lagi projek di Putrajaya, pusat pengajian *Ministry of Defence, Puspahanas all that kind of issues*. Satu. Itu Awan Megah. LTAT terpaksa ambil.

Lagi satu bila *I* cakap Astacanggih, kenapa *I* cakap *controversial*, *I* tidak tahu sama ada *it was done at arm's length* atau *commercial value* atau apa. Pada masa itu, Astacanggih Sdn. Bhd. dimiliki 18.9 peratus oleh Deepak Jaikishan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Deepak Jaikishan. Deepak Jaikishan pada masa itu *were came out with* affidavit berkaitan dengan kes pembunuhan Altantuya di mana- dia tuduh, bukan saya tuduh. Dia tuduh dalam affidavit penglibatan beberapa pihak dalam pembunuhan Altantuya. Akan tetapi kenapa *I* cakap *bailout*, lepas LTAT beli dua syarikat ini, segala tuduhan *stop*. So, itu yang jadi isu saya dari segi kebiasaan. Mungkin dua ini tidak boleh pakai perkataan kebiasaan, tetapi kekerapan mungkin, LTAT untuk melibatkan diri dalam *controversial transactions*. So, maka saya rasa perlu mengadakan satu siasatan menyeluruh.

Berkenaan dengan kos sara hidup, saya tidak mahu sebut, fasal tadi pagi Yang Berhormat Menteri pun telah jawab, memberi banyak keterangan mengenai langkah-langkah yang akan diambil. Cuma saya harap harapan rakyat di luar sana, diharap dengan penghapusan GST itu, harga barang benar-benar akan turun.

Sebenarnya saya pun tidak yakin sama ada akan turun atau tidak. Saya cuma macam rakyat juga, saya pun harap harga akan turun. Akan tetapi kalau harga tidak turun akibat dari SST, fasal pada teorinya *you* buang GST, *you* masuk SST, kalau ada kenaikan pun mungkin separuh dari GST tetapi kita tidak tahu *in reality* apa akan berlaku. Akan tetapi, kalau tidak

ada penurunan kos sara hidup, saya sarankan kepada kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan bebanan rakyat.

Antara satu langkah yang perlu diangkat pada saya ialah isu pengangguran. Dari segi *job creation* juga disentuh oleh Seri Paduka Baginda di dalam Titah Diraja. Isu pengangguran kalau kita tengok secara *face value* atau *global figures*, di Malaysia pada masa ini bulan Jun, bulan Julai dan sebagainya 3.4 persen. Pada saya 3.4 persen itu boleh dianggap hampir *full employment*. Ini bukan satu *figure* yang luar biasa.

Akan tetapi apa yang luar biasa ialah bila kita pecah *figure* ini kepada pengangguran belia. Kalau kita ambil pengangguran, *I'm zooming it into particular segments of unemployment* itu. Kalau kita tengok pengangguran belia pada tahun 2015, pada kali yang pertama Malaysia mencatatkan angka dua digit pengangguran belia. Pada masa itu kalau tidak salah 10.7 persen. *I* ingat pada tahun lepas, pengangguran belia adalah hampir 10.8 persen walaupun *national figure* is 3.4 persen.

So, ini saya tidak ada statistik untuk tahun ini tetapi saya rasa kalau berdasarkan kepada *global trend* dan berdasarkan kepada bilangan pekerjaan yang telah diwujudkan *couple* dengan orang yang keluar dari universiti-universiti, *I* rasa angka ini tidak akan turun untuk tahun ini. So, *the point* yang saya hendak sebut ialah kalau kita tengok kadar pengangguran belia, dia hampir tiga kali dengan kadar nasional.

Ini serius fasal selain dari Indonesia, *I think* dalam negara-negara ASEAN, *we are the highest* untuk pengangguran belia. Indonesia sahaja 15.6 persen tetapi lain-lain negara, *Philippines*, Vietnam hanya 7 persen. Semua *single digit unemployment*. Pengangguran belia ini adalah biasanya dia lebih dari *national figure* di semua negara, cuma di negara Malaysia ini sudah tiga kali ganda. Isu yang saya *concern* ialah macam saya cakap bukan *local phenomena*, *it's a global phenomena*. Akan tetapi yang menjadi isu kepada saya ialah implikasi yang dia akan bawa kepada negara kita, sekiranya tidak diatasi.

Kalau kita tengok laporan MIDF, ini laporan MIDF yang dikeluarkan pada bulan Mei tahun ini. Laporan MIDF, statistik dia, siswazah merupakan hampir 40 peratus dari jumlah belia yang menganggur. Tadi *I* sebut fasal belia, ini saya *zoom* lagi belia untuk siswazah. Dari belia yang menganggur, hampir 40 persen ini adalah siswazah. *Figure* yang diberi oleh MIDF pada bulan Mei, siswazah yang menganggur adalah 204,000. *I* belum *verify* dengan lain-lain *sources*, so *I* ambil *figure* ini pada *face value*. MIDF juga bagi dari pecahan disiplin. *Figure* yang diberi ialah yang paling tinggi datangnya dari bidang *arts* dan *social science*.

Isu saya ialah macam ini Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini banyak kajian telah dibuat oleh badan-badan pengajian tinggi, *universities*, badan-badan penyelidikan, Bank Negara dan

sebagainya untuk menentukan atau untuk mencari kenapa sebahagian besar siswazah kita tidak dapat kerja.

■1550

Dulu saya pernah baca ada satu laporan *they said for the first six months they won't be working* dari segi cari kerja. Hasil dari semua kajian ini menunjukkan bilangan pengangguran siswazah meningkat dan salah satu sebab atau isunya ialah dari aspek *employability*. Kalau kita tengok dari segi *employability*, hasil kajian-kajian itu ialah dari segi *skills mismatch*. Kita dapat banyak *skills mismatch*. Saya tidak menafikan kerajaan sebelum ini pernah mewujudkan banyak pekerjaan. Kalau kita tengok *entry level program* telah mewujudkan banyak pekerjaan.

Akan tetapi, pekerjaan yang kita wujudkan di Malaysia pada masa itu *are all low skilled jobs* bukan *jobs* untuk *graduate*. Saya bagi contoh, kalau tidak salah program ETP yang diumumkan oleh bekas Perdana Menteri dia *target* 3.3 juta pekerjaan dalam lingkungan 10 tahun. *If I'm not wrong* dari tahun 2010 sampai 2016 sudah wujudkan lebih kurang 2.6 bilion pekerjaan. Akan tetapi, dari 2.6 bilion ini kebanyakannya adalah *low-skilled jobs*, atau *medium-skilled jobs*. Ini kalau kita tengok pada saya makin buruk isu-isu ini dan pada saya isu pengangguran belia khususnya isu pengangguran siswazah perlu dijadikan sebagai satu agenda tetap negara, *permanent program for the country* fasal implikasi ia banyak dari segi *social upheaval* dan sebagainya.

Dari aspek ini saya ada beberapa cadangan antara lain, sistem pendidikan di negara kita perlu *di-transform* dan institusi-institusi tinggi mungkin Tuan Yang di-Pertua akan setuju, perlu diperkasakan dengan memberi lebih banyak autonomi dan tanggungjawab untuk melahirkan lebih banyak atau lebih ramai siswazah yang cekap teknologi, *multi-skills*, serba boleh dan sebagainya. Kita perlu menggalakkan kolaborasi yang lebih rapat di antara agensi-agensi pendidikan termasuk IPTA, IPTS dengan pihak industri.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat mencelah sikit ya. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, saya melihat bila cakap fasal sekolah ini belum lagi institusi tinggi tapi sekolah. Tidakkah Yang Berhormat rasa terlalu banyak subjek-subjek yang diberikan kepada anak-anak kita sehinggakan berat beg itu saya tahu daripada anak saya sehingga ke cucu saya pun dia bawa beg condong ke belakang. Apakah perlu dikurangkan atau subjek yang diminati oleh anak-anak itu yang ditumpukan, tidak payahlah bawa sampai banyak. Untuk apa dapat 17A kalau kita tidak perlu anak-anak kita-macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang diberitahu itu silap *match* kursus.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, *skills match*, *mismatch* ini pun salah satu sebab ialah dari aspek *curriculum development* di mana *curriculum development* yang disebut oleh Yang Berhormat ini, ia tidak *match* dengan keperluan...

Tuan Yang di-Pertua: Semasa.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: ...Industri, dari aspek. Oleh sebab itu saya cakap kita perlu ada lagi banyak kolaborasi antara institusi pendidikan dengan pihak industri. Fasal kalau kita tahu sebelum ini institusi-institusi pendidikan, mungkin Tuan Yang di-Pertua akan setuju, kalau kita tengok dulu dari segi akademik kita fokus banyak kepada *teaching* di mana kita tukar untuk Dr. Benjamin Bloom *learning outcome based* atau *Bloom's taxonomy*.

Akan tetapi, masa itu dari *Bloom's taxonomy* fokus dia ialah kenapa seorang murid itu, siswazah masa universiti boleh dapat 3.5, 3.7, 3.8 tetapi bila dia pergi kepada industri dia tidak boleh *perform* dari segi aspek- *pass* dengan cemerlang tetapi tidak boleh *transfer knowledge* dia yang ada itu kepada *employment*. Itu satu aspek yang kita telah *handle at least* sekurang-kurangnya dengan *Bloom's taxonomy*.

Akan tetapi isu saya ialah *skills mismatch* yang menyebabkan *employment unsuitability*, itu satu. Satu universiti, yang saya fokus ialah dari aspek pewujudan atau kewujudan atau peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh kerajaan. *The types of job* yang kita *create* adalah *low income job*.

Saya bagi satu *figure*, kerajaan kena ingat dahulunya bilangan antara *jobs* yang kita *create 1.8 million jobs* ini hanya 30 peratus diisi oleh *high-skilled*, atau *medium-skilled*. Kebanyakan itu *low-skilled job*. Maka apa akan jadi, kalau kita tengok ETP memang- *I think it is one of the most successful program* dalam 10 tahun *you hendak create 2.6 million jobs, it's not easy*.

Akan tetapi, dari *2.6 million I stand to be corrected, the figure could be slightly wrong, 1.8 million* diisi oleh pekerja asing. Isu dia bukan pekerja asing fasal jenis *jobs* yang di *created* adalah *low-skilled job* maka diisi oleh pekerja asing bukan kerajaan suka hendak bagi kerja itu kepada pekerja asing.

So, isu saya kita kena ambil, saya harap kerajaan baharu akan ambil perhatian yang lebih serius. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, saya tengok kerajaan Pakatan Harapan melalui iltizam khusus untuk anak muda, telah menggariskan beberapa langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Antara lain dia cakap pewujudan, kenapa saya cakap fasal *job creation* adalah antara lain dalam manifesto ia cerita fasal hendak mewujudkan lagi banyak kerja.

So, saranan saya *yes, it is good* kalau *you create jobs* tapi *you* kena *create the right type of jobs*. Kita kena *move, I think problem* kita ialah *our whole economic model* tidak betul. Kita ini, *we are based on a low cost model*. Kita bersaing *on the basis of cost*. So, kita hendak *keep our cost down*. Pada saya *I think our economic model* kita kena tukar kepada *higher productivity model* di mana kita akan fokus lebih kepada *innovation* dan sebagainya.

Kalau tidak ada, *employment unsuitability couple* dengan apa yang berlaku sekarang di Malaysia *income inequality*. Kalau kita tengok perbezaan dengan *high-end, and low-end, top 20, bottom 20* dan *dispersion of wages* dan sebagainya. Lama-kelamaan ia akan menyebabkan ketegangan sosial. Ini akan memberi implikasi yang negatif kepada *social landscape*.

Satu lagi poin Tuan Yang di-Pertua, tadi kalau kita cerita fasal anak muda, sekarang fasal warga emas. Ini pun bukan fasal saya punya janggut putih. Akan tetapi kalau kita tengok isu *geriatric facility* di Malaysia ini memang kurang. Mengikut unjuran UN atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan *World Health Organization* unjuran ia pada tahun 2030 Malaysia akan capai status *aging nation* di mana lebih dari 15 peratus akan capai umur 60, bukan semuanya muda macam Presiden Majlis Senator.

Kalau kita tengok bukan kerajaan baharu ini, kerajaan sebelum ini pun memang ada dasar tindakan untuk warga emas bukannya semua yang dia buat itu tidak betul. Ada juga yang dia buat itu betul, kita kena akui. Akan tetapi *problem* nya ialah dari aspek pelaksanaan. Dari segi dasar memang ada, dari segi pelan tindakan memang ada. Saya bagi contoh untuk warga emas, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara digubal pada bulan Januari 2011.

■1600

Dalam dasar itu, dia cakap kita perlu mengiktiraf sumbangan warga emas dan fasal kita kena iktiraf sumbangan warga emas maka, dasar itu dan pelan itu telah menggariskan pelbagai komitmen kerajaan terhadap warga emas ini. Termasuk dalam dasar itu memastikan kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif. Akan tetapi, malangnya tidak berlaku. *I don't want to go into the* sebablah. Akan tetapi kita harus ingat iaitu perawatan warga tua memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang berbeza. So, pada saya kita tengok sekarang kekurangan ini bukan sahaja dari aspek kemudahan hospital tetapi juga dari segi pakar-pakar geriatrik dan sebagainya.

Saya punya poin ialah tidak ada penambahan dari aspek kemudahan-kemudahan ini tetapi bilangan akan meningkat. So, saya harap kerajaan baharu iaitu Kerajaan Pakatan Harapan, *at least* bila *I* tengok dari segi aspek manifesto itu, ia telah mengamalkan satu pendekatan yang lebih positif dengan lebih proaktif setakat manifesto. Komitmen Kerajaan

Pakatan Harapan jelas kalau kita tengok dalam manifesto dia bawa, dia cakap, jasa dan pengorbanan warga emas perlu diiktiraf dan berikutan dengan ini iltizam khas untuk warga emas telah menggariskan beberapa langkah. So, saya harap Kerajaan Pakatan Harapan...
[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat akan berbahas tentang gaji minimum pun.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Saya harap janji-janji atau komitmen kerajaan Pakatan Harapan bukan setakat manifesto sahaja dan saya harap kerajaan akan mengambil tindakan untuk menunaikan segala janji yang terkandung dalam manifesto ini. Berkenaan dengan warga emas ini, secara kadar segera untuk memastikan dasar warga emas itu dengan pelan tindakan warga emas itu bukan satu janji kosong seperti sebelum ini, *whatever the reason is*. Sebelum saya menyentuh isu *minimum wages*...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Ya.

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya mohon mencekah Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya melihat satu wawancara antara AG Tommy Thomas ini. Dia ada sebut bahawa manifesto ini bukan satu *binding* tetapi sebagai perjanjian kepada rakyat harus di- ini. Kalau tidak jawab di akhiratlah. Akan tetapi, yang menjadi tanda tanya saya, apakah benar apa yang saya lihat itu bukan *fake news* ya. Memang betul, ini bukan satu benda yang boleh di-*binding* sebab ini janji politik ataupun janji kepada rakyat yang mesti ditunaikan dan kalau ikut politik, tidak payah.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Dato' Sri. Saya kalau *you* tanya dengan saya manifesto. Saya terima pandangan dia *that a manifesto is not a legally binding document*. Dia bukan *legally binding document* macam *a statute* yang telah digubal atau *passed* oleh Parlimen macam *Federal Constitution* dan sebagainya. Dia hanya satu *political document*. Akan tetapi, *any political party* dalam bahas Inggeris, kalau *any political party is- words is soul, it will be measured by its manifesto. Measured by its commitment*. Dari aspek itu, saya pun tengok video itu tetapi sekejap sahaja. I ingat dia punya isu *was not so much* fasal manifesto tetapi aspek 100 hari. Satu.

Government ini akan di-*judge* lepas lima tahun ke empat tahun *or whatever*. *I* pun tidak tahu kenapa *100 days*. Akan tetapi, *end of the day* pada saya, sebagai Ahli Pakatan Harapan, *I will hold the government responsible* terhadap segala komitmen yang terkandung dalam manifesto- *because that is your commitment*. Kalau *you fail*; *because end of the day*, suka tidak suka, selepas empat tahun kita kena bagi *report card* kepada orang. Mungkin sekarang lepas 100 hari kita banyak *attempt* dalam 100 hari itu mungkin kita tidak dapat capai *some of it*. Bukan semua.

Mungkin orang akan terima. Rakyat akan terima. *Learning curve* lah, kerajaan baharulah, tidak cukup duit; *whatever the reason*. Akan tetapi, lima tahun dari sekarang kita tidak boleh cakap *no more money* tahu. Lima tahun dari sekarang, orang akan *judge us by our report card*. Itu yang penting kepada saya.

Apa yang saya hairan fasal manifesto ini. Saya mula-mula jadi Setiausaha Politik pada tahun 1978. *I think I have seen nine to tenth elections*. Tidak pernah dalam sejarah saya tengok satu manifesto dapat tumpuan macam ini. Tidak pernah. Tidak pernah. *We have never focus on manifesto*. Jangan cakap fasal ini. Orang tidak baca pun manifesto. *You* pergi tanya Ahli Parlimen yang bertanding pun *you* tanya apa dia manifesto, apa yang terkandung dalam manifesto pun dia tidak tahu. Akan tetapi, kali ini saya tidak faham kenapa manifesto ini sudah menjadi satu isu yang begitu hangat. Akan tetapi, bagi saya bagus. Pada saya *its good*. *That means* lepas ini sesiapa, mana-mana parti atau mana-mana kerajaan, *you must be held accountable* kepada apa yang *you* cakap dalam *a manifesto*.

Dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua. *Personally*, saya walaupun ada yang kita janji masih belum dicapai tetapi dari aspek *progress* yang dilakukan oleh kerajaan Pakatan Harapan; *I'm very positive*. *I* tengok dari permulaannyalah. *I* cuma *hope* dalam bahasa Inggeris *you* cakap *it's not a false start* lah. *So*, *I* rasa biarkan. Biarkan. Mungkin ada sikit yang kita perlu *adjust as we go along* tetapi *I hope adjustment* itu bukan sampai setakat *changing the whole goal post* itu tidak boleh. *So*, sikit-sikit itu mungkin dari segi *timeline* dan sebagainya, kita tidak boleh. Akan tetapi, dari segi aspek asas itu. Bila saya sebut asas, fokus saya ialah satu kos sara hidup. Satu.

Kedua, peluang kewujudan pekerjaan.

Ketiga, isu ketuluan, ketirisan dan sebagainya. Akan tetapi, lagi satu penting kepada saya ialah isu perpaduan negara.

Pada saya itu paling penting dari semua ini. Fasal itu yang boleh *tear* kita punya fabrik. Itu fasal Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok isu perpaduan negara juga telah dipentingkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda. Di mana dia cakap kita perlu mementingkan atau- Yang di-Pertuan Agong telah mementingkan keperluan untuk

mewujudkan satu perpaduan yang tulen dan murni. Pada saya ini adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia. Semua parti, semua rakyat untuk kita mempromosikan dan mengekalkan perpaduan negara demi kesejahteraan kita semua ini.

Dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat menghargai jaminan yang diberi di Dewan ini pada 20 Ogos semasa saya tanya satu soalan atau satu jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di mana dia cakap; jawapan dia, adalah tanggungjawab dan kewajipan sebuah kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyat dan bahawa kerajaan sekarang seperti juga kerajaan sebelum ini akan mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk memupuk perpaduan dan keharmonian antara rakyat dengan pelbagai inisiatif. Walaupun masa itu dia sebut kaji semula rangka pelan tindakan perpaduan negara, memberi nafas baru kepada NUCC, menggubal undang-undang.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, yang penting kenapa saya cakap perpaduan negara ini penting, masyarakat Malaysia seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri tadi pun kita terdiri dari kepelbagaian kaum, agama, bangsa, budaya dan sebagainya.

■1610

Akan tetapi pada saya, *personal stand* dan saya rasa *stand* ini juga akan diterima oleh ramai saudara saya di sini, kepelbagaian kaum kita, pada saya, bukannya satu rintangan tetapi sebaliknya satu kekuatan. *Unity in diversity, it can be a strength*. Kecuali kita semua kena main peranan yang betul.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat Senator, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Saya melihat ini, yang pertama ini, Yang Berhormat Senator, yang menjadi masalah ialah kadang-kadang di kalangan rakyat kita mempertikaikan bangsa kita, saya akan tanya-saling kutuk mengutuk bangsa. Itu selalunya buat menjadi masalah. Umpamanya, kita tahu orang India itu berasal daripada India, orang Cina berasal daripada China, asal dulu. Mungkin tahun 1800, tahun 1700 dahulu sudah ada perubahan-perubahan ini.

Akan tetapi kalau kita kata macam baru-baru ini kita dengar dipertikaikan orang Melayu pula. Orang Melayu kalau kita hendak orang Melayu yang sebenar-benar Melayu asli, dalam hutan itulah, Orang Asli yang diwakili oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa sekarang. Akan tetapi mereka pun telah keluar dan tinggal dalam bandar. Orang Melayu dahulu pindah randah ini kerana Nusantara, Kepulauan Melayu.

Jadi, tidak harus dipertikaikan orang Melayu, misalnya dahulu kenapa orang Melayu ramai di Tanah Melayu ini. Sebab, mereka berpindah daripada Jawa dan sebagainya. Itu yang

kita ada orang Jawa, orang Aceh. Macam saya, keturunan Aceh tetapi kita masuk ke tanah air ini sebelum kemerdekaan lagi.

Nenek moyang kita, bapa kita datang ke sini, pindah ke sini, tinggi di sini, ikut adat resam. Itu Melayu. Hendak sebut Melayu mestilah Melayu beragama Islam dengan budaya dia sebagai orang Melayu dan sebagainya. Akan tetapi mereka ini tidak bolehlah kita tanya dia Melayu daripada mana. Bila kita asyik pertikai bangsa ini, itu yang menjadi masalah di antara kaum, ada selisih faham.

Jadi saya rasa, Yang Berhormat, sampai saya pernah sebut dalam Dewan yang mulia ini, ini Tanah Melayu. Dahulu asalnya Persekutuan Tanah Melayu tetapi bila gabungkan dengan Sabah dan Sarawak serta suatu ketika dahulu dengan Singapura juga, kita kata ini Semenanjung. Kenapa kita keluarkan perkataan 'Tanah Melayu' itu ke 'Semenanjung'? Kalau kita boleh kekalkan Tanah Melayu campur Sabah, campur Sarawak jadilah Malaysia, apa salahnya? Jadi kita kekalkan yang itu. Jadi sebutan itu menunjukkan ini Tanah Melayu. Orang Melayu berpindah randah itu biasa kerana ini Kepulauan Melayu suatu ketika dahulu. Ini dari segi sudut sejarah.

Selepas kita menerima orang India, orang Cina menjadi rakyat Malaysia, maka kita terima semua sebagai rakyat Malaysia. Waktu saya bersekolah tiada masalah. Saya bersekolah- ataupun rumah saya, jiran saya India, Cina dan kita bersekolah di satu sekolah, *missionary school* masa itu, tiada masalah. Kenapa sekarang pula kita hendak pertikai ini, pertikai itu? Itu yang membuat jadi bunyi rasis dan sebagainya. Orang Melayu kalau cakap berkenaan orang Melayu, oh rasis. Orang Cina kalau bercakap berkenaan orang Cina, oh rasis. Kita sepatutnya jangan ungkit perkara-perkara ini. Maka, aman damai, harmonilah kita, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua.

Betul kalau apa yang disebut Yang Berhormat Senator tadi, *you hit the nail on the head*. Kenapa selepas 61 tahun? Sebelum ini tiada, tahu? Kenapa selepas 61 tahun, *when we should be more united*, kita sekarang *pulling in many direction? Actually*, isu yang sama ini juga telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri semalam dalam isu *social contract*. Pada 30 tahun dahulu, 40 tahun dahulu, *we never had this kind of problem*. Akan tetapi pada saya, yes, banyak sebab sebenarnya kalau kita hendak kaji semula. Kalau *you* hendak kaji, *if you read*, banyak *papers* yang dikeluarkan oleh banyak *universities*. Ada Institut Kajian Etnik dan sebagainya.

Kalau *you* tengok pada- *I might get the date slightly wrong*. Selepas tahun 90-an, kita nampak satu peningkatan dalam *racial polarization*. Pada saya, *racial polarization* inilah akan

menyebabkan ketegangan sosial. Akan tetapi isunya, kenapa berlaku *racial polarization*? Banyak sebab. Kita boleh cakap banyak sebab seperti *high education policies and all that*. Ini tidak cukup masa untuk saya *argue* tetapi saya cuma hendak *underline* satu faktor yang saya rasa akan jadi penting. Saya rasa dah sampai masa untuk kita *move away* daripada *race-based policies* kepada *need-based policies*.

Saya tidak- isu *affirmative action*, Dasar Ekonomi Baru *and all that*. Memang semua kerajaan, bukan sahaja Malaysia dengan Dasar Ekonomi Baru tetapi Amerika juga ada *affirmative action program*. Banyak negeri pada mulanya dia akan buat *affirmative action program* untuk membantu satu golongan yang *backward*, sama ada *backward of financially* mahupun *educationally*. Contohnya, *affirmative of what we called, AA policy* di Amerika dahulu membantu golongan tidak boleh pakai, *Blacks* atau *Negro* dengan *Hispanic*. Begitu juga di India, program-program untuk membantu *Scheduled Castes* dan sebagainya. Begitu juga Dasar Ekonomi Baru.

Akan tetapi pada saya, kita kena kaji kenapa Dasar Ekonomi Baru, pertama pada saya, pendirian saya ialah Dasar Ekonomi Baru telah gagal untuk mencapai matlamatnya. Mungkin akan ada orang yang tidak akan setuju dengan saya, *that is another forum* tetapi kalau betul apa yang saya cakap itu Dasar Ekonomi Baru ini telah gagal, *then* kita kena kaji kenapa Dasar Ekonomi Baru gagal. *I think* tiada orang yang menyoal objektif dasar itu. Yang menjadi isu ialah cara dasar itu dilaksanakan. Itu yang saya cakap. Bukan cakap *all the Malay in this countries are rich*. Ada banyak sangat *Malays who are poor* dan bukan cakap semua *Indian are poor*. *Ananda Krishnan is Indian and he is rich*. So pada saya, *you* tidak boleh *classify poverty on an aspect of race*. Pada saya, kita kena tukar daripada *race-based policies* kepada *need-based policies*.

Akan tetapi, ini *paradigm shift*. Kalau *you* hendak buat *paradigm shift*, ini bukan senang. Dia perlu *clear thinking* oleh semua pihak dan saya rasa rakyat Malaysia sudah capai itu. Mungkin satu masa dahulu, 20 tahun dahulu, kalau *you* cakap "*Eh! Tidak boleh*", mungkin sahabat saya dari keturunan Melayu, mungkin dia tidak boleh terima. Akan tetapi sekarang kalau kita tengok dari segi kematangan rakyat, jelas kalau kita tengok pada 9 hari bulan hari itu, peralihan kuasa dari satu kerajaan yang telah memerintah selama 61 tahun pergi kepada satu kerajaan baharu. Peralihan kuasa dilakukan secara aman dan damai, ini menunjukkan kematangan. *I think we are underestimating our people*. *I think* rakyat kita sudah capai *maturity*.

Dari segi *discourse* itu mungkin kita perlu kaji cara apa kita hendak adakan *discourse* itu. Itu sebab kalau saya tengok harapan rakyat pada 9 hari bulan, pada saya, apa yang berlaku iaitu peralihan kuasa yang berlaku pada 9 Mei itu tidak akan membawa apa makna

pun kepada rakyat kalau tidak disusuli dengan *reform*. Yang Berhormat Senator Dato' Sri pun kalau *you* dah tengok video yang *you* cakap itu, bila kita cakap buat *reform*, Timbalan Menteri dalam bidang undang-undang ada di sini, kita bukan sahaja cakap *reform* dari segi satu aspek kerajaan, daripada segi *legislative reform*.

Kita sudah tengok Kerajaan Pakatan Harapan telah memulakan begitu banyak *legislative reform* seperti memansuhkan beberapa akta dan mungkin akan menggubal sebab semalam kita telah mendengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin kita akan menggubal lagi banyak undang-undang. Akan tetapi apa yang kita perlukan, bukan sahaja *legislative reform* tetapi kita juga perlukan *executive reform*. Seperti juga kita perlu *judicial reform*.

Executive reform ini yang penting. Yang Berhormat Senator telah sebut banyak fasal *civil service*. Bukan *easy*. Tadi saya dengar saranan Yang Berhormat Senator Dato' Sri *said, the people should support government of the day*.

■1620

Akan tetapi konsep '*government of the day*' pun banyak susah untuk orang faham. Selama 61 tahun ini, *you have only been exposed to satu government*. Susah untuk *you accept how to work on the government of the day*. Akan tetapi, *given time*, saya rasa kita akan capainya.

Saya cuma ada satu yang saya hendak cakap fasal isu martabatkan Dewan Negara. Satu yang saya tengok, saya sebenarnya amat bergembira saya jadi Ahli Dewan Negara. Ini kerana kalau *I* tengok ini ahli-ahli saya, rakan-rakan saya di sini semua Ahli Yang Berhormat di sini lebih matang kalau *you* tanya dengan saya berbanding dengan Yang Berhormat dari Dewan Rakyat.

Ini kerana pagi tadi, *I* lupa nama Yang Berhormat yang duduk sebelah dengan Tan Sri- isu ajak tumbuk-menumbuk dan sebagainya. Akan tetapi kalau *you* tengok, saya berasa bangga kita di Dewan Negara ini tidak menggunakan kata-kata kesat dan lucah, bukan seperti di Dewan Rakyat dan dari aspek itu *I think we have to congratulate ourselves*. Kita ini *better behave... [Tepuk]* Itu satu.

Di sini macam Yang Berhormat Senator Datuk Sri cakap memang ada masa kita tidak akan setuju. Akan tetapi apa yang- *I think* kita punya kualiti ialah kita *we agree to disagree without being disagreeable*. Bila *I* tidak *disagree with you*, pada saya *that is your view, this is my view*. Akan tetapi *I* tidak pernah ajak Yang Berhormat Senator tumbuk di luar. Lebih-lebih ajak minum ada lah. *So to me, I think that is very important*. *I* tengok, ini menunjukkan kematangan. Pada saya kenapa- *I have hope in Malaysia. I really have hope in Malaysia. I believe in the integrity dengan maturity* rakyat Malaysia. Kalau ini boleh berlaku dalam Dewan

Negara, ia boleh berlaku di mana-mana pun. *It is because we just a spark of the ordinary people.*

Akan tetapi saya bukan cakap *it is going to be easy. We will quarrel*, kita akan *quarrel over a small issue*. Semalam pun *I* tengok satu video, *I* tidak tahu siapa budak itu, *I just ignore*, dia cakap semua Cina ini komunis. *I just ignore*. Ini akan berlaku *and* akan terus berlaku, 10 tahun dari sekarang pun akan berlaku. Akan tetapi pada kita, *we have to rise above all this. We have to remember-* kita kena akui. *I remember di Mississippi Declaration* di mana dia cakap, *“Poverty anywhere is a threat to prosperity everywhere.” So to me, if my Malay brother or if my Chinese brother is poor, it is going to be a threat to everybody prosperity.*

So Tan Sri, *I* kata *I am not saying I will agree with you* seperti Voltaire pernah cakap *“I may be disagree with what you say but I will defend your deck to deck your right to say.”* Itu hak *you*. *But let us leave peacefully as one nation*, dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

4.24 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat petang. Terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Penggal Pertama, Parlimen Ke-14 tempoh hari.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang telah berjaya memenangi Pilihanraya Umum Keempat Belas dan seterusnya menubuhkan kerajaan yang baharu. Saya yakin dengan pengalaman dan kebijaksanaan para anggota pentadbiran yang telah dipilih dan dilantik, rakyat akan dapat menikmati kemajuan yang lebih baik yang diimpikan selama ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan membangkitkan beberapa isu yang melibatkan fungsi beberapa kementerian untuk memudahkan perbahasan pada petang ini. Jadi saya akan menyentuh Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Untuk Kementerian Dalam Negeri, saya ingin mengulangi isu yang pernah saya bangkitkan di ses-sesi yang lepas. Ini isu lama. Saya harap dengan adanya Menteri baharu

dan Timbalan Menteri baharu, isu ini dapat diselesaikan. Saya mengambil pendekatan untuk bukan sahaja membangkitkan di sini tetapi pendekatan menulis dahulu kepada Menteri dan Timbalan Menteri berkenaan tentang isu yang saya hendak bangkitkan.

Jadi saya rasa isu ini tidak janggal walaupun Menteri baharu, pegawai lama, mereka telah memberi taklimat kepada Menteri dan Timbalan Menteri baharu. Jadi perkara pertama yang saya hendak sebut sini ialah apa yang saya telah tuliskan kepada Menteri tersebut, setakat ini belum dapat apa-apa respons. Saya harap mungkin satu hari nanti saya akan dapat.

Perkara yang saya bangkitkan di sini dan juga dalam surat tersebut ialah tentang kewarganegaraan masyarakat Siam yang lahir di Malaysia. Mereka bukan pendatang, ini isu lama tetapi saya terpaksa bangkitkan sehingga selesai. Atas kesilapan dokumen masa itu, mereka tidak bersekolah, mak bapak tidak bersekolah dan sebagainya. Ada yang telah ketinggalan dalam proses menjadi warganegara pada masa tersebut. Jadi ada kes-kes di mana abangnya bertaraf pemastautin tetap, adik beradiknya semua warganegara.

Jadi sampai sekarang umur sudah lebih tua daripada saya, 60 tahun lebih masih lagi memegang IC merah. Itu yang menjadi- jadi setiap kali kita berjumpa, soalan diajukan kepada saya, diajukan kepada Senator-senator yang lepas, kami pun jadi bingung. Macam mana hendak buat? Disebut kepada beberapa Menteri, disebut di beberapa sesi Parlimen tetapi masih lagi belum selesai.

Jadi, saya faham bahawa setiap kali Menteri atau Timbalan Menteri menjawab, jawapannya ialah kewarganegaraan adalah satu anugerah terbesar yang diberikan oleh negara kepada seseorang. Jadi tidak boleh diberi sewenang-wenangnya. Saya faham, betul itu. Akan tetapi tentunya ada syarat. Sekiranya syarat itu dipenuhi, wajar permohonan mereka itu dipertimbangkan.

Ada juga kes-kes di mana contohnya, satu keperluan ialah untuk fasih berbahasa Melayu. Jadi mungkin ini atas pertimbangan pegawai yang akan membuat temu duga dengan orang berkenaan. Jadi kalau itu boleh diberi sedikit kelonggaran, mungkin memudahkan proses *interview* tersebut. Ini kerana saya faham dan juga saya akui bahawa makcik-makcik yang umur 70 tahun duduk di kampung kerjanya menoreh, tanam padi dan sebagainya, duduk dalam masyarakat Siam sepenuhnya ataupun masyarakat lain dalam kumpulan mereka sendiri.

Jadi penggunaan Bahasa Melayu itu jarang-jarang sekali. Jadi kalau pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri, kelulusan *Masters* dalam satu bidang, pergi bertanya tahap pemikiran mungkin berbeza. Jadi soalan itu mungkin soalan mudah tetapi makcik itu akan

menjawab cara mudah tetapi *expectation*, dengan izin, pengharapan adalah berbeza. Jadi mungkin jadi gagal. Itu yang perlu kita tengok kan.

Oleh sebab itu saya selalu tegaskan bahawa sebagai pegawai, gunakanlah budi bicara. Oleh sebab itu kita ambil pegawai itu daripada kelulusan universiti dan sebagainya supaya mereka boleh menggunakan budi bicara dalam menimbang, dalam melihat sesuatu isu di hadapan mereka.

Pada 13 Ogos yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa semua pemastautin tetap yang berumur lebih 60 tahun akan diberi taraf kewarganegaraan. Satu berita gembira tetapi *detail*-nya kalau bahasa Inggerisnya *the devil's in the detail*.

■1630

Jadi *detail* nya kita tidak tahu. Saya harap Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir juga merujuk perkara ini kepada masyarakat Siam bukan sahaja kepada masyarakat India yang dinyatakan dalam cadangan tersebut. Dengan itu, saya harapkan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir fahami perkara ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun juga yang melantik Senator Siam yang pertama pada tahun 1996.

Jadi saya harap sehingga saya Senator yang keempat ini sebelum habis tempoh saya, isu ini selesailah. Tak payah tunggu sampai Senator kelima, keenamlah kalau tidak ia menjadi satu yang agak memalukan. Tak kiralah kerajaan baharu, kerajaan lama tetapi memalukan kepada Kerajaan Malaysia. Isu yang orang kata tidaklah sehebat mana tetapi benda itu dipanjangkan tanpa penyelesaian.

Jadi dalam kenyataan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir juga pada 13 Ogos tersebut tidak menyatakan tempoh bila benda ini akan dilaksanakan. Jadi persoalannya ialah berapa lama kah tempoh yang akan digunakan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menyelesaikan isu ini? Isu untuk memberikan warganegara kepada mereka yang layak. Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah tentang penggunaan istilah "Siam", dan "Thai". Ini satu lagi isu lama yang menjadi duri yang selalu mencucuk-cucuk kami.

Untuk Yang Berhormat Senator yang tidak arif tentang penggunaan istilah ini saya ingin nyatakan bahawa dasar Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Pendaftaran Negara memberikan istilah "Siam" itu untuk orang-orang Siam yang lahir di Malaysia, dan menetap di Malaysia.

Istilah "Thai", keturunan Thai ataupun tadi keturunan Siam, keturunan Thai kepada mereka yang berhijrah dari Thailand, memohon kewarganegaraan Malaysia dan mendapat warganegara Malaysia. Mereka diistilahkan sebagai "Thai".

Akan tetapi komplikasi berlaku apabila sebelum ini istilah “Thai” itu diberikan kepada orang Siam. Apabila istilah tersebut dikongsi dengan orang daripada Thailand itu menjadi masalah. Jadi dalam sistem kerajaan dan sebagainya, apabila masa itu diberikan keistimewaan kepada orang Siam tetapi dalam Sijil Lahir dan juga Kad Pengenalan *database* dalam JPN, orang-orang Siam ini masih ditulis “Thai”. Jadi berlaku komplikasi.

Jadi benda itu semua berlaku perlakuan, tindakan tersebut diambil oleh JPN bukannya individu. Macam saya, saya ini Siam, anak saya direkodkan sebagai “Thai”. Jadi itu semua rekod dibuat oleh JPN, JPN sepatutnya ada data. Tak perlulah menyusahkan orang ramai untuk pergi memohon untuk bertukar untuk angkat sumpah dan sebagainya. Betul dalam syarat JPN mesti angkat sumpah dan sebagainya. Akan tetapi saya percaya dalam *database* JPN ada direkodkan mana asalnya orang itu? Datanya ada, asalnya. Katakan orang itu asalnya Siam ditukar kepada Thai kerana perubahan dasar dan sebagainya, sepatutnya boleh ditukar balik kepada Siam tanpa perlu menyusahkan.

Saya selalu mendapat komplain dan juga pelbagai kata-kata kesat yang tak senang didengar untuk ditujukan kepada jabatan kerajaan kerana saya juga dulu bekas pegawai kerajaan. Jadi tak seronok diajukan kepada pegawai, macam pegawai tak pandai buat kerja dan sebagainya.

Jadi sepatutnya JPN mengambil inisiatif untuk melakukan sesuatu dalam lingkungan peraturan yang ada. Bukan saya suruh melanggar peraturan tidak, tetapi dalam lingkungan peraturan yang ada buat sesuatu yang boleh memudahkan semua pihak. Itu yang sangat-sangat diperlukan daripada JPN. Jadi saya haraplah JPN melakukan sesuatu kerana persoalan yang timbul ialah mengapa JPN tidak boleh meminda *database* tersebut tanpa menyusahkan orang ramai? Okey.

Perkara ketiga ialah tentang Kad Pengenalan diri remaja yang berstatus bukan warganegara. Kalau kita lihat semua masyarakat India pun ada, mereka yang datang lahir di sini pun ada, mereka yang berkahwin dengan orang luar negara dan dapat anak tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan mereka, anak mereka akan berstatus bukan warganegara. Kita dapati ramai di Kelantan mereka yang kahwin di Thailand, ada yang kalau yang Siam itu dia memilih untuk tidak daftar, yang Melayu pula dia takut isteri yang tua, tak daftar perkahwinan dengan isteri muda. Jadi anak tersebut mengikut peraturan JPN mengatakan bahawa ini bukan warganegara.

Ini kerana ikut peraturan Malaysia, warganegara seseorang anak itu ialah mengikut ibu. Sekiranya tidak daftar perkahwinan dia akan jadi bukan warganegara. Jadi isu ini ialah isu yang dihadapi oleh masyarakat Siam, okey. Itu memang nyata, kita tak boleh persoalkan. Apa yang saya hendak persoalkan hendak bangkit di sini adalah dari segi kad pengenalan

diri. Mereka yang- anak-anak ini telah dilahirkan telah bersekolah dan sebagainya sampai umur 12 tahun mereka boleh pakai lagi Sijil Lahir untuk tunjukkan bukti bahawa inilah pengenalan diri. Akan tetapi apabila melepasi umur remaja mereka perlukan satu dokumen pengenalan. Apa yang mereka ada? Mereka tidak ada apa. Mereka tidak dapat taraf pemastautin tetap, mereka tidak dapat warganegara, mereka cuma ada Sijil Lahir.

Jadi kalau hendak beli tiket kapal terbang, hendak naik bas, ditahan oleh polis tepi jalan dan sebagainya mereka tidak ada dokumen pengenalan diri. Jadi, saya haraplah pihak Kementerian Dalam Negeri ataupun JPN tolonglah wujudkan sesuatu kalau yang sistem yang sedia ada tidak ada membolehkan. Contohnya Kad Pengenalan pemastautin sementara tidak boleh digunakan untuk mereka ini, carilah sesuatu kaedah untuk membolehkan mereka tunjukkan ini saya, ini orang nama ABC, duduk di sini dan sebagainya. Itu yang diperlukan kerana ini akan menyekat pergerakan mereka. Kalau umur 17, 18 tahun itu hendak ke bandar pun takut ditahan polis kerana mereka tiada dokumen. Apatah lagi sekarang ini hendak beli bas ekspres kalau dari Kota Bharu datang ke Kuala Lumpur pun syarikat bas minta Kad Pengenalan.

Naik kapal terbang usah kiralah *first thing* hendak beli tiket pun sudah tak dapat. Jadi carilah sesuatu untuk membolehkan mereka bergerak ataupun untuk mencari pekerjaan dan sebagainya kerana tanpa itu kita lagi menyekat pergerakan mereka dan mereka ini ialah orang-orang yang duduk dalam Malaysia. Kalau kita tak memberikan kemudahan dan sebagainya mereka tak akan ke mana. Kalau katakan benda busuk dalam rumah kita, kalau kita tak selesaikan masalah busuk, dia tetap busuk walaupun duduk di bucu rumah. Saya tak pernah pergi bucu itu, tetapi *still* tetap rumah kita, tetap busuk. Tolonglah kita selesaikan, hilangkanlah bau itu, kita buatlah macam mana.

Itu yang kita perlu fikirkan. Kalau kita setakat hendak ikut peraturan memang mudah, memang mudah. Akan tetapi tidak menyelesaikan masalah, kita di sini kita cuba cari jalan macam mana hendak selesaikan masalah, benda itu takkan lari. Hari ini saya jadi Senator, esok saya tak jadi Senator, kalau kita tak selesaikan isu ini akan ditimbulkan juga. Kalau tak ada orang timbul pun dia akan duduk di situ sampai bila-bila. Itu masalahnya. Jadi saya haraplah perkara ini dapat diambil perhatian oleh kementerian dan diambil tindakan sewajarnya.

Perkara keempat Kementerian Dalam Negeri ialah tentang permohonan cadangan saya ialah untuk Kementerian Dalam Negeri mengiktiraf *The Malaysian Siamese Buddhist Monk Organization* sebagai badan yang boleh menyokong permohonan pas lawatan ikhtisas oleh para Sami yang kita bawa dari Thailand untuk membantu mengajar bahasa Thai kepada masyarakat Siam. Jadi saya telah memohon, saya tak perlu bercerita panjang, saya rasa KDN

pun tahu apa maksud saya itu. Sudah setahun lebih saya mohon tetapi belum ada keputusan, belum ada respons daripada kementerian.

■1640

Saya harap benda ini dapat disegerakan, kerana lazimnya kalau prosedur kerajaan sepatutnya ada lah maklum balas daripada kementerian apabila permohonan dikemukakan oleh orang awam. Jadi, setakat ini sudah setahun saya belum dapat terima apa-apa maklum balas. Saya harap kementerian dapat tengok balik fail itu dan buatlah sesuatu yang sesuai.

Kementerian yang kedua, saya hendak sentuh Kementerian Pendidikan. Pertama sekali ialah, tentang peluang pelajar-pelajar Siam mengikuti program asasi di lapan universiti awam yang menawarkan program asasi. Jadi sebelum ini ada lima universiti awam yang masih belum membenarkan. Jadi tempoh hari saya telah bincang dengan Kementerian Pendidikan Tinggi semasa itu dan pihak kementerian telah bersetuju untuk membolehkan pelajar-pelajar Siam ini memohon program-program asasi di lapan universiti awam.

Jadi terima kasih juga direkodkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi ketika itu. Akan tetapi apabila berlaku pertukaran Menteri dan juga pertukaran nama kementerian timbul persoalan daripada saya sama ada adakah dasar ini masih diteruskan dan adakah pelajar-pelajar Siam masih dibenarkan untuk memohon program-program asasi di lapan universiti awam iaitu UPM, UKM, UPM, UM, UiTM, UIAM, USIM dan juga UNIMAS? Ini kerana pada masa itu telah dipersetujui termasuk dengan UiTM sekali lah.

Perkara kedua tentang Kementerian Pendidikan ialah tentang penggunaan istilah juga tadi kerana dalam borang UPU, sebelum saya bangkitkan tempoh hari tidak ada keturunan yang Siam. Jadi apabila kita memohon, pelajar Siam memohon tidak ada yang hendak letak, apa keturunan yang hendak diletakkan.

Jadi setelah berbincang dengan bahagian pengurusan kemasukan pelajar atau UPU kementerian semasa itu telah bersetuju untuk menggunakan butiran sebagai mana yang digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara untuk wujudkan istilah "Siam", dalam medan "Keturunan", dalam Sistem Permohonan UPU. Jadi persoalan saya juga ialah sama ada dasar tersebut masih lagi berkuat kuasa ataupun berubah apabila berubah Menteri dan juga kementerian.

Perkara ketiga tentang pembelajaran bahasa ibunda oleh murid-murid berketurunan Siam. Jadi saya menyambut baik saranan Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya murid-murid menguasai lebih bahasa termasuk bahasa ibunda masing-masing. Cuma sekarang ini bahasa ibunda Siam tidak diajar di sekolah biasa tetapi kami menyediakan pembelajaran secara tidak formal di tempat masing-masing yang dilakukan di 65 wat di seluruh negara.

Jadi dalam jawapan kepada pertanyaan saya pada 20 Ogos, kementerian telah menyatakan bahawa peruntukan tidak dapat disediakan. Peruntukan dalam bentuk bantuan per kapita tidak dapat disediakan untuk kelas-kelas ini kerana bahasa ibunda masyarakat Siam bukan mata pelajaran dalam kurikulum kawasan. Itu memang benar, kerana memanglah bahasa Siam bukan dalam kurikulum bahasa kebangsaan. Cuma saya ingin melontarkan perkara ini kepada kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri agar menimbang dan melihat benda ini dari sudut yang berbeza untuk membantu kelas-kelas ini untuk membolehkan pelajar-pelajar belajar bahasa ibunda mereka.

Oleh sebab kita ada 65 buah tempat yang menjalankan kelas-kelas ini, saya menjangkakan kita memerlukan lebih kurang RM20,000 satu tempat, satu tahun. Jadi, saya harap, saya mohonlah kepada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri agar menimbang untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM1.3 juta setahun untuk 65 buah sekolah ataupun kelas yang disediakan. Ini kerana akan memberikan kemudahan kepada kira-kira 4,600 orang murid. Kalau kita congak-congak, kadarnya lebih kurang RM282 satu orang satu tahun.

Jadi sekali lagi saya merayu lah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, anak-anak orang Siam di seluruh negara termasuk di Kubang Chenok menunggu dengan harapan bahawa kerajaan akan menyediakan peruntukan ini supaya mereka boleh menyambung kelas-kelas yang sedia ada. Ini kerana selama ini ada peruntukan daripada kerajaan tetapi saya khuatir apabila berlaku perubahan ini peruntukan tersebut tidak dapat disambung. Sebab itu lah saya bangkitkan di sini.

Perkara keempat tentang Kementerian Pendidikan ialah- ini tadi dan juga pagi tadi disebut tentang isu guru *stress*, guru duka lara dan sebagainya. Saya tidak membangkit itulah, sebab benda sudah disebutkan. Akan tetapi, saya hendak menyebut sini tentang kemudahan kepada guru. Kemudahan di bilik-bilik guru, kita dapati ada kerusi lama, meja lama. Ada sesetengah guru terpaksa membeli kerusi sendiri kerana kerusi yang ada itu tidak selesa, bilik yang tiada *aircond* dan sebagainya.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baru bolehlah melihat perkara ini. Kalau hendak buat kajian tidak susah hendak buat kajian, hendak tengok kebajikan guru-guru di sekolah itu, apa mereka ada, apa mereka perlu ada. Ini kerana ada sesetengah tempat, sesetengah sekolah kemudahannya cukup canggih, guru yang pindah daripada sekolah 'A' ke sekolah 'B' akan menceritakan kepada rakan lama mereka melalui *group WhatsApp*, seronoknya sekolah baru ini, *aircond* pun ada, kerusi baru dan sebagainya. Jadi sedihlah cikgu-cikgu yang sekolah lama tersebut kerana tidak ada kemudahan.

Jadi penyediaan kemudahan yang tidak sama rata ini juga menimbulkan rasa tidak puas hati, rasa stres di kalangan guru. Saya harap Kementerian dapat melihat perkara ini. Satu perkara lagi tentang guru pembantu yang dijanjikan sejak sekian lama, saya harap benda ini dijadikan realiti lah. Kalau tidak nanti orang kata datang tiga empat Menteri pun *dok* cakap kosong saja, tak pernah jadi-jadi. Bilangan guru ramai. Mereka ada suara, beratus ribu bilangan mereka. Jadi mereka juga penentu dalam apa jua pembentukan kerajaan dan sebagainya. Saya harap perhatian diberikan kepada mereka.

Ketiga ialah Kementerian Sumber Manusia. Sejurus sebelum PRU Ke-14- kita, sebab saya ada libat juga tentang perkara ini dikejutkan dengan pemberhentian pembiayaan daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Jadi apabila diberhentikan, pelajar-pelajar atau pelatih yang sampai ke tahap SKM II saja yang dibenarkan. Jadi selepas itu mereka terpaksa keluar. Jadi saya dimaklumkan oleh beberapa orang pelajar, mereka terpaksa berhenti kerana tidak ada sumber pembiayaan.

Kita tahu bahawa bagi pelajar-pelajar yang kurang cenderung ke arah akademik, inilah peluang terbaik untuk mereka mendapat pekerjaan. Jadi apabila kerajaan memberhentikan pembiayaan ini, ramai yang terpaksa berhenti dan di SKM II agak sukar untuk mereka mendapat pekerjaan. Kalau boleh, sampai SKM III barulah mereka lebih selesa.

Jadi saya mencadangkan supaya keputusan untuk memberhentikan pembiayaan ini ditarik balik, mereka yang pernah diberhentikan dahulu kerana tidak ada pembiayaan diberikan peluang untuk menyambung. Jika tidak, mereka akan “tergantung” kerana SKM II itu masih lagi belum layak untuk mereka jadi mekanik yang baik. Jadi pembantu mekanik boleh, akan tetapi itu bukan cara yang terbaik. Kita perlukan orang yang terlatih untuk pelbagai industri contohnya automobil dan sebagainya. Ini kerana SKM di bawah tabung ini, mereka membiayai kira-kira 1000 lebih kursus di 600 lebih pusat latihan.

■1650

Jadi, itu peluang yang bagus untuk belia-belia mendapatkan latihan kemahiran untuk mendapat pekerjaan sebagainya. Apabila diberhentikan, mereka akan hilang arah tuju. Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan melihat balik kaedah pembiayaan ini dan buatlah penambahbaikan yang perlu untuk memastikan bahawa hanya pusat-pusat latihan yang mencapai tahap tertentu sahaja dibenarkan beroperasi dan juga pembiayaan diberikan kepada pelajar-pelajar di situ.

Ini kerana kita tidak mahu ada sesetengah pelajar teraniaya kerana walaupun melepasi SKM Tahap2, SKM Tahap 3 dan sebagainya, mereka agak sukar untuk mendapat pekerjaan kerana reputasi pusat latihan tersebut tidak mencapai apa yang dihasratkan oleh pasaran. Jadi tolong tengoklah, yang mana yang perlu di gred semula, yang mana perlu

diberhentikan dan sebagainya, buatlah pembersihan yang sesuai supaya pelajar yang keluar itu, pelatih yang keluar itu diterima oleh pasaran.

Sekarang ini saya hendak sentuh tentang Kementerian Belia dan Sukan sebagaimana Yang Berhormat Senator tadi sebut kita telah mendapat empat emas di Sukan Asia, lapan perak dan enam gangsa. Tahniah kepada pasukan kita dan juga tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana pada usia yang secara bandingannya muda telah diberi kepercayaan untuk mengetuai sebuah kementerian. Moga suntikan darah muda beliau dapat memberi semangat dan komitmen oleh semua pihak untuk memajukan sukan negara dan tidak hanya bergantung kepada- saya panggil *save deposit* yang lama. Bermakna sukan-sukan kita ada veteran, contohnya skuasy dan sebagainya, sepatutnya kita ada orang yang akan meneruskan kejuaraan dalam bidang-bidang tersebut.

Akan tetapi saya dapati ada rungutan daripada para atlet yang perlu saya sampaikan di sini kerana nasib masa hadapan atlet yang kita perlu lihat. Apabila seorang atlet itu cedera, apakah yang akan jadi kepada mereka? Siapakah yang akan mengambil hal, mengambil tahu apabila mereka cedera dan tidak boleh lagi mewakili pasukan, kelab dan sebagainya. Jadi, soalan saya ialah apakah perlindungan yang disediakan oleh kementerian bagi mereka yang tidak bernasib baik ini iaitu orang yang telah cedera.

Kedua, tentang masa hadapan mereka apabila perkhidmatan mereka tidak diperlukan lagi. Soalan saya ialah apakah bentuk jaminan sosial yang diberikan kepada mereka yang tidak lagi dapat beraksi, terutama mereka yang hanya layak ke peringkat kelab atau persatuan sahaja.

Perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan tentang Kementerian Belia dan Sukan ialah tentang sumbangan kepada persatuan sukan kerana kita dapati rata-rata persatuan sukan sukar untuk mendapatkan pembiayaan mereka sendiri. Jadi mereka mengharapkan sumbangan daripada kerajaan. Persoalannya apakah kriteria yang digunakan oleh kementerian dalam memilih pasukan atau persatuan yang layak untuk menerima bantuan dan apakah kaedah yang digunakan untuk memantau penggunaan peruntukan ini? Apabila di audit, apakah hasil dapatan Audit tersebut?

Ini kerana kita dapati bahawa kadang-kadang apabila kita sudah terlanjur jauh, baru kita jumpa, oh! Ini ada salah guna wang dan sebagainya. Jadi saya harap ada proses *auditing* dilakukan dan supaya pasukan-pasukan yang layak untuk dibantu akan terus dibantu, yang mana perlu ditegur, teguran diberi dengan cara yang bersesuaian.

Kelima, saya hendak sebut tentang Kementerian Kesihatan. Ini tentang HIV, jadi saya tidak berhasrat untuk bertanyalah berapa ramai orang HIV. Itu tidak menjadi isu besar kepada orang yang kena HIV. Akan tetapi kepada orang yang kena HIV ini, saya kata statistik tidak

penting untuk dia tetapi bagi dia, jikalau dia kena, statistik dia itu yang penting. Dia dianggap sebagai seratus peratus kena HIV. Jadi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah apakah tindakan yang diambil oleh kementerian ke arah usaha mencapai HIV sifar.

Kita tahu bahawa kebelakangan ini isu HIV ini tidak dibincangkan dengan banyak tetapi benda itu tidak hilang. Jadi saya harap benda ini diambil tahu oleh kementerian. Soalan yang kedua saya hendak tanya ialah adakah dengan mewajibkan pemeriksaan HIV ke atas bakal pengantin dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV dalam kalangan bayi? Jadi jika jawapannya tidak, soalan saya pula, apakah langkah yang lebih berkesan jika *screening* ataupun saringan tersebut tidak berkesan, apakah langkah yang lebih baik?

Jika ya, langkah saringan tersebut berkesan, saya dapati bahawa Jabatan Agama Islam ada berkehendakkan pasangan-pasangan yang beragama Islam untuk membuat saringan. Jadi saya hendak ajukan kepada Kementerian Kesihatan, supaya saringan yang sama dilakukan kepada mereka, rakyat Malaysia yang lain, yang bakal berkahwin. Jadi ini akan mengurangkan risiko HIV di kalangan bayi dan juga pasangan-pasangan yang berkahwin.

Keenam, Jabatan Perdana Menteri, ini melibatkan perkhidmatan awam. Jadi, tadi disebut perkataan kesetiaan kepada *government of the day*, dan sebagainya. Saya tidak mahu mengulanginya, cuma saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang rungutan mengenai kenaikan pangkat secara kaedah Khas Untuk Penyandang (KUP). Ini satu benda yang menjadi isu kepada perkhidmatan awam kerana ada banyak perkara yang berlaku di situ yang di luar pengetahuan orang ramai.

Jadi, saya dimaklumkan terdapat peningkatan bilangan yang drastik pegawai PTD yang telah dinaikkan pangkat melalui kaedah KUP sejak awal tahun ini. Jadi timbul kesangsian terhadap ketelusan proses tersebut dan terdapat tohmahan yang telah dilemparkan kepada perkhidmatan awam. Persoalan saya ialah, apakah kriteria yang digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membolehkan seseorang pegawai itu layak diberikan kenaikan pangkat secara KUP? Siapakah yang bertanggungjawab dalam membuat perakuan dan keputusan untuk meluluskan seorang pegawai JUSA diberikan kenaikan pangkat secara KUP?

Saya juga ingin bertanya, berapakah bilangan pegawai JUSA yang telah dinaikkan pangkat melalui kaedah ini mengikut gred pada setiap tahun dari tahun 2014 hingga tahun 2018? Saya juga ingin tahu, siapakah bertanggungjawab untuk memastikan pihak yang membuat keputusan itu melaksanakan tugasnya dengan telus atau dengan kata lain *who audit the auditors?*

Saya dimaklumkan terdapat sesetengah pihak mempersoalkan kaedah kenaikan pangkat ini dan baru-baru ini saya telah melihat satu surat yang telah di-*viral*-kan oleh penama yang dipanggil, "*PTD yang teraniaya*". Surat tersebut telah memberi gambaran kepada orang ramai bahawa, pegawai-pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam telah menyalahgunakan kuasa untuk menaikkan pangkat sebilangan pegawai secara pilih kasih dan surat tersebut mohon perkara ini disiasat. Jadi, saya minta supaya Menteri menyemak perkara ini dan jelaskan kepada umum untuk memastikan bahawa imej baik perkhidmatan awam dan nama baik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam surat tersebut tidak terjejaslah.

Ketujuh Tuan Yang di-Pertua, tentang Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Jadi tahniah kepada Menteri yang baharu kerana telah melahirkan hasrat untuk tingkatkan kelajuan jalur lebar sebanyak dua kali pada harga yang separuh. Kita juga dapati dalam *statement* semalam, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa tindakan tegas terhadap syarikat yang tidak turunkan harga jalur lebar.

■1700

Jadi, kita dapati bahawa dalam sistem di bawah TM sistem *internet* yang ditawarkan kepada orang ramai daripada 1Mbps sampailah kepada 30Mbps di bawah *UniFi*. Apa yang menjadi persoalan ialah tentang kawasan liputan. Saya bagi contoh teruslah, di tempat saya itu di dalam satu taman ada Jalan 'A' ini ada *UniFi*. Jalan 'B' yang bersebelahan dengan jalan 'A' tidak ada *UniFi*. Bila ditanya dan sebagainya, jawapan yang diberi ialah "*Oh, jalan yang tidak ada UniFi itu kerana tidak ada permohonan yang mencukupi.*" Bila ditanya lagi, "*Berapa permohonan yang diperlukan?*" dia kata, "*Sekurang-kurangnya 10 orang dalam satu baris itu memohon barulah TM bagi UniFi kepada seluruh jalan tersebut.*" Jadi, ini menjadi bahan lawak kepada rakan-rakan saya di taman. Jadi dia kata, "*Kalau macam itu, kalau orang di baris dia tidak memohon dan tidak cukup 10, dia kata sampai kiamat tidak dapat UniFi.*"

Jadi saya hendak bangkitkan di sini kepada kementerian apakah dasar kementerian dari segi ini? Adakah ini menjadi satu dasar umum, dasar kerajaan bahawa untuk membolehkan syarikat pembekal, utiliti contohnya TM dan sebagainya untuk mereka membekalkan kemudahan kepada orang ramai mesti ada permohonan yang minimum, bilangan permohonan yang minimum. Kalau tanpa permohonan tersebut, mereka tidak membekalkan. Saya rasa ini tidak adil kerana mereka yang duduk di blok tersebut tidak dapat mengawal bilangan yang memohon tetapi mereka adalah rakyat Malaysia, mereka sepatutnya mendapat kemudahan yang disediakan.

Jadi saya harap kementerian dapat menyemak perkara ini. Sekiranya ada dasar tersebut, saya harap kementerian dapat mengubahnya supaya tidak berlaku perbezaan kemudahan yang disediakan oleh mereka dalam satu taman.

Terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ini tentang Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Jadi saya ada tanya soalan tentang ini dan saya telah mendapat jawapan. Kita dapati bahawa jawapan yang diberikan panjang lebar. Cuma saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan bilangan penduduk, saiz kampung ataupun perkampungan yang boleh melayakkan sesuatu kampung itu mendapat satu MPKK.

Satu perkara lagi ialah tentang elaun. Dulu pada masa kerajaan yang lama, kita ada JKK, elaunnya kira-kira RM800 kepada RM900, bergantung kepada tempat. Ramai pun merungut. Mereka kata tidak berbaloi dengan perkara yang mereka kata terpaksa berlari tengah malam dan sebagainya, apabila berlaku banjir, ribut dan sebagainya mereka terpaksa buat macam-macam, hadir mesyuarat dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya kepada kementerian adakah kementerian melihat perkara ini sebagai satu isu yang akan dihadapi pada masa akan datang di mana ahli MPKK ini tidak dapat menjalankan fungsi dengan sepenuhnya kerana mereka seolah-olah macam tidak diberi imbuhan yang bersesuaian. Satu perkara lagi ialah tentang bagaimana untuk mereka menangani masalah semasa. Contohnya, jalan di kampung ada lubang ataupun bila angin datang bumbung rumah si 'A' diterbangkan oleh angin. Apakah yang kerajaan rancang untuk membantu MPKK ini untuk menyelesaikan masalah ini dengan segera? Jika tidak nanti dia kata MPKK ini tidur, tidak buat kerja, lubang ini sudah sebulan tidak bertampal dan sebagainya.

Jadi saya harap kementerian dapat memberi penambahbaikan yang drastik kepada MPKK ini supaya mereka dapat berfungsi jauh lebih baik daripada apa yang telah dilakukan oleh JKK sebelum ini. Ini kerana kerajaan telah memutuskan untuk menghapuskan JKK, ia digantikan dengan MPKK.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu dahulu untuk perbincangan saya kali ini. Saya berharap kementerian dapat menyediakan jawapan yang diperlukan kerana jawapan-jawapan inilah yang akan menentukan sama ada kita dapat menyampaikan apa yang kerajaan ingin sampaikan kepada orang kampung kerana kamilah salah satu *frontline* yang berhadapan dengan orang kampung. Kalau jawapan itu tidak memuaskan, kita pun menyampaikan jawapan tidak memuaskan dan ia akan menjadi *the reflection*, dengan izin, kepada kerajaan juga. Jadi saya harap tindakan yang sewajarnya diambil. Dengan itu sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan yang telah mengucap panjang lebar kepentingan anak-anak keturunan Siam.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Shariff. Dipersilakan.

5.06 ptg.

Puan Sopiah binti Sharif: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan setinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tahun ini Parlimen dibuka dengan rasminya pada 17 Julai dan 18 Julai. Bagi saya ia merupakan tahun yang cukup istimewa kerana tahun ini menyaksikan pembukaan perasmian Parlimen sebanyak dua kali dalam satu tahun oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan buat pembukaan kali kedua dibuka selepas Pilihanraya Umum baru-baru ini.

Pada 9 Mei 2018 sejarah Malaysia, rakyat telah pun mengundi dan memilih kerajaan baharu iaitu Kerajaan Pakatan Harapan yang mana kita rasa banyak perubahan dan juga tidak ada berlakunya perkara yang buruk iaitu selepas keputusan pilihan raya. Sebagai lambang demokrasi negara, walaupun sebelum ini ramai pihak mengatakan kerajaan dahulu menyalahgunakan kuasa tetapi pilihan raya baru-baru ini jelas menunjukkan demokrasi tetap subur di negara bertuah ini. Segala tuduhan meleset, peralihan kerajaan berjalan dengan lancar.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada pihak berkuasa yang menjaga keamanan negara dan juga kepada SPR yang telah memastikan perjalanan berjalan dengan lancar. Sekalung tahniah kepada kerajaan baru yang memerintah. Cuma harus diingatkan kemenangan pihak kerajaan baru bukan bermakna kemenangan yang harus diraikan kemenangan ke atas pihak lawan tetapi kemenangan ini datang bersama beban, bertanggungjawab dan amanah, berserta harapan oleh rakyat untuk menjaga kemakmuran negara dan membela rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja baru-baru ini, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada mengatakan bahawa kemakmuran negara harus dilihat demi pembangunan dan ekonomi negara. Setiap negara tidak kira bangsa, kulit malahan fahaman politik, semua menikmati limpahan ekonomi. Antara perkara yang boleh membawa kepada peningkatan dipelihara bagi menjaga maruah negara. Semua yang saya sebutkan di sini terkandung di dalam Titah Tuanku.

■1710

Walau bagaimanapun, perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri, Perdana Menteri membuat pengumuman kerajaan menanggung hutang yang tinggi dan menjadi bimbang. Saya rasa bukan sahaja di bawah Duli Tuanku bahkan semua rakyat Malaysia. Maka dengan soalan pertama saya dalam perbahasan ini, saya ingin bertanya kepada kerajaan baharu, apakah kesan pengumuman bahawa kita menanggung hutang sebanyak RM1 trilion kepada keadaan ekonomi negara kita.

Dengan isu yang sama, saya juga ingin bertanya pada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, apakah kita mengalami kejatuhan saham yang ada berlaku penarikan diri pelaburan di luar negara? Sekiranya ada, saya ingin meminta kerajaan menyatakan pelabur yang telah menarik pelaburan di Malaysia dan apakah usaha terkini yang dilakukan oleh kerajaan untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia?

Saya difahamkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat lawatan rasmi ke negara China baru-baru ini. Maka, saya ingin tahu hasil daripada lawatan tersebut adakah perbezaan lawatan rasmi kerajaan sekarang ini dengan yang terdahulu? Tujuan saya bertanya demikian adalah kerana kerajaan dahulu dikatakan difitnah sebagai menjual negara kita ke negara China. Jadi, saya ingin tahu apakah perbezaan antara perhubungan Malaysia dan China di antara kerajaan sekarang dan kerajaan terdahulu?

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, mengenai nilai prestasi ekonomi kita dan Pelaburan Langsung Asing (FDI). Sekiranya kita lihat pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2017 adalah sebanyak lima peratus. Itu pun selepas kita pulih dari kelembapan ekonomi dunia pada tahun 2016. Pada tahun lepas, Pelaburan Langsung Asing negara mencecah RM41 bilion atau dengan kata lainnya di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu. Jadi dengan itu, saya ingin tahu apakah kadar terkini petunjuk dan prestasi ekonomi negara selepas Pilihanraya Umum Keempat Belas ini, dan selepas Perdana Menteri mengumumkan bahawa kadar hutang negara mencecah RM1 trilion.

Saya juga ingin tahu adakah berlaku ketidaksamaan pertumbuhan antara negeri, jurang pendapatan terutamanya kumpulan B40, kadar pengangguran belia dan kadar kenaikan kos hidup? Apakah petunjuk dan anjuran ekonomi negara setakat bulan Mei hingga bulan Ogos 2018?

Masih lagi isu ekonomi, yang mana saya ingin meminta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berkaitan dengan pada masa ini, negara kita adakah berlaku sebarang kenaikan dan kekurangan berkaitan dengan suasana landskap politik negara menjejaskan kedatangan pelancong asing.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Pertahanan, ini kerana dalam Titah Diraja, Tuanku ada mengatakan mengenai langkah-langkah yang harus diambil oleh kerajaan untuk memperkukuhkan kerajaan di antara negara Asia dan juga peringkat antarabangsa. Baru-baru ini, Kementerian Pertahanan telah melaksanakan polisi baharu iaitu dengan membawa pulang anggota-anggota tentera Malaysia yang berpangkalan di Arab Saudi. Ramai yang berpendapat langkah ini merupakan satu langkah yang terburu-buru dan seterusnya menunjukkan petanda seolah-olah negara kita menyokong pemberontak Yaman.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Pertahanan juga kerana dalam Titah Tuanku menyatakan mengenai langkah-langkah yang harus diambil oleh kerajaan untuk memperkukuhkan negara ini. Kehadiran tentera Malaysia ke Arab Saudi adalah bersifat berkecuali. Tentera kita tidak terbabit dengan konflik di Yaman serta kita tidak memihak kepada mana-mana ideologi politik di sana. Kehadiran tentera kita sebagai membantu kerja-kerja kemanusiaan dan membantu sebagai simbol perpaduan hubungan yang baik antara Malaysia dan Arab Saudi. Saya ingin bertanya apakah terbaru oleh kementerian ini kena-mengena dengan kos yang sudah tidak mampu ditumpukan oleh kementerian ataupun kementerian mempunyai dasar dan pendirian yang lain.

Saya juga ingin tahu, sekiranya kementerian masih lagi ingin meneruskan langkah ini, bilakah tarikh yang ditetapkan untuk membawa balik askar-askar kita ke sana? Saya juga ingin bertanya kepada kementerian yang bercadang untuk menutup Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman, badan yang ditubuhkan itu menyekang fahaman pelampau dan militan. Pusat ini mula beroperasi di Kuala Lumpur pada 30 Mei tahun lepas yang dicadangkan oleh Raja Arab Saudi, Salman bin Abdulaziz Al Saud. Arab Saudi memilih negara Malaysia berbanding banyak negara lain. Saya risau dengan penutupan pusat ini, akan membawa isyarat bahawa Malaysia menolak bantuan Arab Saudi dalam kempen memerangi fahaman pelampau militan.

Soalan saya, apakah faktor atau penyebab yang membawa kepada keputusan ini? Nyatakan juga kesan dan impak kepada hubungan Malaysia dengan Arab Saudi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada perkhidmatan awam yang banyak kita bincangkan tadi, tentang kebajikan kakitangan perkhidmatan awam yang perlu diberikan perhatian terutama mereka ini adalah merupakan penjawat awam iaitu tulang belakang kepada pentadbiran negara. Sesuatu kerajaan yang cemerlang adalah kerana pengurusan dan kelicinan pentadbiran oleh penjawat awam.

Ahli-ahli politik dan pemimpin datang dan pergi tetapi penjawat awam masih kekal dan tetap tidak berubah. Penjawat awam, memikul amanah tinggi agar segala polisi dan

pentadbiran kerajaan diuruskan dengan penuh berhemah dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat. Sekarang ini dikatakan jumlah penjawat awam di Malaysia telah mencecah seramai 1.8 juta orang. Dengan bertukar kerajaan, pastinya tugas penjawat awam kita menjadi lebih mencabar dan lebih besar.

■1720

Walau bagaimanapun, perhatian harus diberi kepada kebajikan keperluan asas kepada penjawat awam seperti penyelarasan gaji, kenaikan pangkat, peluang kerjaya yang lebih menarik dan lain-lain lagi. Kita semua sedia maklum bahawa selepas Pilihanraya Umum Keempat Belas, kerajaan telah menafikan sebahagian bonus yang sepatutnya diberi kepada penjawat awam Gred 41 dan ke atas serta tiada kenaikan gaji pada tahun ini. Pengumuman ini mungkin sedikit sebanyak telah banyak mengecewakan sebahagian besar penjawat awam yang berada pada hari ini.

Pegawai-pegawai yang bertugas tidak mengira masa, mereka sentiasa balik lambat, balik malam, mengorbankan masa dan keluarga dan ada sehingga mengorbankan cuti hujung minggu demi menjalankan tugas dengan bertanggungjawab. Ini belum lagi dibebankan dengan banyak dasar-dasar baharu yang dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan, antaranya mengubah dan menyusun semula segala polisi dan dasar Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Adakah kerajaan sedar mengenai bebanan baharu yang dikenakan pada penjawat awam sekarang ini akibat dari dasar kejutan Parti Harapan?

Saya faham keadaan ekonomi dan harga minyak dunia turun dan naik sedikit sebanyak telah memberi kesan ekonomi kepada Malaysia tetapi tidak bermakna pengorbanan dan titik peluh keringat penjawat awam untuk menjalankan tugas. Maka dengan ini, saya ingin bertanya, pertama kepada Kementerian Kewangan, apakah pada tahun ini kerajaan akan mempertimbangkan, walaupun kita kata tiada macam mana pun- mengenai dengan bonus untuk penjawat awam bagi membantu mereka menangani bebanan kos sara hidup yang meningkat? Adakah kerajaan berani memberi bonus seperti mana Kerajaan Selangor yang memberi tiga bulan bonus kepada penjawat awam?

Kedua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan mengenai isu yang sama iaitu adakah kementerian ada membuat kajian mengenai tekanan di tempat kerja penjawat awam? Ini kerana perkara ini boleh membawa kepada sesetengah penjawat awam mengalami tekanan mental yang secara- kadang-kadang balik ke rumah bergaduh dengan suami, dengan isteri, dengan anak menyebabkan kekeluargaan kucar-kacir. Sekiranya kita lihat kepada data oleh Kementerian Kesihatan, bahawa pesakit mental di negara ini meningkat dengan tinggi.

Adakah ini juga termasuk dalam yang dihadapi oleh penjawat awam sebagaimana yang dihadapi oleh guru-guru? Yang mana pada sidang yang lepas saya bawa berhubung dengan tekanan dan juga masalah guru-guru disebabkan kenaikan gaji dan juga gred mereka yang tidak selaras. Jadi supaya perkara ini diberi perhatian.

Dan yang ketiga saya ingin bertanya kepada kerajaan mengenai Parlimen yang ingin mewujudkan pelbagai jawatankuasa pilihan di Parlimen. Penyusunan semula selepas kemenangan. Mengenai pengembalian semula Akta Parlimen, adakah Jabatan Perdana Menteri ada meneliti keperluan perjawatan awam di Parlimen? Terutamanya jawatan JUSA, jawatan macam-macam jawatan kakitangan telah dipindah.

Banyak perkara-perkara terutamanya gaji kakitangan kontrak serupa macam kakitangan kontrak KEMAS yang terpaksa berpindah-pindah dan sebagainya. Ini perlulah diberi perhatian yang sewajarnya. Kita tidak kira politik. Yang pentingnya rakyat diberi perhatian yang sama dan seiring, tidak kira untuk menjaga dan mengisi perut ahli keluarga dan juga mereka ini adalah pengundi, tidak kira- macam kita bincang ini, tidak kira politik. Yang pentingnya ada pengundi dan penyokong Kerajaan Malaysia pada hari ini. Saya berharap semua ini dapat diberi perhatian yang sebaiknya supaya penyatuan, pergerakan, penyusunan negara kita dapat distabilkan.

Saya juga ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri kerana ada ura-ura bahawa Perdana Menteri ingin mewujudkan kembali sistem waktu bekerja enam hari iaitu hari Sabtu yang cuti akan mula bekerja balik. Yang ini adalah di bawah era Tun Abdullah Ahmad Badawi yang mewujudkan hari Sabtu tidak bekerja. Jadi kalau khabar-khabar angin akan dibuat, kita perlulah kaji balik supaya penglibatan ahli keluarga ibu bapa di dalam pendidikan. Enam hari bekerja, Sabtu kelas tuisyen dan sebagainya mungkin menyebabkan pendidikan anak-anak dan keluarga tidak akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, mutakhir ini saya lihat kerajaan baharu sentiasa mendedahkan dokumen rahsia dan salah laku oleh kerajaan terdahulu. Saya sebenarnya memegang pada kata-kata Perdana Menteri sekarang bahawa tindakan yang berlaku bukan atas dasar balas dendam, sebaliknya ingin menegakkan undang-undang dan tadbir urus yang baik.

Saya menyokong bahawa undang-undang harus ditegakkan tetapi biarlah Badan Kehakiman yang menentukan. Saya berpandangan kerajaan sekarang harus menumpu perhatian dan membuat dasar dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bukan semua perkara yang kerajaan terdahulu buat sempurna, memang ada kekurangan dan kelemahan tetapi bukan alasan untuk melemparkan pelbagai tuduhan dan fitnah kepada kerajaan terutamanya kepada Perdana Menteri dan

Timbalan Perdana Menteri dan Barisan Kabinet yang terdahulu. Memang ini semua ragam dan resam dunia politik. Akan tetapi apabila ia menyentuh aspek keselamatan dan imej negara terjejas, maka langkah-langkah haruslah diambil untuk mengatasinya.

Saya berasa amat bimbang dengan pihak yang tidak bersyukur dengan kemakmuran yang sedia ada. Banyak negara luar yang sudah memberi contoh telah jatuh apabila terpengaruh dengan fitnah yang berleluasa. Apabila sekali kita hilang amanah, maka kita akan hilang sepenuhnya. Janganlah kita memandang enteng akan perkara ini. Rakyat mahu melihat kerajaan menunjukkan keprihatinan kepada rakyat. Rakyat mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Puan Sopiah binti Sharif: Sedikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh sambung esok.

■1730

Puan Sopiah binti Sharif: Sedikit lagi, tidak sampai semuka. Boleh saya habiskan?

Mengotakan janji-janji usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang pesat membangun... *[Disampuk]*

Realitinya kerajaan sekarang mudah untuk mengurus, mentadbir negara oleh kerana segala kemudahan telah pun disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kesimpulannya, rakyat telah memilih dan rakyat mahukan pembaharuan seperti yang dijanjikan di dalam manifesto Pakatan Harapan.

Walau bagaimanapun, yang pasti dan yang kita harus menerima merupakan manifesto dekat di hati rakyat merupakan manifesto bersifat realiti rakyat. Saya sentiasa bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana negara kita masih makmur, aman. Maka bersama-samalah kita kekalkan suasana demi generasi masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena perasmian Parlimen. Sekian. *Wabillahitaufik, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak ya kepada Yang Berhormat Puan Sopiah binti Sharif.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara petang ini bersama-sama kami sampai ke akhirnya. Contoh terbaik dan pujian dicontohi oleh Pengerusi, Presidennya pun tunggu juga. Dia tunggu tadi. Itu contoh terbaik.

Ini tanda-tanda orang berjuang. Bak kata pujangga kita...

*Apakah tanda-tanda orang perjuangan;
Pedih dan perit dibawa berlari;
Susah payah tiada halangan;
Kemenangan perjuangan yang ku cari-cari... [Tepuk]*

Itulah dia, orang perjuangan.

Syabas dan tahniah pada keluarga saya- Ahli-ahli Dewan Negara.

Dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 29 Ogos 2018. Sekian. *Assalamualaikum.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang]